

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan  
Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI SELANGOR**  
Tahun 2011







## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Jabatan/Agensi  
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI SELANGOR**  
Tahun 2011

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





---

## KANDUNGAN



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI</b>	
Pendahuluan	3
Jabatan Pertanian Program Pembangunan Industri Buah-buahan	3
Pejabat Tanah Dan Galian Serta Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat, Klang Dan Petaling Pengurusan Tukar Syarat Tanah	18
Jabatan Agama Islam Selangor Pembaikan Dan Penyenggaraan Sekolah Agama	36
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Program Ternakan Ayam Kontrak	46
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor Projek Penghutanan Semula Di Hutan Simpan Rantau Panjang Dan Hutan Simpan Bukit Tarek	61
Majlis Perbandaran Subang Jaya Pengurusan Kamera Litar Tertutup	73
Yayasan Warisan Anak Selangor Pengurusan Skim Tabung Warisan Anak Selangor	85
<b>BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
Pendahuluan	95
Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	95
Rantaian Mesra Sdn. Bhd.	112
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor De Palma Management Services Sdn. Bhd.	120

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BAHAGIAN III - PERKARA AM</b>	
Pendahuluan	141
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006, 2008, 2009 Dan 2010	141
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor	149
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor	149
Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas	151
Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tanggungjawaban Dan Ketelusan (SELCAT)	152
<b>PENUTUP</b>	155



---

## KATA PENDAHULUAN



# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Negeri Selangor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2011 adalah hasil daripada pegauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 Jabatan, 3 Agensi dan 3 Syarikat Kerajaan Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

- |                     |          |  |
|---------------------|----------|--|
| <b>Bahagian I</b>   | <b>:</b> | <b>Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri</b>      |
| <b>Bahagian II</b>  | <b>:</b> | <b>Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri</b> |
| <b>Bahagian III</b> | <b>:</b> | <b>Perkara Am</b>                          |

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan/Agensi Negeri Selangor pada tahun 2011 seperti yang saya laporkan dalam Laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah kekurangan sistem pengurusan maklumat, penguatkuasaan, penyeliaan yang kurang rapi, ketiadaan pemantauan yang berkesan dan kekurangan peruntukan kewangan. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 40 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana hasrat Kerajaan. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan

slogan “**Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan**” bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

22 Mei 2012



---

## INTISARI LAPORAN



# INTISARI LAPORAN

## BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

### 1. JABATAN PERTANIAN

#### - Program Pembangunan Industri Buah-Buahan

1.1. Di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998 hingga 2010), industri buah-buahan merupakan satu aspek yang diberi penekanan untuk meningkatkan ekonomi negara. Program Pembangunan Industri Buah-buahan (Program) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani mulai RMKe-8 bertujuan menggalakkan pengamalan teknologi berdasarkan Amalan Pertanian Baik untuk meningkatkan pengeluaran hasil berkualiti, selamat dimakan dan mesra alam bagi memenuhi keperluan domestik dan luar negara serta meningkatkan pendapatan petani dengan sasaran pendapatan bersih RM1,000 sebulan untuk projek perladangan berkelompok dan RM3,000 sebulan untuk usahawan. Program terdiri daripada 2 kategori projek iaitu Pembangunan Dusun Komersial dan Pemulihan Dusun Berkelompok. Bagi melaksanakan Program, Jabatan Pertanian Negeri Selangor (JPNS) telah memberi pelbagai bantuan antaranya pembersihan kawasan, pembinaan jalan ladang, pembinaan kolam takungan, penyediaan sistem perparitan, penyediaan kemudahan elektrik, pemasangan pagar dan pengagihan bantuan input pertanian (benih, baja, racun perosak serta peralatan pertanian). Bagi tahun 2009 hingga 2011, JPNS telah membelanjakan 99.9% daripada RM2.07 juta peruntukan yang diterima.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan Program Pembangunan Industri Buah-buahan adalah kurang memuaskan kerana prestasi pengeluaran hasil tanaman dan pendapatan peserta belum mencapai sasaran Program serta prestasi pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) adalah rendah walaupun Program telah mula dilaksanakan pada tahun 2001. Selain itu, pelaksanaan Program juga didapati lemah dan perlu dipertingkatkan. Antara kelemahan yang perlu ditangani adalah seperti berikut:

1.2.1. Perjanjian dengan peserta tidak disediakan dan ditandatangani.

1.2.2. Rekod ladang tidak diselenggarakan.

1.2.3. Kelewatan mengagihkan input pertanian dan peralatan kepada peserta serta stor baja tidak diuruskan dengan teratur.

1.3. Bagi meningkatkan prestasi pengeluaran hasil tanaman dan menambah baik pengurusan Program, adalah disyorkan Jabatan Pertanian mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Mewujudkan sasaran pengeluaran yang lebih realistik serta memberi galakan berterusan dan bantuan teknikal kepada peserta untuk mendapatkan sijil SALM supaya meningkatkan pengeluaran hasil berkualiti, selamat dimakan dan mesra alam.

**1.3.2.** Mengadakan *Standard Operating Procedures* yang lengkap untuk memastikan Program dapat dilaksanakan dengan cekap.

**1.3.3.** Menyediakan surat perjanjian dan memastikan peserta menandatangani perjanjian serta mematuhi syarat perjanjian bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.

**1.3.4.** Bekerjasama dengan pihak Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) supaya menggunakan teknologi yang lebih sesuai untuk mengawal serangan penyakit dan pada masa yang sama, menghasilkan pelbagai buah-buahan yang berkualiti dan tahan kepada penyakit.

**1.3.5.** Meneruskan kerjasama dengan Jabatan Perhilitan bagi mengatasi serangan monyet dan haiwan perosak lain kepada pokok buah.

## **2. PEJABAT TANAH DAN GALIAN SERTA PEJABAT DAERAH DAN TANAH**

### **HULU LANGAT, KLANG DAN PETALING**

#### **- Pengurusan Tukar Syarat Tanah**

**2.1.** Mengikut pembahagian kuasa perundungan yang ditetapkan melalui Senarai Kedua Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, tanah merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Pihak Berkuasa Negeri bertanggungjawab untuk mentadbir dan mengurus tanah termasuk mengawal tanah bermilik supaya ia diguna, diusaha dan dibangunkan sejajar dengan tujuan pemberimilikan. Oleh itu, syarat mengenai kategori penggunaan tanah, syarat nyata dan sekatan kepentingan ditetapkan dan dinyatakan di dalam dokumen hak milik bagi mengawal penggunaan tanah bermilik. Seksyen 52(1) Kanun Tanah Negara, 1965 (KTN) menetapkan jenis penggunaan tanah terbahagi kepada 3 kategori iaitu pertanian, perindustrian dan bangunan. Syarat tersebut hendaklah dipatuhi supaya pelanggaran syarat tanah tidak berlaku yang boleh mengakibatkan pemilik tanah dikenakan tindakan perampasan mengikut Seksyen 129 KTN jika tidak diremedi di bawah Seksyen 128 KTN. Bagaimanapun mengikut Seksyen 124 KTN, pemilik tanah boleh menukar syarat tersebut bagi membolehkan tanah dibangunkan untuk tujuan selain daripada yang telah ditetapkan semasa pemberimilikan. Urusan tukar syarat tanah boleh dilaksanakan oleh pemilik tanah di Unit Tukar Syarat Tanah, Bahagian Pembangunan Dan Kemajuan Tanah, Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) serta Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) yang berkaitan. Selepas tukar syarat tanah diluluskan, pemilik tanah dikehendaki membayar premium tambahan dan cukai tanah baru mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kaedah-kaedah Tanah Selangor Tahun 2003 (Pindaan). Mengikut rekod PDT, Kerajaan Negeri telah mengutip premium tambahan bagi tahun 2009 hingga 2011 masing-masing berjumlah RM101.40 juta, RM136.16 juta dan RM169.63 juta.

**2.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2011 hingga Januari 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan tukar syarat tanah perlu dipertingkatkan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

**2.2.1.** Pelanggaran syarat tanah iaitu pembinaan kilang haram, perusahaan tapak perkuburan tanpa kebenaran serta penternakan dan perusahaan burung walit masih tidak dapat ditangani dengan berkesan.

**2.2.2.** Kelemahan dalam aspek pelaksanaan tukar syarat tanah juga perlu diberi perhatian yang serius antaranya permohonan tukar syarat tanah lewat diproses, pendaftaran hak milik baru belum dibuat sungguhpun kelulusan telah diberi, cukai tanah kurang dikutip, premium khas (denda) terlebih/terkurang dikutip serta pengurusan maklumat tukar syarat tanah di peringkat PTG dan PDT yang kurang memuaskan.

**2.3.** Untuk menambah baik pengurusan tukar syarat tanah, Kerajaan Negeri serta PTG dengan kerjasama PDT adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

**2.3.1.** Menyelenggarakan rekod inventori untuk memantau pelanggaran terhadap syarat tanah dan mengemaskinkannya dengan status penguatkuasaan yang telah diambil oleh PTG untuk setiap pelanggaran yang berlaku. Dengan maklumat pelanggaran syarat tanah yang lengkap, tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas boleh/perlu diambil dengan kerjasama pihak PDT yang berkaitan.

**2.3.2.** Menetapkan kategori penggunaan tanah atau syarat nyata untuk penternakan dan perusahaan burung walit dengan segera supaya industri ini dapat diusahakan secara sah dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

**2.3.3.** Menilai semula tempoh sebenar yang diambil untuk memproses permohonan tukar syarat tanah di semua peringkat yang terlibat (PTG, PDT dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri) dan seterusnya menyeragamkan tempoh piagam pelanggan yang paling munasabah. Ini bertujuan memastikan pemprosesan permohonan tukar syarat tanah dapat dijalankan dengan cekap.

**2.3.4.** Menguatkuasakan peraturan bagi permohonan baru iaitu pemilik tanah hendaklah menyerahkan dokumen hak milik tanah semasa menjelaskan bayaran tukar syarat tanah (Borang 7G) untuk tujuan pendaftaran hak milik baru. Bagi kes permohonan tukar syarat tanah sedia ada yang belum menyerahkan dokumen hak milik tanah, denda hendaklah dikenakan bagi tempoh selepas bayaran tukar syarat tanah (Borang 7G) dijelaskan sehingga dokumen hak milik tanah diserahkan untuk pendaftaran. Kadar denda yang dicadangkan ialah pada kadar cukai tanah baru sepertimana denda pelanggaran syarat tanah dikenakan mengikut Kaedah 11(6), Kaedah-kaedah Tanah Selangor Tahun 2003 (Pindaan).

**2.3.5.** Menggunakan satu sistem berkomputer bersepadu bagi memudahkan pengurusan tanah yang boleh diterima pakai oleh pihak yang terlibat seperti Pejabat Tanah Dan Galian dan Pejabat Daerah Dan Tanah.

### **3. JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

#### **- Pembaikan Dan Penyenggaraan Sekolah Agama**

**3.1.** Sehingga akhir tahun 2011, terdapat 259 sekolah agama di seluruh Negeri Selangor yang terdiri daripada 12 Pra Sekolah, 211 Sekolah Rendah Agama, 11 Sekolah Rendah Agama Integrasi serta 25 Sekolah Agama Menengah dan Tinggi. Sejumlah 46 sekolah (17.8%) daripada sekolah tersebut berusia kurang daripada 10 tahun. Manakala 164 sekolah (63.3%) berusia antara 20 hingga 50 tahun dan baki 49 sekolah (18.9%) adalah lebih daripada 50 tahun. Bagi memastikan sekolah tersebut berada dalam keadaan selamat, kondusif dan boleh digunakan secara optimum, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menjalankan kerja pembaikan dan penyenggaraan sekolah meliputi ubah suai dan naik taraf terhadap bangunan dan infrastruktur sekolah serta kebersihan dan keselamatan kawasan persekitarannya. Penyenggaraan sekolah agama terletak di bawah tanggungjawab Unit Pembangunan di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan, JAIS yang diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Gred M41. Beliau dibantu oleh seorang Penolong Jurutera Gred J29 dan 3 orang Juruteknik Gred J17. Kerja pembaikan dan penyenggaraan tersebut diuruskan sama ada oleh Unit Pembangunan JAIS atau Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah. Bagi melaksanakan kerja pembaikan dan penyenggaraan sekolah agama, pihak JAIS/JKR Daerah melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja tersebut dan mereka bertanggungjawab untuk memastikan kerja tersebut dilaksanakan dengan sempurna. Mengikut rekod di JAIS, bagi tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM25.03 juta (96.3%) daripada RM25.99 juta peruntukan yang diterima telah dibelanjakan untuk melaksanakan kerja pembaikan dan penyenggaraan 259 sekolah agama.

**3.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2011 mendapati JAIS telah menjalankan tanggungjawab untuk melaksanakan kerja pembaikan dan penyenggaraan yang diluluskan di mana pada keseluruhan prestasi kerja pembaikan dan penyenggaraan adalah memuaskan. Sebanyak 96.3% daripada peruntukan yang diterima telah digunakan untuk menyiapkan kerja pembaikan dan penyenggaraan 577 inden kerja. Bagaimanapun, pengurusan kerja pembaikan dan penyenggaraan sekolah agama ini masih perlu dipertingkatkan kerana:

**3.2.1.** Terdapat bangunan dan infrastruktur sekolah yang tidak kondusif digunakan serta boleh menjelaskan keselamatan guru dan pelajar.

**3.2.2.** Peruntukan kewangan tidak mencukupi dan penyeliaan/pemantauan yang lemah.

**3.3.** Bagi memastikan sekolah agama di Negeri Selangor dan persekitarannya sentiasa disenggarakan mengikut keperluan, pihak JAIS dengan kerjasama pihak JKR Daerah dan sekolah perlu memberi pertimbangan kepada perkara berikut:

**3.3.1.** JAIS perlu membuat permohonan penyenggaraan secara menyeluruh dan Kerajaan Negeri perlu menyediakan peruntukan kewangan yang secukupnya untuk membolehkan penyenggaraan dan pembaikan sekolah agama dilaksanakan dengan sempurna supaya wujud suasana pembelajaran yang lebih kondusif.

**3.3.2.** Menyediakan rancangan penyenggaraan secara berjadual yang menyeluruh meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua sekolah agama di seluruh Negeri Selangor. Pihak sekolah perlu lebih pro-aktif dan bekerjasama dengan pihak JAIS untuk mengenal pasti kerja yang perlu disenggara/dibaiki dengan segera. Mereka perlu menyelenggara satu daftar pemantauan bagi memudahkan pegawai penyelia mengesan bahagian dan persekitaran bangunan yang telah, sedang atau yang memerlukan pembaikan dan penyenggaraan.

**3.3.3.** Menyediakan pegawai yang mencukupi bagi memantau kerja yang dilaksanakan di samping meningkatkan kerjasama dengan pihak JKR Daerah dan sekolah bagi mengadakan pemeriksaan fizikal terhadap semua sekolah secara berjadual bagi memastikan penyenggaraan dilaksanakan dengan sempurna.

#### **4. JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

##### **- Program Ternakan Ayam Kontrak**

**4.1.** Berdasarkan statistik pengeluaran dan keperluan daging ayam, Negeri Selangor masih kekurangan bekalan daging ayam antara 55.6% hingga 67.2% bagi tahun 2009 hingga 2011. Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Jabatan) telah melaksanakan Program Ternakan Ayam Kontrak (Program) untuk membantu memenuhi permintaan daging ayam di Negeri Selangor. Objektif Program adalah untuk meningkatkan penghasilan sumber protein daripada daging ayam melalui pengeluaran sebanyak 720 tan metrik setahun bagi memenuhi permintaan penduduk Negeri Selangor dan sekitar Lembah Klang serta menyediakan kemudahan infrastruktur kepada penternak tempatan yang kurang berkemampuan tetapi berdaya maju. Program ini dilaksanakan mulai RMKe-7 dan diteruskan hingga RMKe-10 dengan nama Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ayam Pedaging. Melalui Program ini, Jabatan (*lessor*) akan menyediakan infrastruktur yang terdiri daripada tapak, reban ayam, perkakasan menternak dan khidmat nasihat kesihatan veterinar kepada peserta (*lessee*). Peserta yang terpilih dikenakan bayaran pajakan pada kadar RM0.15 seekor ayam untuk reban terbuka dan RM0.21 seekor ayam untuk reban tertutup bagi setiap pusingan ternakan. Dua syarikat pembekal swasta (*integrator*) yang dipilih oleh peserta sendiri pula membekalkan anak ayam, makanan dan ubatan secara kredit kepada peserta. Sebagai balasan, peserta perlu menjual ayam kepada *integrator* pada harga yang dilaraskan dengan kos bekalan anak ayam, makanan dan ubatan. Program ini telah dilaksanakan di 3 ladang ternakan iaitu TKPM Sepintas (Sabak Bernam), TKPM Bestari Jaya (Kuala Selangor) dan TKPM Hulu Teris (Sepang). Bagi tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM2.32 juta daripada RM2.35 juta peruntukan yang diterima telah dibelanjakan untuk Program ini.

**4.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan Program Ternakan Ayam Kontrak telah dilaksanakan dengan memuaskan dari segi pencapaian sasaran pengeluaran ayam pedaging yang ditetapkan pada tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun, terdapat beberapa

kelemahan yang perlu diambil tindakan penambahbaikan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah:

- 4.2.1.** Jabatan tidak menetapkan sasaran pengeluaran untuk RMKe-10.
  - 4.2.2.** Pembinaan reban ayam lewat disiapkan menyebabkan kehilangan keupayaan menternak ayam dianggarkan 20 pusingan dengan pengeluaran 400 tan metrik serta kehilangan hasil pajakan reban berjumlah RM42,000.
  - 4.2.3.** Pengurusan perjanjian dan kutipan bayaran pajakan kurang memuaskan.
- 4.3.** Bagi menambah baik pelaksanaan Program, adalah disyorkan Jabatan mengambil tindakan berikut:
- 4.3.1.** Menetapkan sasaran pengeluaran Program yang realistik dan terkini berdasarkan jumlah reban, kapasiti ternakan dan kecekapan pengeluaran supaya ukuran pencapaian yang tepat boleh diperoleh untuk meningkatkan produktiviti Program.
  - 4.3.2.** Meningkatkan pemantauan terhadap proses pembinaan reban supaya objektif Jabatan untuk meningkatkan pengeluaran hasil ternakan dapat dicapai dengan lancar.
  - 4.3.3.** Memastikan reban yang dibina adalah berkualiti dengan menetapkan spesifikasi bahan binaan yang digunakan berdasarkan pengesahan konsultan.
  - 4.3.4.** Menjalankan pemeriksaan secara berkala terhadap reban yang tidak digunakan bagi tempoh yang lama untuk mengelakkan serangan kumbang kayu.
  - 4.3.5.** Memastikan perjanjian pajakan disediakan dan ditandatangani untuk menjaga kepentingan Kerajaan.
  - 4.3.6.** Mengutip bayaran pajakan daripada peserta ladang ternakan TKPM Hulu Teris.
  - 4.3.7.** Menyediakan *Standard Operating Procedures* berkaitan kawalan pencemaran termasuk penggunaan kaedah seperti Efektif Mikrob dan kaedah pelupusan bangkai ayam serta mempertingkatkan kawalan pencemaran di ladang ternakan TKPM Bestari Jaya dan TKPM Hulu Teris.

## **5. PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**

- **Projek Penghutanan Semula Di Hutan Simpan Rantau Panjang Dan Hutan Simpan Bukit Tarek**

**5.1.** Pada 13 Februari 1996, Mesyuarat Majlis Perhutanan Negara Ke-12 telah bersetuju supaya ladang hutan di Negeri Selangor diswastakan seiring dengan Dasar Penswastaan Negara. Sehubungan itu pada 5 Januari 2000, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan Projek Penghutanan Semula kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dengan kerjasama syarikat swasta bertujuan untuk mengekalkan hutan dalam keadaan yang terpelihara dan kualiti yang berterusan sejajar dengan undang-undang dan garis panduan yang ditetapkan. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan Negeri dan PKPS telah menandatangani *Lease And Concession Agreement* pada 22 Februari 2001 di mana Kerajaan Negeri memberi PKPS konsesi tanah Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan

Simpan Bukit Tarek masing-masing seluas 5,000 hektar untuk ditanam semula dengan pokok sentang dan jati selama 60 tahun berkuat kuasa serta merta. Sebagai balasan, PKPS dikehendaki membayar kepada Kerajaan Negeri royalti hasil kayu balak sebanyak 1% daripada semua pendapatan yang diperoleh PKPS hasil jualan kayu balak yang diusahasilkan dari hutan tersebut. Bagi menjayakan projek ini PKPS telah memajak tanah ini kepada 7 syarikat swasta dan satu syarikat subsidiarinya, melalui perjanjian usahasama yang ditandatangani antara tahun 2001 hingga 2011. Selain itu, Kerajaan Negeri juga meminta PKPS menjadikan sebahagian besar kawasan Projek Penghutanan Semula ini sebagai *agro/forest tourism* dan ditanam dengan pokok getah.

**5.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2011 hingga Januari 2012 mendapati pada keseluruhannya, sasaran Projek Penghutanan Semula oleh PKPS tidak tercapai sepenuhnya, di mana hanya 66.3% daripada 10,000 hektar kawasan telah dibangunkan dan ditanam semula. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan projek yang diperhatikan antaranya:

- 5.2.1.** Rancangan lewat disediakan.
- 5.2.2.** Penanaman jenis pokok tidak mengikut kelulusan.
- 5.2.3.** Tanah lewat dipajak.
- 5.2.4.** Pokok lewat ditanam selepas perjanjian ditandatangani.
- 5.2.5.** Tunggakan hutang syarikat pemajak yang belum dikutip.
- 5.2.6.** Pelantikan syarikat pemajak tidak teratur.
- 5.2.7.** Kekurangan pemantauan.

**5.3.** Bagi meningkatkan pengurusan Projek Penghutanan Semula di Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarek serta projek ladang hutan lain di masa hadapan, Kerajaan Negeri dan PKPS disyorkan mengambil tindakan berikut:

- 5.3.1.** Menjalankan kajian mengenai kaedah terbaik untuk mengkomersialkan hutan simpan dan pada masa yang sama melestarikan alam sekitar bagi mendapat *value for money*.
- 5.3.2.** Menyediakan pelan tindakan operasi secara terperinci mengikut tahun dan kawasan yang dipajakkecilkan kepada syarikat pemajak bagi memastikan penanaman semula hutan dibuat secara berperingkat dan menjamin sasaran penanaman semula tercapai.
- 5.3.3.** Mewujudkan mekanisme/prosedur pemantauan yang jelas dan memastikan ia dipatuhi. Pemantauan perlu dibuat dengan kerap bagi memastikan projek ini dilaksanakan dengan lancar dan berkesan supaya projek mencapai sasaran yang ditetapkan.
- 5.3.4.** Mendapatkan bayaran balik hutang daripada syarikat pemajak dan mengambil tindakan undang-undang sekiranya syarikat pemajak masih belum membuat bayaran atau melanggar syarat perjanjian.

## **6. MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

### **- Pengurusan Kamera Litar Tertutup**

**6.1.** Pada bulan Januari 2007, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah menandatangani perjanjian dengan sebuah syarikat swasta (Syarikat) untuk menyewa pakai sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan pentadbiran MPSJ seluas 161.80 kilometer persegi yang meliputi kawasan Subang Jaya, Serdang, Kinrara dan Seri Kembangan. Perjanjian sewaan dan penyenggaraan CCTV MPSJ dengan Syarikat meliputi skop membekal, memasang, mentauliah kelengkapan CCTV (*hardware* dan *networking*), melakukan penyenggaraan ke atas sistem CCTV, membuat pengubahsuaian bilik kawalan CCTV dan memastikan CCTV sentiasa dalam keadaan baik. Kos sewaan dan penyenggaraan untuk tempoh 20 tahun bagi 100 unit CCTV adalah berjumlah RM33.20 juta. Pemasangan CCTV di kawasan pentadbiran MPSJ berfungsi sebagai salah satu kaedah pemantauan bagi mewujudkan persekitaran yang selamat dan sejahtera kepada masyarakat awam. Bagi mencapai objektif ini, sebanyak 100 unit CCTV telah disewa daripada Syarikat di mana 90 unit CCTV dipasang secara tetap mengikut lokasi yang ditentukan secara bersama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan 10 unit CCTV mudah alih yang dipasang berdasarkan keperluan semasa. Di samping itu, MPSJ telah menerima sejumlah 24 CCTV pada tahun 2011 daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tujuan inisiatif pelaksanaan Program Bandar Selamat di Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Malaysia. Perolehan CCTV tersebut dilakukan oleh pihak KP KT, manakala pemantauan CCTV dilaksanakan oleh MPSJ sendiri.

**6.2.** Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 tidak dapat menentukan tahap pencapaian keseluruhan objektif pemasangan sistem CCTV. Bagaimanapun, sistem ini telah berjaya membantu dalam penurunan indeks jenayah di kawasan pentadbiran MPSJ. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan sistem CCTV yang perlu ditangani untuk mendapat manfaat menyeluruh daripada sistem ini. Antara kelemahan tersebut adalah:

**6.2.1.** 14.6% hingga 20.5% unit CCTV tidak berfungsi.

**6.2.2.** Nisbah bilangan petugas bagi tujuan pemantauan imej tidak seimbang berbanding bilangan CCTV.

**6.2.3.** Integrasi sistem CCTV dengan PDRM tidak dilaksanakan.

**6.2.4.** Klausus perjanjian sewaan dan penyenggaraan sistem CCTV yang telah ditandatangani tidak lengkap untuk memelihara kepentingan MPSJ.

**6.2.5.** Rundingan harga dan kajian pasaran tidak dijalankan semasa proses perolehan sewaan dan penyenggaraan CCTV dilaksanakan.

**6.3.** Bagi mempertingkatkan pelaksanaan sistem CCTV dan memperbaiki kelemahan sedia ada yang dibangkitkan, MPSJ disyorkan mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

**6.3.1.** Mengadakan mekanisme yang spesifik untuk menilai tahap pencapaian objektif pemasangan sistem CCTV secara keseluruhan. Ini bertujuan untuk mewujudkan perbandaran yang selesa dan lebih selamat bagi penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ di samping membolehkan penambahbaikan dibuat terhadap sistem CCTV sedia ada dari semasa ke semasa agar manfaat sistem CCTV dapat dioptimumkan.

**6.3.2.** Meningkatkan penyeliaan terhadap pelaksanaan sistem CCTV yang telah dipasang. Ini termasuk membuat pemantauan dan pemeriksaan yang rapi terhadap kerja penyenggaraan yang dilakukan oleh Syarikat.

**6.3.3.** Mengadakan perbincangan dua hala dengan Syarikat bagi mendapat persetujuan untuk menilai semula perjanjian. Ini termasuk mengkaji semula penggunaan peralatan kamera CCTV yang terkini dan lebih efisien bagi merakam imej yang lebih berkualiti, memperbanyak pemasangan CCTV di kawasan berisiko tinggi serta memasukkan klausa mengenai tanggungjawab penyenggaraan dan penalti berkaitan dalam perjanjian bagi menjaga kepentingan MPSJ.

**6.3.4.** Mengadakan rundingan harga dan melaksanakan kajian pasaran terhadap semua perolehan masa hadapan untuk mendapatkan harga munasabah bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* daripada perbelanjaan yang dibuat.

## 7. YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

### - Pengurusan Skim Tabung Warisan Anak Selangor

**7.1.** Skim Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) yang diwujudkan pada tahun 2008 merupakan salah satu projek penting dalam agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Melalui skim ini, sejumlah RM100 dalam bentuk Sijil Simpanan Tetap (SST) diberi kepada setiap anak kelahiran Selangor. Pada usia 18 tahun, anak ini berpeluang menerima RM1,500 seorang hasil daripada caruman di dalam pelaburan dana ini. Skim TAWAS diuruskan oleh Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) iaitu sebuah organisasi yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan secara khusus di bawah bidang kuasa Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI]. YAWAS mula beroperasi pada 5 Februari 2009 dengan dana peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM13.50 juta. Daripada dana tersebut, sejumlah RM8.50 juta adalah diperuntukkan untuk pemberian SST berjumlah RM100 seorang bagi maksud pembukaan akaun TAWAS peserta manakala baki RM5 juta untuk kos operasi YAWAS. Setakat bulan Disember 2011, sejumlah RM7.82 juta daripada peruntukan dana yang diluluskan telah dibelanjakan. Perbelanjaan ini meliputi perbelanjaan pembukaan akaun TAWAS berjumlah RM2.92 juta dan kos operasi RM4.90 juta. Bagi tempoh kelahiran dari tahun 2008 hingga 2011, sebanyak 60,972 daripada 74,212 permohonan yang layak telah diluluskan. Daripada pendaftaran yang diluluskan, 21,918 akaun ahli TAWAS telah dibuka. Tempoh matang pertama bagi peserta yang didaftarkan adalah pada tahun 2025 iaitu 18 tahun dari tahun pertama Skim TAWAS pada tahun 2008.

**7.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati sungguhpun sasaran pendaftaran dan kelulusan keahlian Skim TAWAS sehingga

akhir tahun 2011 telah dicapai namun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberikan perhatian. Antaranya ialah:

**7.2.1.** Liputan faedah program ini tidak menyeluruh iaitu hanya 19.4% anak kelahiran Selangor telah diluluskan menjadi ahli TAWAS.

**7.2.2.** Aktiviti pelaburan bagi pembiayaan pengurusan skim yang telah dirancang belum dilaksanakan.

**7.2.3.** Sijil Simpanan Tetap juga lewat dikeluarkan.

**7.2.4.** Garis panduan atau *Standard Operating Procedures* YAWAS/Skim TAWAS tidak lengkap.

**7.3.** Memandangkan Skim TAWAS merupakan salah satu program yang menjadi ikon pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, sistem penyampaian perkhidmatan pengurusan skim ini hendaklah dipertingkatkan. Oleh itu, Kerajaan Negeri dan YAWAS disyorkan mengambil langkah berikut:

**7.3.1.** Meluaskan tahap hebahan maklumat berhubung dengan peluang untuk mendapat manfaat daripada Skim TAWAS melalui program promosi yang berterusan termasuk bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negeri Selangor bagi mengedarkan borang permohonan Skim TAWAS semasa pendaftaran kelahiran anak dibuat.

**7.3.2.** Menyediakan perancangan strategik YAWAS selaku pengurus Skim TAWAS dengan mengambil kira sumber pendapatan bagi pembiayaan Skim TAWAS serta perbelanjaan operasi YAWAS dalam jangka masa panjang.

**7.3.3.** Mengkaji semula pengeluaran Sijil Simpanan Tetap kepada peserta. Bagi tujuan pelaburan dan memudahkan pengurusan, adalah disyorkan satu akaun/tabung khas dibuka dan modal pokok pada kadar tertentu dimasukkan mengikut bilangan peserta yang berjaya.

**7.3.4.** Menyediakan *Standard Operating Procedures* yang komprehensif sebagai rujukan utama pengurusan YAWAS dan Skim TAWAS.

**7.3.5.** Memastikan kelangsungan sistem maklumat TAWAS dengan menyediakan *Business Continuity Plan* yang berkesan merangkumi kaedah penyimpanan data *back-up* yang teratur.

## **BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

### **8. MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)**

- **Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.**

**8.1.** Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYSB) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 10 Mei 1999 merupakan sebuah syarikat subsidiari Menteri Besar Selangor [Pemerbadanan] (MBI) dengan pegangan saham 100% dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. PIYSB berpusat di Universiti Selangor (UNISEL), Kampus Shah Alam. Aktiviti utama PIYSB adalah pembangunan pendidikan terutamanya dalam sektor pendidikan swasta yang berorientasikan industri dan bertanggungjawab mengendalikan UNISEL dan INPENS International College (INPENS). PIYSB memiliki modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM640,000. Visi PIYSB adalah untuk menjadi universiti terulung yang mendidik para profesional dan ilmuan yang mempunyai moral dan etika terpuji. Misi PIYSB adalah menyediakan persekitaran yang cemerlang untuk menjana profesional dan ilmuan yang kompeten, telus dan beretika. Lembaga Pengarah PIYSB terdiri daripada 10 ahli iaitu Menteri Besar Selangor sebagai Pengurus, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, EXCO Pendidikan Tinggi Dan Pembangunan Modal Insan, Peguambela/Peguamcara, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Rakyat, Ketua Pegawai Eksekutif *Islamic Banking And Finance Institute Malaysia* dan 2 orang ahli korporat. Syarikat ini diketuai oleh Presiden atau Naib Canselor dan dibantu oleh 413 orang kakitangan akademik dan 405 orang kakitangan pentadbiran.

**8.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Januari 2012 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan PIYSB adalah tidak memuaskan kerana mengalami kerugian sebelum cukai, kerugian terkumpul dan jumlah liabiliti PIYSB telah meningkat pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Sungguhpun nisbah bilangan pengajar berbanding pelajar mencapai nisbah yang ditetapkan dan prestasi akademik pelajar adalah memuaskan, namun terdapat beberapa kelemahan aktiviti lain yang perlu ditangani antaranya:

**8.2.1.** Pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran.

**8.2.2.** Tuggakan yuran meningkat.

**8.2.3.** Sebahagian kemudahan universiti tidak disenggarakan dengan sempurna.

**8.2.4.** Aspek tadbir urus korporat seperti Audit Dalam tidak berfungsi, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan, Mesyuarat Agung Tahunan tidak dijalankan, *Standard Operating Procedures* tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah serta kelemahan dalam pengurusan kewangan.

**8.3.** Pihak Audit mengesyorkan PIYSB mengambil tindakan bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat. Ahli Lembaga Pengarah PIYSB perlu sentiasa memantau prestasi kewangan syarikat untuk mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat serta memastikan syarikat mematuhi peraturan Kerajaan Negeri serta Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat Malaysia.

## **9. Rantaian Mesra Sdn. Bhd.**

**9.1.** Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 5 Jun 2008 merupakan syarikat subsidiari Menteri Besar Selangor [Pemerbadanan] (MBI) dengan pegangan saham 100% dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan perundingan dan pengiklanan. Visi RMSB adalah untuk menjaga kebajikan rakyat Selangor melalui Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) bagi seluruh warga emas/Orang Kelainan Upaya (OKU) yang layak dan menetap di dalam Negeri Selangor/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Manakala misi RMSB adalah untuk menjadi entiti yang cemerlang dan berwibawa dalam menjaga kebajikan warga emas/OKU yang berdaftar dalam SMUE tanpa mengira jantina, kaum, agama, fahaman politik, status ekonomi dan kedudukan sosial mereka secara adil dan saksama. RMSB memiliki modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM2 juta. Lembaga Pengarah RMSB terdiri daripada 3 orang ahli iaitu Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Ahli Dewan Negeri (ADUN) Meru dan ADUN Batu Tiga. RMSB merupakan syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai penyelaras SMUE yang merupakan salah satu daripada program utama Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor yang dilancarkan pada tahun 2008. Sebagai penyelaras program, RMSB diberi tanggungjawab mendaftar warga emas/OKU yang layak menyertai program ini. Pembayaran kepada waris warga emas/OKU dibuat melalui Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) serta Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) yang berkaitan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri tanpa melibatkan dana syarikat RMSB. Setakat 31 Disember 2011, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM62.85 juta untuk membiayai aktiviti SMUE.

**9.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2011 mendapati:

**9.2.1.** Status kewangan RMSB adalah lemah kerana kerugian sebelum cukai telah meningkat pada tahun 2010 iaitu berjumlah RM566,929 berbanding RM485,994 pada tahun 2009.

**9.2.2.** Pengurusan aktiviti utama RMSB iaitu pendaftaran warga emas/OKU juga kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

**9.2.3.** Terdapat beberapa ketidakpatuhan tadbir urus korporat seperti pemantauan pembayaran tidak dapat dijalankan kerana tidak mempunyai surat arahan/penurunan kuasa sehingga berlaku beberapa kelemahan dalam pengurusan SMUE.

**9.3.** Bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat, pihak Audit mengesyorkan Kerajaan Negeri dan RMSB mengambil langkah-langkah serta tindakan seperti berikut:

**9.3.1.** Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula keperluan kewujudan RMSB kerana sebagai penyelaras Program SMUE, syarikat ini tidak menjana sebarang pendapatan dan bergantung sepenuh kepada geran Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) untuk menampung perbelanjaan operasinya. Sekiranya Program SMUE hendak diteruskan, Kerajaan Negeri perlu merangka pelan strategi RMSB jangka masa pendek dan panjang

supaya syarikat ini *self-sustain* dan mempergiatkan usaha menambahkan pendaftaran Program SMUE untuk mencapai sasaran program agar objektif penubuhannya tercapai.

**9.3.2.** RMSB hendaklah mengadakan kaunter di hospital dan klinik, kompleks beli belah dan taman kediaman yang sering dikunjungi orang ramai untuk mempromosikan program ini. Iklan secara lebih meluas terutama di kawasan luar bandar perlu diperbanyakkan.

**9.3.3.** Kerajaan Negeri juga perlu mengadakan sistem pemantauan yang mantap terhadap pengurusan SMUE untuk memastikan kejayaan program.

**9.3.4.** RMSB hendaklah mematuhi segala peraturan dan pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan tadbir urus korporat.

## **10. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR**

- **De Palma Management Services Sdn. Bhd.**

**10.1.** De Palma Management Services Sdn. Bhd. (DPMS) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 17 April 1995. Syarikat ini merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dengan modal saham utama dibenarkan RM2.50 juta dan modal berbayar berjumlah RM1 juta manakala modal saham biasa dibenarkan berjumlah RM7.50 juta dan modal berbayar berjumlah RM5 juta. Visi DPMS adalah untuk menjadi hotel pilihan yang menawarkan perkhidmatan dan produk yang menjurus ke arah pematuhan syariah. Manakala misi DPMS ialah bertekad memperoleh bahagian pasaran dan keuntungan yang tertinggi dengan menawarkan produk syariah dalam perniagaan kepada pelanggan korporat dan pelancong muslim. Aktiviti perniagaan utama DPMS adalah pengurusan hotel merangkumi penyewaan bilik penginapan, perkhidmatan pencucian, pengurusan kafeteria, penyenggaraan dan keselamatan bangunan. DPMS menguruskan Rangkaian Hotel De Palma (RHDP) iaitu Hotel De Palma Ampang (DPA), Hotel De Palma Shah Alam (DPSA), Hotel De Palma Kuala Selangor (DPKS) dan Hotel De Palma Sepang (DPS). Pada tahun 2011, DPMS telah membuka cawangan Hotel De Palma di Kuching, Sarawak (DPWK).

**10.2.** Pengauditan terhadap DPMS yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan DPMS adalah memuaskan kerana keuntungan DPMS menunjukkan peningkatan dan boleh dipertingkatkan lagi untuk memberi pulangan yang berterusan kepada pemegang saham. Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2010 berjumlah RM0.91 juta meningkat sejumrah RM1.75 juta berbanding tahun 2009 yang telah mengalami kerugian berjumlah RM0.84 juta dan menurun sejumrah RM2.09 juta berbanding keuntungan tahun 2008 berjumlah RM3 juta. Keuntungan terkumpul pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM1.97 juta. Pengurusan DPMS adalah sederhana memuaskan kerana:

**10.2.1.** Prestasi keuntungan dan kadar penginapan bilik RHDP tidak mencapai sasaran.

**10.2.2.** Pengurusan pengiklanan dan promosi yang tidak menyeluruh.

**10.2.3.** Terdapat ketidakpatuhan terhadap beberapa aspek tadbir urus korporat yang ketara.

**10.3.** Pihak Audit mengesyorkan DPMS dan PKNS mengambil tindakan terhadap perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat seperti berikut:

**10.3.1.** DPMS hendaklah memperkuuhkan prestasi kewangan dengan meningkatkan prestasi keuntungan serta memperluas dan meningkatkan pengiklanan dan promosi aktiviti perhotelan.

**10.3.2.** Lembaga Pengarah PKNS hendaklah mewujudkan sistem pemantauan yang berkesan dan memastikan kelemahan pengurusan operasi dan aktiviti diambil tindakan segera serta semua kumpulan syarikat subsidiarinya mematuhi dasar dan peraturan yang ditetapkan serta Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat Malaysia. DPMS perlu mengkaji semula dan menyediakan prosedur yang jelas dan khusus bagi pengurusan kewangan.



---

**BAHAGIAN I**  
**AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI**



# **BAHAGIAN I**

## **AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI**

### **1. PENDAHULUAN**

Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap program dan aktiviti Kerajaan Negeri untuk menilai sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini, 7 aktiviti telah dipilih untuk diaudit pada tahun 2011 iaitu Program Pembangunan Industri Buah-buahan, Pengurusan Tukar Syarat Tanah, Pembaikan Dan Penyenggaraan Sekolah Agama, Program Ternakan Ayam Kontrak, Projek Penghutanan Semula Di Hutan Simpan Rantau Panjang Dan Hutan Simpan Bukit Tarek, Pengurusan Kamera Litar Tertutup serta Pengurusan Skim Tabung Warisan Anak Selangor. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian** ini.

### **JABATAN PERTANIAN**

### **2. PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI BUAH-BUAHAN**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998 hingga 2010), industri buah-buahan merupakan satu aspek yang diberi penekanan untuk meningkatkan ekonomi negara. Program Pembangunan Industri Buah-buahan (Program) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani mulai RMKe-8 dengan matlamat berikut:

**2.1.1.1.** Menggalakkan pengamalan teknologi berdasarkan Amalan Pertanian Baik untuk meningkatkan pengeluaran hasil berkualiti, selamat dimakan dan mesra alam bagi memenuhi keperluan domestik dan luar negara.

**2.1.1.2.** Meningkatkan pendapatan petani dengan sasaran pendapatan bersih RM1,000 sebulan untuk projek perladangan berkelompok dan RM3,000 sebulan untuk usahawan.

**2.1.2.** Program terdiri daripada 2 kategori projek iaitu Pembangunan Dusun Komersial dan Pemulihan Dusun Berkelompok. Projek Pembangunan Dusun Komersial bertujuan menggalakkan lebih banyak individu dalam mengusahakan projek penanaman buah-buahan secara komersial. Manakala Projek Pemulihan Dusun Berkelompok menumpukan kepada aktiviti menanam semula pokok buah-buahan yang sudah tua dan tidak produktif. Bagi melaksanakan Program, Jabatan Pertanian Negeri Selangor (JPNS) telah memberi pelbagai bantuan antaranya pembersihan kawasan, pembinaan jalan ladang, pembinaan kolam

takungan, penyediaan sistem perparitan, penyediaan kemudahan elektrik, pemasangan pagar dan pengagihan bantuan input pertanian (benih, baja, racun perosak serta peralatan pertanian). Peruntukan dan perbelanjaan Program bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Program Pembangunan Industri Buah-Buahan**  
**Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Belanja (%)
2009	620,000	619,928	99.9
2010	850,000	849,933	99.9
2011	600,000	599,926	99.9
<b>Jumlah</b>	<b>2,070,000</b>	<b>2,069,787</b>	<b>99.9</b>

Sumber: Jabatan Pertanian

## 2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Pembangunan Industri Buah-buahan telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan Program bagi tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan di JPNS, Pejabat Pertanian Daerah Gombak/Petaling dan Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat. Daripada keseluruhan 428 peserta Program di Negeri Selangor yang menerima bantuan pada tahun 2009 hingga 2011, seramai 47 peserta daripada Daerah Gombak/Petaling dan Hulu Langat dipilih untuk diaudit dalam aspek pemilihan peserta dan projek. Lawatan Audit ke dusun projek yang terlibat telah dilakukan. Analisis prestasi pengeluaran mengikut jenis tanaman buah-buahan telah dibuat terhadap hasil pengeluaran daripada semua daerah di seluruh Negeri Selangor. Bagi prestasi pendapatan peserta, analisis telah dibuat terhadap pendapatan kesemua 396 peserta berhasil (yang mempunyai tanaman berhasil setakat tahun 2011) daripada keseluruhan 517 peserta di seluruh Negeri Selangor yang mendapat bantuan Program dari tahun 2006 hingga 2011. Maklumat turut diperoleh daripada agensi lain antaranya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta Jabatan Perhilitan Selangor. Temu bual dengan pegawai JPNS/agensi Kerajaan berkaitan dan peserta Program diadakan untuk mendapatkan maklumat serta penerangan.

## 2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan Program Pembangunan Industri Buah-buahan adalah kurang memuaskan serta pelaksanaan Program juga didapati lemah dan perlu dipertingkatkan. Ini adalah kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan

dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Prestasi pengeluaran hasil tanaman dan pendapatan peserta belum mencapai sasaran Program.
- Prestasi pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) adalah rendah walaupun Program telah mula dilaksanakan pada tahun 2001.
- Perjanjian dengan peserta tidak disediakan dan ditandatangani.
- Rekod ladang tidak diselenggarakan.
- Kelewatan mengagihkan input pertanian dan peralatan kepada peserta serta stor baja tidak diuruskan dengan teratur.

#### **2.4.1. Prestasi Program**

Matlamat utama Program adalah untuk menggalakkan pengamalan teknologi berasaskan Amalan Pertanian Baik bagi meningkatkan pengeluaran hasil berkualiti, selamat dimakan dan mesra alam serta meningkatkan pendapatan peserta dengan sasaran pendapatan bersih RM1,000 sebulan untuk projek perladangan berkelompok dan RM3,000 sebulan untuk usahawan. Pihak Audit telah menilai pencapaian Program dari segi pengeluaran hasil tanaman, pendapatan peserta dan kadar pensijilan SALM. Hasil semakan Audit diringkaskan seperti berikut:

##### **2.4.1.1. Prestasi Pengeluaran Hasil Tanaman Belum Mencapai Sasaran**

- a. JPNS telah membuat analisis pencapaian hasil pengeluaran mengikut jenis tanaman buah-buahan berbanding potensi hasil sebagai sasaran berdasarkan data dalam Sistem AgrisGeoportal. Prestasi pengeluaran hasil tanaman bagi 12 (57.1%) daripada 21 jenis tanaman buah-buahan di seluruh Negeri Selangor bagi bulan Januari hingga Disember 2011 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Prestasi Pencapaian Pengeluaran Hasil Tanaman**  
**Bagi Bulan Januari Hingga Disember 2011**

Jenis Tanaman Buah-Buahan	Potensi Hasil (Kg/Ha)	Purata Pengeluaran (Kg/Ha)	Peratus Pencapaian Pengeluaran (%)
Jambu Air	30,000	6,611	22
Mangga	15,000	3,577	23.8
Betik	60,000	17,080	28.5
Belimbing	48,500	20,843	43
Durian	13,800	6,188	44.8
Nangka	33,000	17,211	52.2
Jambu Batu	45,000	25,125	55.8
Pisang	22,000	22,620	102.8
Rambutan	9,000	12,605	140.1
Cempedak	15,200	23,631	155.5
Rock Melon	20,000	35,082	175.4
Tembikai	25,000	45,000	180

Sumber: Laporan Daripada Sistem AgrisGeoportal

Nota: Kg/Ha - Kilogram satu hektar

- b. Berdasarkan kepada **Jadual 2.2** di atas, prestasi pengeluaran hasil di seluruh Negeri Selangor belum mencapai sasaran Program. Daripada 12 jenis tanaman buah-buahan, 5 jenis tanaman (41.7%) mencapai peratus pengeluaran melebihi 100%. Manakala peratus pencapaian 7 jenis tanaman lain antara 22% hingga 55.8%. Pencapaian hasil tanaman tembakai dan *rock melon* adalah sangat baik dengan peratus pencapaian masing-masingnya 180% dan 175.4% disebabkan tanaman boleh mengeluarkan hasil 2 kali setahun dan kebanyakannya pengusaha tanaman terlibat terutamanya *rock melon* adalah daripada kategori usahawan yang menggunakan kaedah tanaman secara fertigasi. Tanaman pisang juga mencapai sasaran dengan peratus pencapaian 102.8%. Ini adalah kerana projek pisang melibatkan paling ramai peserta, cepat berhasil (hanya satu tahun), pembiakan pokok pisang yang cepat dan pisang merupakan jenis buah tidak bermusim. Antara faktor yang menyebabkan prestasi rendah bagi hasil tanaman jambu air (22%), mangga (23.8%) dan betik (28.5%) adalah serangan haiwan perosak tanaman seperti monyet dan babi hutan serta serangan penyakit seperti *Papaya Dieback* yang memusnahkan pokok betik.
- c. **Berdasarkan maklum balas JPNS bertarikh 27 Februari 2012, potensi hasil yang diambil kira adalah bagi situasi yang ideal. Potensi hasil yang lebih realistik akan ditetapkan dengan mengambil kira faktor seperti kesesuaian dan kesuburan tanah.**

#### 2.4.1.2. Prestasi Pendapatan Peserta Kurang Memuaskan

- a. Program juga bertujuan meningkatkan pendapatan peserta dengan sasaran pendapatan bersih RM1,000 sebulan untuk projek perladangan berkelompok dan RM3,000 sebulan untuk usahawan. Berdasarkan laporan daripada Sistem AgrisGeoportal, prestasi pendapatan peserta kelompok di seluruh Negeri Selangor bagi tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 2.3** manakala prestasi pendapatan peserta usahawan di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.3**

Prestasi Pendapatan Bulanan Peserta Kelompok Bagi Tahun 2011

Daerah	Bilangan Peserta (a)	Bilangan Peserta Yang Memperoleh Purata Pendapatan Bulanan		Peratus Pencapaian Pendapatan Lebih RM1,000 (b/a x 100) (%)	Peratus Pencapaian Pendapatan Kurang RM1,000 (c/a x 100) (%)
		Lebih RM1,000 (b)	Kurang RM1,000 (c)		
Gombak/Petaling	51	1	50	2	98
Hulu Selangor	50	0	50	0	100
Hulu Langat	10	5	5	50	50
Kuala Selangor	30	5	25	16.7	83.3
Klang	72	11	61	15.3	84.7
Kuala Langat	59	45	14	76.3	23.7
Sabak Bernam	55	7	48	12.7	87.3
Sepang	18	8	10	44.4	55.6
<b>Jumlah</b>	<b>345</b>	<b>82</b>	<b>263</b>	<b>23.8</b>	<b>76.2</b>

Sumber: Jabatan Pertanian

**Jadual 2.4****Prestasi Pendapatan Bulanan Peserta Usahawan Bagi Tahun 2011**

Daerah	Bilangan Peserta (a)	Bilangan Peserta Yang Memperoleh Purata Pendapatan Bulanan		Peratus Pendapatan Lebih RM3,000 (b/a x 100) (%)	Peratus Pendapatan Kurang RM3,000 (c/a x 100) (%)
		Lebih RM3,000 (b)	Kurang RM3,000 (c)		
Gombak/Petaling	8	2	6	25	75
Hulu Selangor	20	3	17	15	85
Hulu Langat	6	1	5	16.7	83.3
Kuala Selangor	2	1	1	50	50
Klang	6	1	5	16.7	83.3
Kuala Langat	8	3	5	37.5	62.5
Sabak Bernam	0	TB	TB	TB	TB
Sepang	1	0	1	0	100
<b>Jumlah</b>	<b>51</b>	<b>11</b>	<b>40</b>	<b>21.6</b>	<b>78.4</b>

Sumber: Jabatan Pertanian

Nota: TB – Tidak berkenaan

- b. Berdasarkan kepada **Jadual 2.3** dan **Jadual 2.4**, terdapat sejumlah 396 peserta berhasil dalam kedua-kedua kategori Program berkenaan. Seramai 93 (23.5%) peserta berjaya mencapai sasaran pendapatan sama ada melebihi RM1,000 atau RM3,000 sebulan. Seramai 303 peserta tidak berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Antara faktor yang menyebabkan prestasi pendapatan peserta Program tidak mencapai sasaran adalah komitmen peserta yang rendah kerana terdapat peserta yang telah uzur atau mempunyai pekerjaan lain dan pokok tidak mengeluarkan banyak hasil kerana serangan haiwan perosak dan penyakit seperti *Papaya Dieback* pada pokok betik dan *Moko Disease* pada pokok pisang.
- c. **Mengikut maklum balas yang diterima daripada JPNS bertarikh 27 Februari 2012, JPNS akan mengenal pasti teknologi moden/terkini yang berkaitan dengan pengeluaran buah-buahan dan merangka program pengembangan di mana khidmat nasihat akan diberi untuk memastikan peserta mengikut pakej teknologi yang telah disediakan. Pada masa yang sama, JPNS akan memberi perhatian kepada komitmen peserta terutamanya faktor umur semasa pemilihan peserta projek. Sehubungan itu, pihak MARDI telah mengesyorkan pada 1 Mac 2012 supaya peserta membuat *inter cropping* (tanaman selingan) dan menanam tanaman kontan seperti jagung dan nenas serta mempelbagaikan jenis tanaman bagi meningkatkan pendapatan.**

#### 2.4.1.3. Prestasi Pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) Kurang Memuaskan

- a. Antara matlamat Program adalah menggalakkan pengamalan teknologi berasaskan Amalan Pertanian Baik untuk meningkatkan pengeluaran hasil berkualiti, selamat

dimakan dan mesra alam. Amalan Pertanian Baik adalah satu sistem pengurusan yang dilaksanakan mengikut standard dan undang-undang/peraturan bagi mengawal dan mengurangkan *hazard*, risiko dan impak terhadap aktiviti pengeluaran pertanian. Sistem ini dapat meningkatkan produktiviti, menjaga keselamatan dan kebajikan pekerja, keselamatan makanan serta pemuliharaan alam sekitar. SALM adalah satu skim pensijilan yang dirangka oleh Jabatan Pertanian Malaysia untuk memberi pengiktirafan kepada ladang yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik. Skim ini adalah berpandukan Standard SALM dan berdasarkan *Malaysian Standard MS 1784:2005 Crop Commodities - Good Agriculture Practices (GAP)*.

- b. Bagi mencapai matlamat menggalakkan pengamalan teknologi berasaskan Amalan Pertanian Baik, JPNS hendaklah memastikan peserta Program memperoleh sijil SALM. Semakan Audit mendapati peserta telah diberi pendedahan Amalan Pertanian Baik melalui program pengembangan. Sehingga bulan Disember 2011, tiada seorang peserta daripada kesemua 428 peserta yang menerima bantuan Program pada tahun 2009 hingga 2011 memperoleh sijil SALM. Daripada jumlah peserta tersebut, hanya seorang usahawan yang memohon sijil SALM pada tahun 2011. Bagaimanapun, semakan selanjutnya mendapati 5 peserta Program yang menerima bantuan sebelum tahun 2009 telah menerima sijil SALM yang sah sehingga akhir tahun 2011. Prestasi pensijilan SALM adalah rendah disebabkan kebanyakan peserta berpendapat bahawa mereka masih belum mencapai standard yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia. Selain itu, penilaian untuk pensijilan projek buah-buahan mengambil tempoh masa yang lama kerana sebanyak 3 sampel hasil daripada 3 kali penuaian hasil tanaman perlu dinilai sebelum sijil SALM dianugerahkan.

**Pada pendapat Audit, matlamat Program untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan pendapatan peserta serta menggalakkan pengamalan teknologi berasaskan Amalan Pertanian Baik belum tercapai memandangkan prestasi pencapaian hasil pengeluaran dan pendapatan peserta masing-masing hanya 41.7% dan 23.5% serta prestasi pensijilan SALM yang rendah kerana hanya 5 peserta mendapat sijil SALM sehingga kini.**

## **2.4.2. Pelaksanaan Program**

### **2.4.2.1. Surat Perjanjian Tidak Disediakan Dan Ditandatangani**

Perjanjian merupakan dokumen penting untuk memastikan peserta dan Kerajaan Negeri mempunyai ikatan perundangan yang jelas serta menjaga kepentingan Kerajaan Negeri. Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan Jabatan Pertanian, peserta Program yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akujanji bagi memastikan projek dilaksanakan secara teratur dan memberi faedah yang optimum. Semakan Audit terhadap 47 peserta di Daerah Gombak/Petaling dan Hulu Langat mendapati kesemua 21 peserta di Daerah Hulu Langat tidak menandatangani Surat Akujanji seperti yang ditetapkan oleh garis panduan kerana perjanjian tidak disediakan oleh JPNS. Ini

mengakibatkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin kerana tindakan tidak boleh diambil terhadap peserta yang menyalahgunakan bantuan yang diberi atau tidak mematuhi syarat perjanjian.

#### **2.4.2.2. Rekod Ladang Tidak Diselenggarakan**

- a. Antara syarat pematuhan perjanjian Program adalah peserta dikehendaki menyimpan dan mengemas kini secara berterusan rekod ladang serta rekod urusniaga perniagaan. Antara maklumat dalam rekod ladang adalah rekod pembelian input pertanian, hasil pengeluaran dan nilai jualan. Ini bertujuan memudahkan pemantauan dan penilaian keberkesanan projek oleh JPNS. Agen pengembangan JPNS yang bertanggungjawab mendidik dan melatih peserta untuk membantu peserta mencapai kemajuan perlu sentiasa membantu peserta membuat analisis rekod ladang untuk penambahbaikan kepada perancangan ladang pada masa hadapan.
- b. Hasil lawatan Audit ke 19 daripada 47 tapak projek mendapati hanya seorang peserta menyimpan rekod ladang manakala 18 peserta yang lain (94.7%) tidak menyimpan rekod ladang. Maklum balas daripada 31 responden terhadap soal selidik yang diedarkan kepada 47 peserta di Daerah Gombak/Petaling dan Hulu Langat mendapati 12 peserta (38.7%) tidak diberi latihan dalam pengisian rekod ladang oleh JPNS.

#### **2.4.2.3. Jadual Tanaman Dan Jadual Kerja Tidak Disertakan Dengan Perjanjian**

- a. Mengikut surat perjanjian, peserta dikehendaki mematuhi jadual tanaman dan jadual kerja seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Projek Berkelompok Jabatan. Manakala Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan Jabatan Pertanian menetapkan anak benih hendaklah diubah dari tapak semaihan ke ladang untuk ditanam.
- b. Semakan Audit mendapati jadual tanaman dan jadual kerja tidak disertakan bersama surat perjanjian bagi peserta di Daerah Gombak/Petaling. Pemeriksaan Audit ke Dusun Bukit Cherakah, Petaling mendapati seorang peserta tidak menanam 33 daripada 39 anak benih (input pertanian) yang diberikan oleh JPNS di dusun tetapi menyimpan anak benih tersebut di rumahnya Taman Desa Setapak, Kuala Lumpur selama 218 hari (7 bulan). Pihak Audit telah melanjutkan verifikasi pokok bersama Pegawai Pertanian Daerah Gombak/Petaling ke rumah peserta berkenaan dan mendapati hanya 8 anak pokok yang ditanam dalam *polybag* seperti di **Gambar 2.1**. Wakil peserta memaklumkan 25 anak pokok yang lain telah mati. Pegawai Pertanian tidak mengetahui bahawa peserta menyimpan anak pokok di rumah sehingga pemeriksaan dibuat. Ini menunjukkan pemantauan JPNS terhadap pelaksanaan projek adalah lemah dan perlu ditingkatkan. Jadual tanaman dan jadual kerja hendaklah disertakan dengan perjanjian supaya peserta dapat melaksanakan projek dengan sempurna mengikut jadual.



**Gambar 2.1  
Anak Pokok Disimpan  
Di Rumah Peserta**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Desa Setapak, Kuala Lumpur  
Tarikh: 21 September 2011

- c. Selepas teguran Audit, **maklum balas JPNS bertarikh 27 Februari 2012 menyatakan**, JPNS telah meningkatkan pemantauan projek melalui Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP). Di bawah sistem SPTP, Pembantu Pertanian Kawasan akan melawat dan memberi khidmat nasihat kepada semua Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) sebulan sekali. Kumpulan pasukan pakar turut dilantik untuk memberi khidmat nasihat. Selain itu, Bahagian Operasi juga telah mula membuat lawatan pemantauan untuk menyemak dokumentasi dan perjalanan projek di setiap daerah.

#### **2.4.2.4. Pengedaran Input Pertanian Dan Peralatan Mengambil Masa Yang Lama**

- a. Input pertanian seperti baja, benih pokok, peralatan dan lain-lain perlu diagihkan secepat mungkin kepada peserta untuk memastikan projek berjalan lancar. Semakan Audit mendapati JPNS mengambil masa yang lama iaitu antara 62 hingga 451 hari (2 bulan hingga satu tahun 3 bulan) untuk mengedarkan bantuan Program seperti peralatan dan input pertanian kepada peserta Gombak/Petaling dan Hulu Langat selepas kelulusan permohonan projek. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5  
Tempoh Pengedaran Bantuan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Daerah	Bilangan Peserta	Masa Diambil Untuk Mengedar Bantuan (Hari)
Gombak/Petaling	26	62 hingga 337
Hulu Langat	21	98 hingga 451
<b>Jumlah</b>	<b>47</b>	<b>62 hingga 451</b>

Sumber: Jabatan Pertanian

- b. Kelewatan ini telah menyebabkan peserta tidak dapat membaja dan meracun tanaman mengikut jadual yang ditetapkan. Keadaan ini mengganggu proses pertumbuhan pokok dan menjelaskan penghasilan buah-buahan. Semakan Audit selanjutnya mendapati JPNS tidak menetapkan norma masa dalam prosedur kerja untuk mengedarkan bantuan. Selepas teguran Audit, **maklum balas JPNS bertarikh**

**27 Februari 2012 menyatakan, norma masa untuk pengedaran input pertanian telah dimasukkan dalam Manual Prosedur Kerja.**

- c. **JPNS juga menjelaskan pada 1 Mac 2012, kelewatan berlaku disebabkan oleh kekangan pegawai pemantau projek, kenderaan dan peruntukan kewangan bagi memantau projek dengan berkesan. Selain itu, proses perolehan juga mengambil masa. Pada bulan Disember 2011, terdapat 31 kekosongan perjawatan pegawai pemantau projek dari pelbagai gred di seluruh Negeri Selangor berbanding 105 perjawatan diluluskan. Daripada 31 kekosongan perjawatan tersebut, 3 kekosongan adalah di Daerah Gombak/Petaling dan 2 di Daerah Hulu Langat. Bagi kenderaan pula, purata nisbah kenderaan berbanding dengan pegawai pemantau di seluruh Negeri Selangor ialah 1:4.8. Manakala peruntukan tuntutan perbatuan bagi seorang pegawai pemantau adalah terhad kepada RM200 sahaja sebulan.**

#### **2.4.2.5. Pengurusan Stor Baja Tidak Teratur**

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009 mengenai Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan, menghendaki stor diurus dengan baik, teratur dan cekap. Dalam pengurusan pengeluaran stok baja, JPNS hendaklah mengamalkan kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu (MDKD) untuk mengelakkan stok baja menjadi rosak.
- b. Lawatan Audit ke stor Pejabat Pertanian Gombak/Petaling dan stor JPNS, Hulu Langat mendapati penyimpanan stok baja adalah kurang memuaskan. Pihak Audit tidak dapat membezakan stok baru dengan stok lama dan juga tidak dapat mengesahkan sama ada pengeluaran stok telah dibuat mengikut kaedah MDKD seperti yang ditetapkan. Ini adalah kerana *tagging* tidak dibuat terhadap stok baja mengikut tarikh terimaan stok bagi mengenal pasti stok baru dan stok lama. Lawatan berkenaan mendapati sekurang-kurangnya 30 guni baja telah rosak atau usang. Selain itu, penyimpanan baja di kedua-dua stor tidak diuruskan dengan baik seperti di **Gambar 2.2** dan **Gambar 2.4**. Bagaimanapun selepas teguran Audit, tindakan penyimpanan stok yang lebih teratur telah diambil oleh JPNS tetapi *tagging* masih belum dibuat mengikut tarikh terimaan stok seperti di **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.5**.

**Gambar 2.2**  
**Stok Baja Disimpan Dengan Barang Lain**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Gombak/Petaling  
Tarikh: 19 September 2011

**Gambar 2.3**  
**Stok Baja Telah Disimpan Dengan Teratur Di Stor Baru**



Sumber: Jabatan Pertanian  
Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Gombak/Petaling  
Tarikh: 2 Mac 2012

**Gambar 2.4**  
**Stok Baja Usang Dan Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor JPNS, Hulu Langat  
Tarikh: 10 Oktober 2011

**Gambar 2.5**  
**Stok Baja Yang Rosak Telah Dialihkan**



Sumber: Jabatan Pertanian  
Lokasi: Stor JPNS, Hulu Langat  
Tarikh: 2 Mac 2012

- c. Keadaan stok baja di stor Pejabat Pertanian Gombak/Petaling tidak teratur disebabkan stor tersebut dalam proses pengubahsuaian semasa pengauditan dijalankan. Semakan Audit selanjutnya juga mendapati stor baja tidak diurus dengan teratur disebabkan kekangan atau ketiadaan penyenggara stor daerah. Setakat bulan Disember 2011, hanya Daerah Hulu Langat sahaja yang mempunyai penyenggara stor. Tujuh daerah yang lain tiada dan memerlukan penyenggara stor untuk menguruskan penerimaan dan pengeluaran stok.

#### **2.4.2.6. Pengurusan Serangan Penyakit Dan Haiwan Perosak Boleh Dipertingkatkan**

Serangan penyakit dan haiwan perosak perlu dikawal untuk menghasilkan buah yang banyak dan berkualiti tinggi dari segi saiz, kematangan, warna dan ketahanan. Justeru, Jabatan Pertanian mengeluarkan Prosedur Operasi Standard Pengawasan Perosak Eksotik Dan Endemik yang bertujuan untuk mengesan penyakit perosak di peringkat awal

dan mengawalnya sebelum merebak agar kerugian dan kos rawatan adalah rendah. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Kawalan Serangan Penyakit

- i. Hasil lawatan Audit ke 3 dusun di Daerah Hulu Langat mendapati berlaku serangan penyakit *Moko Disease* pada pokok pisang dan penyakit mati rosot betik (*Papaya Dieback*) pada pokok betik. Mengikut Buku Panduan Pakej Teknologi Pisang, penyakit *Moko Disease* disebabkan serangan bakteria *Ralstonia Solanacearum* ras 2 biovar 1. Penyakit ini sering merebak selepas kejadian banjir. Bakteria ini boleh hidup dalam tanah dan sisa tanaman berpenyakit sehingga 2 tahun. Antara serangan dan kerosakan pada pokok pisang ialah daun menjadi kuning, layu dan mati, anak pisang menjadi hitam, bantut dan berpintal, batang menjadi perang kehitaman serta buah pisang menjadi cacat, hitam, kering dan reput. Mengikut Prosedur Operasi Standard Pembendungan Penyakit Mati Rosot Betik, penyakit *Papaya Dieback* mula dikesan pada tahun 2003 dan diwartakan sebagai penyakit berbahaya kepada industri betik. Penyakit *Papaya Dieback* disebabkan oleh serangan patogen yang dikenali sebagai bakteria *Erwinia papaya* yang menjadikan pokok betik lecuh basah (*water soaked*) dan buah menjadi kehitaman. **Gambar 2.6** dan **Gambar 2.7** menunjukkan contoh serangan penyakit *Moko Disease* manakala **Gambar 2.8** menunjukkan kawasan tanaman pisang yang terbiar di Semenyih, Hulu Langat akibat serangan penyakit *Moko Disease*. **Gambar 2.9** dan **Gambar 2.10** pula menunjukkan contoh serangan penyakit *Papaya Dieback*.

**Gambar 2.6**  
Serangan Penyakit *Moko Disease*  
Pada Buah Pisang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Lubuk Kelubi, Hulu Langat  
Tarikh: 9 November 2011

**Gambar 2.7**  
Serangan Penyakit *Moko Disease*  
Pada Batang Pisang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Lubuk Kelubi, Hulu Langat  
Tarikh: 9 November 2011



**Gambar 2.8**  
**Kawasan Tanaman Pisang Terbiar**  
**Akibat Serangan Penyakit *Moko Disease***

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Semenyih, Hulu Langat  
Tarikh: 10 November 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Semenyih, Hulu Langat  
Tarikh: 10 November 2011

**Gambar 2.10**  
**Serangan Penyakit *Papaya Dieback***  
**Pada Buah Betik**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Semenyih, Hulu Langat  
Tarikh: 10 November 2011

- ii. JPNS telah mengambil tindakan bagi mengatasi dan mengawal serangan penyakit *Moko Disease* dan *Papaya Dieback*. Bagi penyakit *Moko Disease*, beberapa teknologi/kaedah telah digunakan seperti *hot water treatment*, sanitasi yang sempurna, membungkus buah pisang, pembiakan anak benih pisang secara tisu kultur bagi menggantikan sulur. Namun langkah ini masih gagal untuk membendung penyakit tersebut.
- iii. Sungguhpun demikian, JPNS terus memberi latihan dan khidmat nasihat kepada peserta semasa program pengembangan dijalankan serta penghebahuan maklumat mengenai kaedah pembendungan penyakit melalui *banner*, poster dan brosur untuk mengawal serangan penyakit *Moko Disease* daripada merebak. JPNS telah menubuhkan Unit Perlindungan Tanaman Dan Kuarantin Tumbuhan yang bertanggungjawab menjalankan kawalan dan pengawasan terhadap serangan penyakit perosak. JPNS juga membantu peserta memusnahkan pokok yang dijangkiti supaya tidak berjangkit kepada pokok lain.
- iv. **Berdasarkan pendapat pihak MARDI pada 1 Mac 2012, setakat ini masih tiada teknologi/kaedah penyelesaian yang dapat mengatasi penyakit *Moko***

**Disease.** Bagaimanapun, penyakit ini boleh dicegah daripada merebak dengan cara memusnahkan pokok yang dijangkiti dan amalan kultura iaitu merendam peralatan ladang seperti cangkul dan bakul untuk hasil buah dalam larutan *formaldehyde* 10% selama 10 saat untuk membasmi bakteria. Mengikut maklum balas JPNS bertarikh 27 Februari 2012, mulai tahun 2012, JPNS telah membuat keputusan tidak menggalakkan projek tanaman pisang kerana tiada kaedah kawalan terhadap penyakit *Moko Disease* setakat ini.

#### b. Kawalan Haiwan Perosak

- Semasa lawatan Audit dijalankan di 8 tapak projek, seramai 13 (68.4%) daripada 19 peserta memaklumkan serangan monyet adalah antara faktor utama yang menyebabkan tiada pengeluaran hasil buah. **Gambar 2.11** dan **Gambar 2.12** menunjukkan contoh kerosakan pada buah yang disebabkan serangan monyet.

**Gambar 2.11**  
Buah Durian Yang Belum Matang  
Dirosakkan Monyet



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Sungai Pusu, Gombak  
Tarikh: 20 September 2011

**Gambar 2.12**  
Buah Cempedak Dimakan Monyet



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Bukit Cherakah, Petaling  
Tarikh: 19 September 2011

- JPNS telah memohon bantuan daripada Jabatan Perhilitan Selangor bagi menangani masalah serangan monyet. Mereka membuat tangkapan dengan memasang perangkap dan zink pada pokok. Kaedah perangkap monyet yang digunakan oleh Jabatan Perhilitan Selangor dan JPNS adalah seperti di **Gambar 2.13** hingga **Gambar 2.15**.

**Gambar 2.13**  
**Perangkap Biasa**



Sumber: Jabatan Pertanian  
Lokasi: Kampung Sungai Sireh, Kuala Selangor  
Tarikh: 13 April 2011

**Gambar 2.14**  
**Perangkap Kubah**



Sumber: Jabatan Pertanian  
Lokasi: Hutan Simpan Tanjung Karang,  
Kuala Selangor  
Tarikh: 15 Jun 2011



**Gambar 2.15**  
**Pemasangan Zink Di Pokok**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Sungai Pusu, Gombak  
Tarikh: 19 September 2011

- iii. Berdasarkan statistik tangkapan monyet yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhilitan Selangor, sebanyak 8,984 ekor monyet telah ditangkap pada tahun 2009, sebanyak 10,011 ekor pada tahun 2010 dan sebanyak 21,600 ekor pada tahun 2011 di seluruh Negeri Selangor. Ini menunjukkan penangkapan bilangan monyet telah meningkat daripada tahun 2009 hingga 2011. Bagaimanapun, masalah kerosakan pokok buah oleh serangan monyet masih tidak dapat diatasi.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan Program perlu dipertingkatkan daripada aspek kesempurnaan surat perjanjian, penyelenggaraan rekod ladang, pengedaran input pertanian dan peralatan serta pengurusan stor baja. Kajian terhadap masalah penyakit pokok buah-buahan perlu dijalankan untuk meningkat kadar penghasilan buah-buahan dan kerjasama yang berterusan antara JPNS dengan Jabatan Perhilitan perlu dijalin untuk membantu mengatasi masalah haiwan perosak.**

## **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi meningkatkan prestasi pengeluaran hasil tanaman dan menambah baik pengurusan Program Pembangunan Industri Buah-buahan (Program), adalah disyorkan Jabatan Pertanian mengambil tindakan seperti berikut:

- 2.5.1.** Mewujudkan sasaran pengeluaran yang lebih realistik serta memberi galakan berterusan dan bantuan teknikal kepada peserta untuk mendapatkan sijil SALM supaya meningkatkan pengeluaran hasil berkualiti, selamat dimakan dan mesra alam.
- 2.5.2.** Mengadakan *Standard Operating Procedures* yang lengkap untuk memastikan Program dapat dilaksanakan dengan cekap.
- 2.5.3.** Menyediakan surat perjanjian dan memastikan peserta menandatangani perjanjian serta mematuhi syarat perjanjian bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.
- 2.5.4.** Bekerjasama dengan pihak Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) supaya menggunakan teknologi yang lebih sesuai untuk mengawal serangan penyakit dan pada masa yang sama, menghasilkan pelbagai buah-buahan yang berkualiti dan tahan kepada penyakit.
- 2.5.5.** Meneruskan kerjasama dengan Jabatan Perhilitan bagi mengatasi serangan monyet dan lain haiwan perosak kepada pokok buah.

## **PEJABAT TANAH DAN GALIAN SERTA PEJABAT DAERAH DAN TANAH HULU LANGAT, KLANG DAN PETALING**

### **3. PENGURUSAN TUKAR SYARAT TANAH**

#### **3.1. LATAR BELAKANG**

**3.1.1.** Mengikut pembahagian kuasa perundangan yang ditetapkan melalui Senarai Kedua Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, tanah merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Pihak Berkuasa Negeri bertanggungjawab untuk mentadbir dan mengurus tanah termasuk mengawal tanah bermilik supaya ia diguna, diusaha dan dibangunkan sejajar dengan tujuan pemberimilikan. Oleh itu, syarat mengenai kategori penggunaan tanah, syarat nyata dan sekatan kepentingan ditetapkan dan dinyatakan di dalam dokumen hak milik bagi mengawal penggunaan tanah bermilik. Seksyen 52(1) Kanun Tanah Negara, 1965 (KTN) menetapkan jenis penggunaan tanah terbahagi kepada 3 kategori iaitu pertanian, perindustrian dan bangunan. Syarat tersebut hendaklah dipatuhi supaya pelanggaran syarat tanah tidak berlaku yang boleh mengakibatkan pemilik tanah dikenakan tindakan perampasan mengikut Seksyen 129 KTN jika tidak diremedi di bawah Seksyen 128 KTN.

**3.1.2.** Bagaimanapun mengikut Seksyen 124 KTN, pemilik tanah boleh menukar syarat tersebut bagi membolehkan tanah dibangunkan untuk tujuan selain daripada yang telah ditetapkan semasa pemberimilikan. Selepas tukar syarat tanah diluluskan, pemilik tanah dikehendaki membayar premium tambahan dan cukai tanah baru mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kaedah-kaedah Tanah Selangor Tahun 2003 (Pindaan). Mengikut rekod Pejabat Daerah Dan Tanah, Kerajaan Negeri telah mengutip premium tambahan bagi tahun 2009 hingga 2011 masing-masing berjumlah RM101.40 juta, RM136.16 juta dan RM169.63 juta.

**3.1.3.** Urusan tukar syarat tanah boleh dilaksanakan oleh pemilik tanah di Unit Tukar Syarat Tanah, Bahagian Pembangunan Dan Kemajuan Tanah, Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) serta Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) yang berkaitan. Jenis tukar syarat tanah adalah seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1**  
**Jenis Tukar Syarat Tanah**

<b>Jenis Syarat Tanah Bermilik</b>	<b>Syarat Yang Dinyatakan Di Dokumen Hak Milik</b>	<b>Ditukar Kepada Syarat Baru</b>
Kategori Penggunaan Tanah	Pertanian Bangunan Industri Tiada	Bangunan/Industri Pertanian/Industri Pertanian/Bangunan Pertanian/Bangunan/Industri
Syarat Nyata	Contoh: Getah, Tiada	Contoh: Kelapa Sawit, Tapak Perkuburan
Sekatan-Sekatan Kepentingan	Tanah ini tidak boleh dipindah milik, dipajak, digadai melainkan mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri	Kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum tanah terlibat boleh dipindah milik, dipajak atau digadai

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan tukar syarat tanah Negeri Selangor telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

### **3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini ditumpukan kepada pengurusan tukar syarat tanah untuk tempoh 3 tahun iaitu tahun 2009 hingga 2011. Pemeriksaan rekod, fail dan dokumen yang berkaitan telah dijalankan di PTG, PDT Hulu Langat, Klang dan Petaling, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Melalui Buku Daftar Permohonan Tukar Syarat Tanah yang diselenggarakan oleh Unit Tukar Syarat Tanah di PTG, sebanyak 47 (10%) daripada 474 permohonan telah dipilih untuk semakan. Sampel tersebut difokuskan kepada PDT Hulu Langat, Klang dan Petaling kerana 3 daerah ini mencatat jumlah permohonan tertinggi. Lawatan telah dijalankan ke lokasi di mana pelanggaran tukar syarat tanah berlaku, lokasi kilang yang dibina tanpa kebenaran (kilang haram), kawasan perkuburan dan rumah burung walit. Selain itu, temu bual juga diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2011 hingga Januari 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan tukar syarat tanah perlu dipertingkatkan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Pelanggaran syarat tanah iaitu pembinaan kilang haram, perusahaan tapak perkuburan tanpa kebenaran serta penternakan dan perusahaan burung walit masih tidak dapat ditangani dengan berkesan.

- Permohonan tukar syarat tanah lewat diproses.
- Pendaftaran hak milik baru belum dibuat sungguhpun kelulusan telah diberi.
- Cukai tanah kurang dikutip.
- Premium khas (denda) terlebih/terkurang dikutip.
- Pengurusan maklumat tukar syarat tanah di peringkat PTG dan PDT yang kurang memuaskan.

### **3.4.1. Prestasi Pematuhan Syarat Tanah**

Mengikut Seksyen 125 KTN, pelanggaran syarat tanah berlaku apabila kategori penggunaan tanah, syarat nyata dan sekatan kepentingan tidak dipatuhi. Semakan Audit mendapati kes pelanggaran syarat tanah masih berlaku di Negeri Selangor seperti keterangan berikut:

#### **3.4.1.1. Pembinaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Atas Tanah Pertanian**

- a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 26 Jun 2006 telah meluluskan kertas cadangan mengenai Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (Program PKTK) di Negeri Selangor. Lanjutan daripada itu, PTG telah mengeluarkan Pekeliling PTG Bilangan 6 Tahun 2006 mengenai Program PKTK berkuat kuasa mulai 31 Julai 2006 dan Pekeliling PTG Bilangan 6 Tahun 2009 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2009. Mengikut Pekeliling PTG Bilangan 6 Tahun 2006, sehingga 31 Julai 2006 terdapat sebanyak 3,165 buah kilang haram di Negeri Selangor. Kilang tersebut telah dikenal pasti melanggar syarat kegunaan tanah di mana tanah tersebut masih berstatus tanah pertanian tetapi telah digunakan untuk tujuan industri. Sasaran yang ditetapkan untuk Program PKTK ialah untuk memutihkan sepenuhnya semua 3,165 buah kilang haram menjelang akhir tahun 2007. Semakan Audit mendapati MMKN telah meluluskan pelanjutan Program PKTK sebanyak 3 kali sehingga 30 Jun 2010, 30 Jun 2011 dan 31 Disember 2012. Ini menunjukkan sasaran pemutihan sepenuhnya sebanyak 3,165 buah kilang haram menjelang akhir tahun 2007 tidak tercapai.
- b. Semakan Audit selanjutnya di Bahagian Penguatkuasaan Dan Teknikal, PTG mendapati kilang haram dipantau mengikut bilangan lot tanah dan bukan mengikut bilangan kilang seperti dalam Pekeliling PTG Bilangan 6 Tahun 2006. Mengikut rekod di bahagian ini, bilangan lot tanah yang diusahakan dengan kilang haram adalah sebanyak 2,250 lot. Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 879 (39.1%) daripada 2,250 lot telah berjaya diputihkan manakala baki 1,371 (60.9%) lot tanah masih diusahakan dengan kilang haram. Premium tambahan bagi 879 lot tanah berjumlah RM118.78 juta telah dikutip. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Bilangan Lot Tanah Kilang Haram Yang Berjaya Diputihkan**

Daerah	Bilangan Kilang Haram Mengikut Pekeliling	Bilangan Lot Tanah Terlibat Dengan Kilang Haram	Bilangan Lot Tanah Kilang Haram Yang Berjaya Diputihkan	Jumlah Premium Tambahan Yang Dikutip (RM Juta)
Petaling	951	985	602	44.85
Klang	754	434	46	8.97
Hulu Langat	681	467	91	58.06
Kuala Selangor	251	34	12	1.21
Gombak	164	44	4	0.15
Sabak Bernam	156	15	6	-
Kuala Langat	113	209	114	5.37
Hulu Selangor	72	18	3	0.17
Sepang	23	44	1	-
<b>Jumlah</b>	<b>3,165</b>	<b>2,250</b>	<b>879</b>	<b>118.78</b>

Sumber: Pekeliling PTG Bilangan 6 Tahun 2006, Bahagian Penguatkuasaan Dan Teknikal Di Pejabat Tanah Dan Galian Selangor Serta Pejabat Daerah Dan Tanah Yang Berkaitan

- c. Pihak Audit telah membuat pemeriksaan bersama pihak PDT Klang ke 2 lokasi kilang haram yang beroperasi di atas tanah pertanian di Daerah Klang. Selain itu, pihak PDT Kuala Selangor juga memaklumkan terdapat kilang haram kitar semula tayar di Kampung Seri Tiram Jaya, Tanjung Karang. PDT Kuala Selangor telah mengeluarkan notis dan amaran kedua kepada pengusaha kilang kitar semula tayar tersebut. Permohonan tukar syarat tanah oleh pengusaha kilang ini masih dalam pertimbangan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Kilang dan bengkel haram yang beroperasi adalah seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4**.

**Gambar 3.1**  
**Kilang Haram Di Atas Tanah Pertanian**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Meru Utama, Daerah Klang  
Tarikh: 13 Disember 2011

**Gambar 3.2**  
**Bengkel Haram Di Atas Tanah Pertanian**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rantau Panjang, Daerah Klang  
Tarikh: 13 Disember 2011

**Gambar 3.3**

**Kilang Tayar Haram Di Atas Tanah Pertanian**



Sumber: PDT Kuala Selangor

Lokasi: Kampung Seri Tiram Jaya, Tanjung Karang

Tarikh: 1 November 2011

**Gambar 3.4**



Sumber: PDT Kuala Selangor

Lokasi: Kampung Seri Tiram Jaya, Tanjung Karang

Tarikh: 1 November 2011

- d. Antara faktor utama kewujudan kilang haram dan Program PKTK tidak tercapai adalah seperti berikut:
- i. Pemilik tanah yang mengalami masalah kewangan tidak mampu untuk menjelaskan premium tambahan yang dikenakan apabila menukarkan syarat kegunaan tanah.
  - ii. Pemilik tanah juga sukar mendapatkan pinjaman untuk menjelaskan premium tambahan yang dikenakan kerana pemilik tanah telah berusia dan tidak layak untuk membuat pinjaman.
  - iii. Pemilik tanah telah menyewakan tanah tersebut kepada pengusaha kilang dalam tempoh jangka masa yang panjang dan terikat dengan perjanjian yang telah dibuat.
  - iv. Pemilik tanah hanya menggunakan sebahagian daripada tanah bagi tujuan industri.
  - v. Pemilik tanah kurang faham mengenai tukar syarat kegunaan tanah yang menyebabkan mereka tidak membuat permohonan.
  - vi. Tempoh pajakan tanah telah luput menyebabkan pemilik tanah tidak mahu menukar syarat kegunaan tanah kerana premium tambahan bagi tempoh yang baru adalah lebih tinggi.
  - vii. Kilang yang didirikan berada di luar kawasan zon perindustrian yang ditetapkan.
  - viii. Kilang yang didirikan berdekatan di antara satu sama lain dan tidak memenuhi syarat pembangunan yang ditetapkan oleh PBT.
- e. **PTG memaklumkan pada 29 Mac 2012, tindakan penguatkuasaan hanya boleh diambil terhadap kilang haram yang berdaftar di bawah Program PKTK selepas tamat program pemutihan pada 31 Disember 2012. Bagaimanapun, bagi pelanggaran syarat tanah selain yang berdaftar di bawah program PKTK, PDT terlibat telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan merampas tanah**

tersebut di bawah Seksyen 129 KTN, jika tidak diremedi di bawah Seksyen 128 KTN. Selain itu, denda terhadap pemilik tanah juga dikenakan di bawah Subseksyen 127 (1A) KTN dan notis secara pentadbiran juga dikeluarkan terhadap pelanggaran syarat tanah. Maklumat penguatkuasaan yang telah diambil bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di Jadual 3.3.

**Jadual 3.3**

**Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Pelanggaran Syarat Tanah  
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Pejabat Daerah Dan Tanah	Seksyen 127	Seksyen 128	Seksyen 129	Notis Secara Pentadbiran
Hulu Langat	191	31	116	-
Klang	28	15	3	54
Petaling	-	6	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>219</b>	<b>52</b>	<b>119</b>	<b>54</b>

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Yang Berkaitan

- f. Oleh kerana masalah kilang haram belum berjaya ditangani dengan berkesan, ia akan menyebabkan berlakunya pembangunan yang tidak tersusun yang akan menyumbang kepada masalah pencemaran. Kerajaan Negeri juga akan kehilangan hasil kerana kadar cukai yang lebih rendah bagi tanah kategori pertanian berbanding kadar cukai untuk tanah kategori perindustrian. Aduan daripada masyarakat setempat serta liputan media mengenai kilang haram juga menjelaskan imej Negeri Selangor sebagai sebuah negeri maju.

#### **3.4.1.2. Perusahaan Tapak Perkuburan Tanpa Kebenaran Di Atas Tanah Pertanian**

- a. Di Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling dan Mukim Ulu Semenyih, Daerah Hulu Langat terdapat 64 lot tanah (869.74 ekar) di mana semasa pemberimilikan adalah tanah kategori penggunaan ‘pertanian’ atau ‘tiada’ tetapi sebenarnya digunakan sebagai tapak perkuburan secara komersial. Semakan Audit sehingga 31 Disember 2011 mendapati tiada permohonan tukar syarat tanah bagi 12 (292.37 ekar) daripada 64 lot tanah ini. Manakala baki 52 lot tanah (577.37 ekar) ada permohonan tukar syarat tanah dan telah pun diluluskan. Daripada 52 lot tanah ini, hanya 12 lot (119.26 ekar) sahaja telah ditukar syarat kepada kategori penggunaan ‘bangunan perniagaan’ dan syarat nyata ‘tapak perkuburan’ manakala baki 40 lot (458.11 ekar) masih belum ditukar syarat. Butiran adalah seperti di Jadual 3.4.

**Jadual 3.4**
**Status Tukar Syarat Tanah Bagi Tapak Perkuburan Di Daerah Petaling Dan Daerah Hulu Langat**

Mukim/Daerah	Bilangan Lot	Permohonan Tukar Syarat Tanah		Kelulusan MMKN		Pendaftaran Hak Milik Baru	
		Belum Mohon	Telah Mohon	Telah Lulus	Belum Lulus	Telah Daftar	Belum Daftar
Bukit Raja, Daerah Petaling	21	12	9	9	0	0	9
Ulu Semenyih, Daerah Hulu Langat	43	0	43	43	0	12	31
<b>Jumlah</b>	<b>64</b>	<b>12</b>	<b>52</b>	<b>52</b>	<b>0</b>	<b>12</b>	<b>40</b>

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Serta Pejabat Daerah Dan Tanah Yang Berkaitan

- b. Semakan Audit selanjutnya terhadap kesemua 64 lot tanah ini mendapati perkara berikut:

i. **Permohonan Tukar Syarat Tanah Tidak Dibuat**

Semakan Audit mendapati sebanyak 12 lot tanah (292.37 ekar) di Seksyen U14, Mukim Bukit Raja tidak pernah dimohon untuk tukar syarat tanah tetapi telah diusahakan sebagai tapak perkuburan. Sebanyak 6 lot (59.85 ekar) telah diusahakan sejak tahun 2006/2007 manakala 6 lot lain (232.52 ekar) tidak diketahui tahun mula diusahakan. Pemilik tanah masih membayar cukai tanah tahunan pada kadar kategori penggunaan ‘pertanian’ tetapi mengusahakan perniagaan di atas lot tanah terlibat. Sekiranya pemilik kesemua 12 lot tanah ini membuat permohonan tukar syarat tanah dan diluluskan, berdasarkan kadar pada tahun 2011, Kerajaan Negeri dianggarkan akan dapat mengutip hasil berjumlah RM14.43 juta yang terdiri daripada premium tambahan berjumlah RM9.58 juta, denda pelanggaran syarat berjumlah RM2.50 juta bagi 6 lot yang diusahakan sejak tahun 2006/2007 dan cukai tanah baru berjumlah RM2.35 juta.

ii. **Pendaftaran Hak Milik Baru Lewat/Tidak Dibuat**

- Pendaftaran hak milik baru merupakan proses terakhir dalam urusan tukar syarat tanah. Proses ini perlu dibuat bagi memastikan syarat baru yang telah diluluskan dimasukkan secara rasmi di dokumen hak milik tanah terlibat. Pendaftaran hak milik baru akan dibuat setelah pemohon menjelaskan premium tambahan, premium khas (denda) dan cukai tanah baru yang ditetapkan di dalam Notis Bayaran serta mengemukakan dokumen hak milik asal kepada PDT terlibat. Mengikut Borang 7G kepada Seksyen 124 KTN, semua bayaran hendaklah dijelaskan dengan penuh dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 6 bulan mengikut Kaedah 12, Kaedah-kaedah Tanah Selangor Tahun 2003 (Pindaan) atau mengikut lanjutan tempoh yang telah diluluskan oleh Pentadbir Tanah. Sekiranya pemilik tidak menjelaskan

semua bayaran yang ditetapkan dalam tempoh tersebut, kelulusan tukar syarat tanah tersebut adalah dianggap terbatal.

- Semakan Audit mendapati kelulusan tukar syarat tanah telah diberikan oleh MMKN kepada pemilik 52 lot tanah (577.37 ekar) iaitu 9 lot (74.51 ekar) di Mukim Bukit Raja dan 43 lot (502.86 ekar) di Mukim Ulu Semenyih antara tahun 1992 hingga 2011. Bagaimanapun, hanya 12 lot (119.26 ekar) di Mukim Ulu Semenyih telah didaftarkan secara rasmi di dokumen hak milik sebagai kategori penggunaan ‘bangunan perniagaan’ dan syarat nyata ‘tapak perkuburan’. Manakala 40 lot tanah (458.11 ekar) masih belum didaftarkan sebagai hak milik baru sehingga tarikh pengauditan. Pihak Audit telah memperhatikan perkara berikut:
  - Sebanyak 12 lot tanah (kategori penggunaan asal ‘pertanian’ atau ‘tiada’) yang telah diberi kelulusan tukar syarat tanah pada tahun 1992 dan 1993 hanya didaftarkan hak milik baru pada tahun 1996 dan 1998 iaitu 4 hingga 7 tahun selepas kelulusan diberi. Ini berlaku kerana pemilik tanah hanya mengemukakan dokumen untuk tujuan pendaftaran hak milik baru bagi 2 lot tanah pada tahun 1996 manakala bagi 10 lot tanah didapati cukai tanah baru hanya dijelaskan pada tahun 1998. Ini bermakna, pemilik tanah tidak menjelaskan semua bayaran yang dinyatakan pada Borang 7G secara penuh bagi 10 lot tanah terlibat selaras dengan ketetapan Seksyen 124 KTN. Sekiranya pendaftaran dibuat dengan segera selepas kelulusan diperoleh, Kerajaan Negeri akan mendapat tambahan cukai tanah berjumlah RM630,322 bagi tempoh 4 hingga 7 tahun tersebut. Butiran adalah seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Kelewatan Pendaftaran Hak Milik Baru Di Mukim Ulu Semenyih**

Tahun MMKN Lulus	Pendaftaran Hak Milik Baru		Bil. Lot Tanah	Luas (Ekar)	Cukai Tanah (RM)		
	Tahun	Tempoh Kelewatan (Tahun)			Anggaran Kutipan	Sebenar Dikutip	Tambahan Kutipan
1992	1998	7	1	39.97	238,319	2,040	236,279
1993	1998	6	9	67.79	388,773	2,407	386,366
1993	1996	4	2	11.50	7,846	169	7,677
<b>Jumlah</b>			<b>12</b>	<b>119.26</b>	<b>634,938</b>	<b>4,616</b>	<b>630,322</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Mengikut maklum balas Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat, kadar cukai tanah bagi tapak perkuburan sebelum tahun 1995 adalah berdasarkan kadar ‘bangunan kediaman’.

- Bagi 40 lot tanah lain (kategori penggunaan asal ‘pertanian’ atau ‘tiada’), adalah didapati kesemua lot tanah ini belum didaftarkan hak milik baru sungguhpun kelulusan telah diperoleh antara tahun 1992 hingga 2011. Mengikut perkiraan Audit, sekiranya pendaftaran dibuat dengan segera selepas kelulusan diberi, Kerajaan Negeri dianggarkan boleh mendapat

tambahan cukai tanah berjumlah RM9 juta bagi tempoh tahun 1992 hingga 2011 seperti di **Jadual 3.6. Mengikut maklum balas daripada PDT Petaling dan Hulu Langat bertarikh 23 Mac 2012, pendaftaran hak milik baru tidak boleh dibuat kerana:**

- **Pemilik bagi 9 lot tanah (74.51 ekar) Mukim Bukit Raja belum menyerahkan dokumen hak milik asal ke PDT Petaling.**
- **Pemilik tanah di Mukim Ulu Semenyih belum mengemukakan salinan resit bayaran bagi mengesahkan pembayaran terhadap premium tambahan, cukai tanah baru dan caruman parit walaupun telah diarahkan berbuat demikian oleh PDT Hulu Langat. Selain itu, pemilik berdaftar bagi 5 lot tanah (26.09 ekar) Mukim Ulu Semenyih tidak sama dengan pemilik berdaftar semasa kelulusan diberi terhadap tukar syarat tanah terlibat.**

**Jadual 3.6**  
**Pendaftaran Hak Milik Baru Belum Dibuat**  
**Di Mukim Ulu Semenyih Dan Mukim Bukit Raja**

Tahun Lulus	Bil. Lot Tanah	Luas (Ekar)	Tempoh Pendaftaran Tidak Dibuat (Tahun)	Cukai Tanah (RM)		
				Anggaran Kutipan	Sebenar Dikutip	Tambahan Kutipan
<b>Mukim Ulu Semenyih</b>						
1992	2	9.60	20	411,069	35,057	376,012
1995	6	56.28	17	2,372,904	10,668	2,362,236
1996	11	81.36	16	3,412,203	26,060	3,386,143
1998	8	34.85	14	1,285,514	4,996	1,280,518
2001	2	44.58	11	1,306,497	6,395	1,300,102
2010	2	156.94	2	436,125	436,126	-1.00
<b>Seksyen U14, Mukim Bukit Raja</b>						
2010	5	37.28	2	600,165	300,084	300,081
2011	4	37.22	1	299,631	299,632	-1.00
<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>458.11</b>	<b>-</b>	<b>10,124,108</b>	<b>1,119,018</b>	<b>9,005,090</b>

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian, Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat Dan Petaling

- c. Selaras dengan rumusan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (SELCAT), Dewan Negeri Selangor terhadap pendengaran awam bagi menyiasat pembangunan kawasan perkuburan bukan Islam tanpa kebenaran di Seksyen U14, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling yang telah diadakan pada 1 September 2010, pihak Audit juga mendapati antara sebab perkara ini berlaku adalah kerana faktor berikut:
- i. Tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri dan PBT tidak kelihatan menonjol dalam isu tanah perkuburan khususnya tanah perkuburan bukan Islam. Badan Kerajaan yang dipertanggungjawabkan secara khusus untuk mengendalikan dan menyelaraskan urusan berkaitan tidak diwujudkan.
  - ii. Peraturan yang khusus untuk mengendalikan urusan mengenai tanah perkuburan swasta tidak diadakan.

- iii. Kerajaan Negeri dan PBT kurang pro-aktif dan kurang cekap dalam perancangan dan pengurusan tanah perkuburan. PBT juga tidak mempunyai pengalaman dalam menguruskan permohonan pengusahaan tanah perkuburan swasta.

Kelemahan yang wujud ini telah menyebabkan pihak pengusaha tanah perkuburan menggunakan kesempatan untuk mengaut keuntungan yang besar. Sekiranya perkara ini tidak diberi perhatian yang segera, ia akan memudaratkan kepentingan Kerajaan dan rakyat untuk jangka masa panjang.

#### **3.4.1.3. Penternakan Dan Perusahaan Burung Walit Di Atas Bangunan Kediaman Dan Perniagaan**

- a. Penternakan dan perusahaan burung walit telah diusahakan sejak tahun 1990an di Negeri Selangor. Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Garis Panduan Pelesenan Industri Burung Walit Negeri Selangor untuk diguna pakai oleh PBT bertujuan mengawal industri tersebut. Mengikut garis panduan tersebut, perusahaan burung walit boleh dijalankan di atas tanah pertanian kecuali sawah padi. Bagaimanapun, semakan Audit mendapat ketetapan khusus dari segi kategori penggunaan tanah atau syarat nyata untuk perusahaan burung walit belum diadakan sehingga sekarang. Terdapat penternakan dan perusahaan burung walit giat dijalankan di beberapa lot tanah kategori penggunaan ‘bangunan perniagaan’ dan ‘bangunan kediaman’ seperti berikut:
- i. Mengikut Seksyen 116(1)(b) KTN, tiada bahagian tanah yang tertakluk kepada kategori bangunan boleh digunakan untuk tujuan pertanian atau perindustrian melainkan mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapat perusahaan burung walit dijalankan di atas bangunan kediaman dan kedai tanpa kelulusan seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**.

**Gambar 3.5  
Penternakan Burung Walit  
Di Bangunan Kediaman**



Sumber: Majlis Daerah Sabak Bernam  
Lokasi: Sabak Bernam  
Tarikh: 30 November 2011

**Gambar 3.6  
Penternakan Burung Walit  
Di Bangunan Kedai**



Sumber: Majlis Daerah Sabak Bernam  
Lokasi: Sabak Bernam  
Tarikh: 30 November 2011

- ii. Mengikut Seksyen 117(1)(c) KTN, tiada bangunan atau pemasangan boleh diubah atau dilanjutkan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa tertentu. **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8** menunjukkan penternakan burung walit di bangunan kilang yang telah diubah suai bagi tujuan tersebut.

**Gambar 3.7**

Penternakan Burung Walit Di Bangunan Kilang



Sumber: Majlis Daerah Sabak Bernam  
Lokasi: Sabak Bernam  
Tarikh: 30 November 2011

**Gambar 3.8**



Sumber: Majlis Daerah Sabak Bernam  
Lokasi: Sabak Bernam  
Tarikh: 30 November 2011

- b. Semakan Audit mendapati, keadaan ini berlaku disebabkan penguatkuasaan belum boleh dilaksanakan kerana belum ada undang-undang khusus berkaitan industri burung walit. Penternakan burung walit ini telah menyebabkan kacau ganggu awam akibat kotoran bahan buangan burung walit dan bunyi bising daripada rakaman audio yang dipasang. Penternakan burung walit di bangunan kedai juga menyebabkan keadaan perbandaran yang tidak tersusun dan tidak terancang.

Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap isu pelanggaran syarat tanah kurang memuaskan kerana terdapat kilang haram, perusahaan tapak perkuburan tanpa kebenaran serta penternakan dan perusahaan burung walit yang masih tidak dapat ditangani dengan berkesan. Inventori untuk memantau pelanggaran terhadap syarat tanah perlu diselenggarakan dan dikemas kini dari semasa ke semasa supaya tindakan penguatkuasaan boleh/perlu diambil. Selain itu, kategori penggunaan tanah atau syarat nyata untuk penternakan dan perusahaan burung walit hendaklah ditetapkan dengan segera supaya industri ini dapat diusahakan secara sah dan penguatkuasaan dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

### 3.4.2. Pelaksanaan Tukar Syarat Tanah

#### 3.4.2.1. Kelewatan Memproses Permohonan Tukar Syarat Tanah

- a. Unit Tukar Syarat Tanah di bawah Bahagian Pembangunan Dan Kemajuan Tanah di PDT dan PTG bertanggungjawab memproses permohonan tukar syarat tanah untuk kelulusan oleh MMKN. Sehingga bulan Disember 2011, sebanyak 781 permohonan tukar syarat tanah bagi 9 daerah telah didaftarkan di PTG bagi tahun 2009 hingga

2011. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 659 permohonan telah diluluskan oleh MMKN.

- b. Semakan Audit di peringkat PTG dan 3 PDT terlibat iaitu Petaling, Klang dan Hulu Langat mendapati perkara berikut:

- i. PDT Hulu Langat dan Petaling menetapkan piagam pelanggan yang tidak seragam dalam pemprosesan permohonan tukar syarat tanah dari peringkat PDT (permohonan) hingga ke peringkat MMKN (kelulusan). Bagaimanapun, tempoh yang ditetapkan untuk setiap peringkat pemprosesan tidak dinyatakan dengan jelas. Manakala bagi PDT Klang, piagam pelanggan hanya ditetapkan di peringkat pejabatnya sahaja iaitu 4 hingga 6 minggu. Butiran adalah seperti di **Jadual 3.7**.

**Jadual 3.7**  
**Piagam Pelanggan Yang Tidak Seragam**

Daerah	Jumlah Tempoh Masa Yang Ditetapkan (Maksimum) [Bulan]	Tempoh Masa Yang Ditetapkan		
		Peringkat PDT [Syarat Nyata – KR & LT Kategori Tanah – LT]	Peringkat PTG [Syarat Nyata – Syor Kategori Tanah – KR]	Peringkat MMKN
Hulu Langat	3	Tidak dapat ditentukan	22 hari bekerja	Tidak dapat ditentukan
Petaling	6			
Klang	Tidak dapat ditentukan	4 hingga 6 minggu		

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Yang Berkaitan

Nota: KR – Kertas Ringkasan; LT – Laporan Tanah

- ii. Semakan Audit terhadap 47 permohonan tukar syarat mendapati 26 permohonan telah lewat diproses di PDT Hulu Langat dan Petaling. Tempoh kelewatan adalah antara 6 hari hingga 39 bulan 27 hari. Manakala di PDT Klang, tempoh sebenar yang telah diambil untuk memproses 16 permohonan adalah antara 3 bulan 6 hari hingga 13 bulan 24 hari. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada berlaku kelewatan pemprosesan di PDT Klang kerana piagam pelanggan yang lengkap merangkumi pemprosesan di peringkat PTG dan MMKN tidak dinyatakan. Butiran adalah seperti di **Jadual 3.8**.

**Jadual 3.8**  
**Pencapaian Piagam Pelanggan Permohonan Tukar Syarat Tanah**

Daerah	Bilangan Permohonan	Piagam Pelanggan (Bulan)	Bilangan Sampel	Tempoh Pencapaian Sebenar (Bulan/Hari)	Kelewatan	
					Bilangan Permohonan	Tempoh (Bulan/Hari)
Hulu Langat	145	3	14	7 bulan 12 hari hingga 42 bulan 27 hari	14	4 bulan 12 hari hingga 39 bulan 27 hari
Petaling	173	6	17	2 bulan 24 hari hingga 20 bulan 15 hari	12	6 hari hingga 14 bulan 15 hari
Klang	156	3	16	3 bulan 6 hari hingga 13 bulan 24 hari	Tidak dapat ditentukan	
<b>Jumlah</b>	<b>474</b>		<b>47</b>		<b>26</b>	

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Yang Berkaitan

- iii. Mengikut maklum balas pada 2 April 2012, pemprosesan permohonan mengambil masa yang panjang kerana faktor seperti di Jadual 3.9.

**Jadual 3.9**

**Ringkasan Sebab Kelewatan Pemprosesan Permohonan Tukar Syarat Tanah**

Peringkat	Ringkasan Sebab Kelewatan
PTG	Permohonan tukar syarat tanah yang kurang daripada 2 ekar mengambil masa satu tahun 6 bulan untuk kelulusan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah. Terdapat kes permohonan yang mengambil masa selama 5 bulan untuk tindakan jawatankuasa ini.
PDT Hulu Langat	Laporan tanah dan ulasan jabatan teknikal lewat dikeluarkan.
PDT Petaling	Laporan tanah dan ulasan jabatan teknikal lewat dikeluarkan.
PDT Klang	Laporan Tanah mengambil masa sehingga 16 minggu untuk dikeluarkan kerana beban tugas 2 orang Penolong Pegawai Tanah yang bertanggungjawab menyediakan Laporan Tanah bagi 374 permohonan pembangunan tanah pada tahun 2011.

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Yang Berkaitan

#### 3.4.2.2. Pendaftaran Hak Milik Baru Belum Dibuat

- Setelah pemohon menjelaskan semua bayaran yang ditetapkan di dalam Notis Bayaran, PDT terlibat perlu menyediakan Memorandum Pengubahan Syarat-Syarat, Sekatan-Sekatan Dan Kategori Penggunaan (Borang 7C). Memorandum ini akan dihantar ke Bahagian Pendaftaran Hak Milik bersama dengan dokumen hak milik asal untuk tujuan pendaftaran. Bahagian Pendaftaran Hak Milik akan membuat pendaftaran semula berdasarkan kepada maklumat yang terdapat di dalam memorandum tersebut. Dokumen Penentusahan (Borang A kepada Jadual Keempat Belas) yang mengandungi maklumat berkaitan geran sebelumnya, tindakan yang diambil dan kandungan baru Dokumen Hak Milik akan dikeluarkan dan disemak oleh Penolong Pentadbir Tanah sebelum dokumen hak milik baru dikeluarkan.
- Semakan Audit secara rambang sehingga 31 Disember 2011 mendapati sebanyak 171 hak milik belum didaftarkan sebagai hak milik baru bagi Daerah Hulu Langat, Petaling dan Klang. Kelewatan mendaftar hak milik baru ini adalah kerana pemilik

tanah tidak menyerahkan dokumen hak milik asal untuk tujuan pendaftaran dan pemilik tanah membuat pindaan pelan pembangunan yang telah diluluskan. Ini telah mengakibatkan Kerajaan Negeri tidak dapat mengutip cukai tanah pada kadar baru berjumlah RM1.02 juta bagi permohonan tukar syarat tanah di mana bayaran premium tambahan dan cukai tanah baru (Borang 7G) yang telah dijelaskan mulai tahun 2004 hingga 2011.

### 3.4.2.3. Cukai Tanah Terkurang Kutip

- a. Mengikut kadar cukai tanah yang ditetapkan oleh Kaedah-kaerah Tanah Selangor Tahun 2003 (Pindaan), kadar cukai tanah untuk kategori penggunaan ‘bangunan perniagaan’ bagi tahun 1996 hingga 2005 dan mulai tahun 2006 hingga kini masing-masing ialah 62.43 sen dan 68.67 sen satu meter persegi. Semakan Audit mendapati 12 lot tanah (119.26 ekar) di Mukim Ulu Semenyih Daerah Hulu Langat yang telah didaftarkan sebagai syarat nyata ‘tapak perkuburan’ pada tahun 1996 dan 1998 telah dikenakan cukai tanah pada kadar kategori penggunaan ‘bangunan kediaman’ seperti di **Jadual 3.10**.

**Jadual 3.10**  
**Kadar Cukai Tanah Satu Meter Persegi Yang Dikenakan**

Tahun Pendaftaran Hak Milik Baru	Jumlah Lot Tanah (Ekar)	Kadar Cukai Tanah Tahunan					
		1996-2005 (Sen/Meter Persegi)		1998-2005 (Sen/Meter Persegi)		2006-2011 (Sen/Meter Persegi)	
		PK	TK	PK	TK	PK	TK
1998	5 Lot (80.95)	-	-	62.43	5.62	68.67	5.62
1998	5 Lot (26.81)						6.18
1996	2 Lot (11.50)	62.43	5.62				
<b>Jumlah</b>	<b>12 Lot (119.26)</b>						

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat

Nota: PK - Patut Dikenakan; TK - Telah Dikenakan

- b. Kadar cukai tanah baru 5.62 sen satu meter persegi adalah kadar bagi kategori penggunaan ‘bangunan kediaman’ yang dikenakan kepada pemilik tanah bagi kelulusan tukar syarat tanah sebelum tahun 1995 kerana mengikut PDT Hulu Langat, syarat nyata ‘tapak perkuburan’ belum diambil kira sebagai kategori penggunaan ‘bangunan perniagaan’. Kadar cukai tanah baru 6.18 sen satu meter persegi pula adalah kadar baru bagi kategori penggunaan ‘bangunan kediaman’ selepas kenaikan kadar cukai pada tahun 2006. Kadar cukai tanah tahunan bagi 12 lot tanah (119.26 ekar) ini sepatutnya dilaraskan kepada kadar cukai tanah untuk tanah kategori penggunaan ‘bangunan perniagaan’. Bagaimanapun sehingga bulan Disember 2011, pelarasian kadar cukai tanah tahunan tersebut tidak dibuat yang menyebabkan Kerajaan Negeri terkurang kutip hasil berjumlah RM4.06 juta.

#### **3.4.2.4. Premium Khas (Denda) Terkurang/Terlebih Kutip**

- a. Mengikut Kaedah 11(6), Kaedah-kaedah Tanah Selangor Tahun 2003 yang dipinda oleh Sel.P.U. 349, pemilik tanah yang telah melanggar syarat kegunaan tanah iaitu telah mengusahakan tanah sebelum ditukar syarat hendaklah membayar denda pada kadar cukai tanah baru sepanjang tempoh tanah tersebut diusahakan tertakluk kepada tempoh maksimum selama 10 tahun. Denda dikenakan berdasarkan keadaan sebenar di tapak semasa permohonan dibuat mengikut Borang Laporan Pegawai Petempatan yang dikemukakan bersama permohonan tukar syarat tanah tersebut.
- b. Semakan Audit terhadap Borang Laporan Pegawai Petempatan mendapati Kerajaan Negeri terkurang kutip denda berjumlah RM3.19 juta (bersih) daripada pemilik tanah seperti diterangkan berikut:
  - i. Di Seksyen U14, Mukim Bukit Raja, denda pelanggaran syarat tanah telah terkurang dikenakan terhadap 9 lot tanah (74.50 ekar) yang telah diluluskan tukar syarat tanah pada tahun 2010 dan 2011 oleh PDT Petaling. Sebanyak 4 lot tanah (23.72 ekar) dan 5 lot tanah (50.78 ekar) masing-masing telah mula diusahakan sebagai tapak perkuburan sejak tahun 2002 (10 tahun) dan 2005 (7 tahun). Denda yang sepatutnya dikenakan kepada pemilik tanah bagi 4 lot (23.72 ekar) dan 5 lot (50.78 ekar) adalah masing-masing berjumlah RM1.91 juta dan RM2.86 juta. Bagaimanapun, pemilik tanah hanya dikenakan denda berjumlah RM1.50 juta iaitu bagi tempoh pelanggaran syarat tanah selama 5 tahun bagi 4 lot yang telah diusahakan selama 10 tahun dan satu lot yang diusahakan selama 7 tahun. Ini mengakibatkan Kerajaan Negeri terkurang kutip denda berjumlah RM3.27 juta.
  - ii. Tanah hak milik GM 44 Lot 1937 Mukim Bukit Raja telah ditumbuhki semak dan belukar serta tiada bangunan telah didirikan. Bagaimanapun, permohonan tukar syarat telah diluluskan dengan denda berjumlah RM82,894 yang telah dijelaskan oleh pemilik tanah pada bulan September 2011. Bayaran ini tidak sepatutnya dikenakan kerana lot tanah ini belum diusahakan. Ini telah mengakibatkan Kerajaan Negeri terlebih kutip sejumlah RM82,894.

#### **3.4.2.5. Pengurusan Maklumat Tukar Syarat Tanah Yang Kurang Memuaskan**

Pengurusan maklumat yang cekap dan berkesan memudahkan sesebuah organisasi memantau dan menilai tahap pencapaian prestasi yang telah disasarkan dan seterusnya melaporkan kepada pengurusan dan pihak yang berkepentingan. Maklumat ini boleh digunakan untuk membuat penambahbaikan untuk mencapai prestasi yang lebih cemerlang.

**a. Pengurusan Maklumat Tukar Syarat Tanah Di PTG**

- i. Di Unit Tukar Syarat Tanah (Unit), setiap permohonan tukar syarat tanah yang diterima di PTG akan didaftarkan dalam Buku Daftar Permohonan Tukar Syarat Tanah (Buku Daftar TST) oleh Pembantu Tadbir Tukar Syarat Tanah (PT TST). Di samping itu, setiap permohonan tukar syarat tanah juga turut dikunci masuk ke dalam Sistem Pengurusan Tukar Syarat Tanah (SPTS) oleh PT TST.
- ii. Semakan Audit mendapati Buku Daftar TST telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Maklumat yang diperoleh daripada Buku Daftar diguna pakai oleh pihak pengurusan untuk mengukur prestasi piagam pelanggan bagi proses tukar syarat tanah. Bagaimanapun, temu bual dengan PT TST mendapati SPTS tidak boleh berfungsi dengan baik seperti berikut:
  - Sekiranya seorang pemilik tanah memohon lebih daripada sekali permohonan tukar syarat tanah (untuk lot yang berlainan), ia akan diambil kira sebagai satu permohonan sahaja. Ini adalah kerana SPTS mengawal jumlah permohonan tukar syarat tanah mengikut nama pemilik tanah. Pertambahan permohonan ke atas rekod sedia ada di atas pemilik yang sama akan memadamkan maklumat tanah yang dipohon untuk tukar syarat yang direkodkan sebelumnya. Akibatnya, maklumat permohonan tukar syarat tanah yang diperoleh daripada SPTS adalah kurang berbanding jumlah permohonan sebenar yang telah diterima.
  - SPTS hanya boleh menjanakan laporan status keputusan MMKN bagi permohonan tukar syarat tanah secara keseluruhan (*lump sum*) mengikut daerah bermula daripada sistem ini digunakan iaitu pada tahun 2007 sehingga kini. SPTS tidak boleh menjana laporan jumlah keputusan MMKN mengikut tahun.
  - Mekanisme tidak diwujudkan untuk memastikan semua permohonan dikunci masuk ke dalam SPTS.
  - Maklumat daripada SPTS tidak digunakan oleh Unit untuk melaporkan status keputusan MMKN kepada pihak pengurusan kerana tidak tepat. Oleh itu, SPTS tidak ada fungsi khusus kerana Unit masih bergantung sepenuhnya kepada Buku Daftar TST yang diselenggarakan secara manual.

**b. Pengurusan Maklumat Tukar Syarat Tanah Di PDT**

- i. Di PDT pula, permohonan tukar syarat tanah didaftarkan di Buku Daftar Permohonan Tukar Syarat Tanah (Buku Daftar TST) apabila permohonan dibuat oleh pemilik tanah. Di PDT Petaling, Buku Daftar TST didapati tidak kemas kini dan buku berkenaan telah koyak. Bagi PDT Hulu Langat dan Klang, buku daftar adalah kemas kini dan dalam keadaan baik. Bagaimanapun, tidak ada kaedah

yang mudah untuk mendapatkan jumlah premium tambahan yang telah dijelaskan melainkan menyemak satu persatu permohonan dalam Buku Daftar TST berkenaan. Kaedah ini boleh diguna pakai sekiranya bayaran yang telah dibuat direkodkan dengan segera dalam Buku Daftar TST. Bagaimanapun, keciran maklumat boleh berlaku sekiranya maklumat mengenai bayaran tidak dikemas kini ke buku daftar tersebut dengan segera kerana tidak ada mekanisme kawalan yang diwujudkan bagi menentukan setiap maklumat direkodkan dengan kemas kini.

- ii. Selain Buku Daftar TST, ketiga-tiga PDT juga menggunakan satu sistem berkomputer *stand alone* iaitu Sistem Pemantauan Premium Tanah (SPPT) yang digunakan oleh Pembantu Tadbir untuk mengunci masuk maklumat permohonan setelah pemohon menjelaskan bayaran premium tambahan. Perbendaharaan Negeri Selangor membangunkan SPPT untuk memantau jumlah kutipan hasil premium tanah dan bilangan kelulusan MMKN bagi urusan Pemberimilikan Tanah, Tukar Syarat Tanah dan Lanjut Tempoh Pajakan Tanah di setiap daerah.
- iii. Antara kelemahan SPPT yang diperhatikan adalah seperti berikut:
  - Pengguna terpaksa *log in* semula ke dalam sistem setiap kali hendak memaparkan laporan mengikut tahun.
  - Sistem didapati lambat mengemas kini maklumat yang dikunci masuk.
  - Sistem SPPT tidak mempunyai perisian yang boleh membuat perkiraan pengurangan premium tambahan.
  - Jumlah premium tambahan yang telah dijelaskan adalah berbeza antara rekod di SPPT dengan jumlah yang direkodkan di dalam Buku Daftar TST di PDT Klang. Pihak Audit dimaklumkan rekod di Buku Daftar TST adalah lebih tepat dan ia digunakan untuk tujuan pelaporan kepada pihak pengurusan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.11**.

**Jadual 3.11**

**Maklumat Perbezaan Buku Daftar Tukar Syarat Tanah Dan Sistem Pemantauan Premium Tanah Di Pejabat Daerah Dan Tanah Klang**

Sumber Maklumat	Tahun		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Buku Daftar Permohonan Tukar Syarat Tanah (Manual)	9.79	20.52	26.01
Sistem Pemantauan Premium Tanah (Komputer)	8.24	16.89	21.12
<b>Jumlah Perbezaan</b>	<b>1.55</b>	<b>3.63</b>	<b>4.89</b>

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Klang

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan tukar syarat tanah perlu ditambah baik bagi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan mengelakkan kehilangan hasil Kerajaan Negeri.**

### **3.5. SYOR AUDIT**

Untuk menambah baik pengurusan tukar syarat tanah, Kerajaan Negeri serta Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) dengan kerjasama Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

**3.5.1.** Menyelenggarakan rekod inventori untuk memantau pelanggaran terhadap syarat tanah dan mengemaskinkannya dengan status penguatkuasaan yang telah diambil oleh PTG untuk setiap pelanggaran yang berlaku. Dengan maklumat pelanggaran syarat tanah yang lengkap, tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas boleh/perlu diambil dengan kerjasama pihak PDT yang berkaitan.

**3.5.2.** Menetapkan kategori penggunaan tanah atau syarat nyata untuk penternakan dan perusahaan burung walit dengan segera supaya industri ini dapat diusahakan secara sah dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

**3.5.3.** Menilai semula tempoh sebenar yang diambil untuk memproses permohonan tukar syarat tanah di semua peringkat yang terlibat (PTG, PDT dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri) dan seterusnya menyeragamkan tempoh piagam pelanggan yang paling munasabah. Ini bertujuan memastikan pemprosesan permohonan tukar syarat tanah dapat dijalankan dengan cekap.

**3.5.4.** Menguatkuasakan peraturan bagi permohonan baru iaitu pemilik tanah hendaklah menyerahkan dokumen hak milik tanah semasa menjelaskan bayaran tukar syarat tanah (Borang 7G) untuk tujuan pendaftaran hak milik baru. Bagi kes permohonan tukar syarat tanah sedia ada yang belum menyerahkan dokumen hak milik tanah, denda hendaklah dikenakan bagi tempoh selepas bayaran tukar syarat tanah (Borang 7G) dijelaskan sehingga dokumen hak milik tanah diserahkan untuk pendaftaran. Kadar denda yang dicadangkan ialah pada kadar cukai tanah baru sepertimana denda pelanggaran syarat tanah dikenakan mengikut Kaedah 11(6), Kaedah-kaedah Tanah Selangor Tahun 2003 (Pindaan).

**3.5.5.** Menggunakan satu sistem berkomputer bersepadan bagi memudahkan pengurusan tanah yang boleh diterima pakai oleh pihak yang terlibat seperti Pejabat Tanah Dan Galian dan Pejabat Daerah Dan Tanah.

## **JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

### **4. PEMBAIKAN DAN PENYENGGARAAN SEKOLAH AGAMA**

#### **4.1. LATAR BELAKANG**

Sehingga akhir tahun 2011, terdapat 259 sekolah agama di seluruh Negeri Selangor yang terdiri daripada 12 Pra Sekolah (PRA), 211 Sekolah Rendah Agama (SRA), 11 Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) serta 25 Sekolah Agama Menengah dan Tinggi (SAM/SAMT). Sejumlah 46 sekolah (17.8%) daripada sekolah tersebut berusia kurang daripada 10 tahun. Manakala 164 sekolah (63.3%) berusia antara 20 hingga 50 tahun dan baki 49 sekolah (18.9%) adalah lebih daripada 50 tahun. Bagi memastikan sekolah tersebut berada dalam keadaan selamat, kondusif dan boleh digunakan secara optimum, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menjalankan kerja pembaikan dan penyenggaraan sekolah meliputi ubah suai dan naik taraf terhadap bangunan dan infrastruktur sekolah serta kebersihan dan keselamatan kawasan persekitarannya. Penyenggaraan sekolah agama terletak di bawah tanggungjawab Unit Pembangunan di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan, JAIS yang diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Gred M41. Beliau dibantu oleh seorang Penolong Jurutera Gred J29 dan 3 orang Juruteknik Gred J17. Kerja pembaikan dan penyenggaraan tersebut diuruskan sama ada oleh Unit Pembangunan JAIS atau Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah. Bagi melaksanakan kerja pembaikan dan penyenggaraan sekolah agama, pihak JAIS/JKR Daerah melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja tersebut dan mereka bertanggungjawab untuk memastikan kerja tersebut dilaksanakan dengan sempurna. Mengikut rekod di JAIS, bagi tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM25.03 juta (96.3%) daripada RM25.99 juta peruntukan yang diterima telah dibelanjakan untuk melaksanakan kerja pembaikan dan penyenggaraan 259 sekolah agama.

#### **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kerja pembaikan dan penyenggaraan sekolah agama telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

#### **4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan di Unit Pembangunan JAIS dan 30 sekolah agama di Daerah Sabak Bernam, Hulu Selangor, Hulu Langat dan Kuala Langat. Semakan telah dibuat terhadap rekod dan dokumen yang berkaitan bagi tahun 2009 hingga 2011. Sebanyak 603 kerja pembaikan dan penyenggaraan bernilai RM2.79 juta telah disemak untuk tujuan pengesahan pelaksanaan kerja di sekolah yang berkaitan. Pihak Audit juga menemu bual

pegawai dari JAIS, JKR Daerah dan sekolah yang terlibat dalam menguruskan kerja pembaikan dan penyenggaraan sekolah.

#### **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2011 mendapati JAIS telah menjalankan tanggungjawab untuk melaksanakan kerja pembaikan dan penyenggaraan yang diluluskan di mana pada keseluruhannya prestasi kerja ini adalah memuaskan. Sebanyak 96.3% daripada peruntukan yang diterima telah digunakan untuk menyiapkan kerja pembaikan dan penyenggaraan 577 inden kerja. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Terdapat bangunan dan infrastruktur sekolah yang diaudit tidak kondusif digunakan serta boleh menjelaskan keselamatan guru dan pelajar tetapi tidak disenggarakan.
- Peruntukan kewangan tidak mencukupi dan penyeliaan/pemantauan yang lemah.

##### **4.4.1. Kerja Pembaikan Dan Penyenggaraan Yang Diperlukan Tidak Dilaksanakan**

**4.4.1.1.** Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995 menetapkan bahawa kerja pembaikan dan penyenggaraan perlu dijalankan dengan cekap bukan sahaja untuk memelihara aset Kerajaan tetapi juga untuk menjaga keselamatan pengguna iaitu mengelakkan daripada berlakunya insiden yang tidak diingini.

**4.4.1.2.** Semakan Audit mendapati berlaku kerosakan pada bangunan dan persekitaran yang kurang memuaskan di beberapa sekolah agama yang boleh menjelaskan keselamatan guru dan pelajar di sekolah berkenaan. Kelewatan melaksanakan kerja pembaikan dan penyenggaraan dikhuatiri boleh mengganggu keselamatan guru dan pelajar yang menggunakan bangunan tersebut di samping boleh menyebabkan kos pembaikan meningkat. **Jadual 4.1** menunjukkan 14 contoh kerosakan dan keadaan bangunan/persekitaran yang kurang memuaskan di 13 sekolah berkaitan semasa pengauditan dijalankan serta status kerosakan/kecacatan setakat 29 Februari 2012 berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak JAIS. Selepas teguran Audit, hanya 4 daripada 14 kerosakan ini telah diambil tindakan baik pulih.

**4.4.1.3.** Perkara ini berlaku kerana kekangan kewangan yang dihadapi oleh pihak JAIS. Ini terbukti di mana bagi tahun 2009 hingga 2011, JAIS telah menerima permohonan baik pulih bangunan/persekitaran sekolah dengan anggaran kos RM32.80 juta namun jumlah peruntukan yang diluluskan adalah 79.2% (RM25.99 juta) sahaja.

**Jadual 4.1**  
**Kerja Pembaikan Dan Penyenggaraan Yang Diperlukan Tidak Dilaksanakan**

Nama Sekolah	Perihal Kerosakan/Kecacatan Semasa Pemeriksaan Audit	Maklum Balas Bertarikh 29 Februari 2012 Yang Diterima Selepas Teguran Audit
<b>A. Daerah Sabak Bernam</b>		
SRA Batu 23 Sungai Nibong	Keretakan berlaku di bahagian dinding koridor laluan berbumbung antara blok bangunan sekolah ( <b>Gambar 4.1</b> ).	Unit Forensik JKR Selangor telah membuat pemeriksaan teknikal pada 24 Oktober 2011 dan 19 Januari 2012 serta menyarankan kerja baik pulih dibuat serta merta. Tindakan masih belum diambil.
SRA Parit 9	Keretakan berlaku di bahagian dinding laluan berbumbung ( <b>Gambar 4.2</b> ).	
SRA Parit 6	Tiang bangsal tempat letak basikal pelajar telah reput ( <b>Gambar 4.3</b> ).	Kerja meroboh tempat letak basikal lama dan membina bangsal baru berhampiran kawasan perhimpunan telah dilaksanakan pada 21 Disember 2011 ( <b>Gambar 4.4</b> dan <b>Gambar 4.5</b> ).
<b>B. Daerah Hulu Selangor</b>		
SRA Hulu Yam Bharu	Peralatan kebakaran tidak disenggara ( <b>Gambar 4.6</b> ).	Permohonan bantuan dari pihak JKR telah dibuat pada 26 Januari 2012. Maklum balas masih belum diterima.
SRA Gedangsa	Panel kawalan kebakaran yang tidak berfungsi ( <b>Gambar 4.7</b> ).	
SRA Sungai Tengi	Manhole yang tidak ditutup boleh mengundang bahaya kepada guru dan pelajar ( <b>Gambar 4.8</b> ).	Kontraktor yang dilantik oleh Felda Sungai Tengi telah menyiapkan penutup lubang manhole.
SRA Sungai Buaya	Lantai kelas yang pecah dan berlubang membahayakan guru dan pelajar ( <b>Gambar 4.9</b> ).	Bahagian Pendidikan Islam, Lembaga Zakat Selangor yang membina sekolah ini masih belum memberi ulasan.
SRA Kuala Kubu Bharu	Siling yang telah rosak dan berlubang ( <b>Gambar 4.10</b> ).	Tindakan telah diambil oleh kontraktor pada 17 Disember 2011 ( <b>Gambar 4.11</b> ).
SAM Sungai Selisik	Wayar elektrik dan suis lampu tidak dipasang dengan kemas, terdedah dan membahayakan guru dan pelajar ( <b>Gambar 4.12</b> , <b>Gambar 4.13</b> dan <b>Gambar 4.14</b> ). Aduan telah dibuat pada bulan Julai 2011.	Permohonan bantuan dari pihak JKR telah dibuat pada 15 Februari 2012. Pihak JKR telah menghantar sebut harga (RM200,000) tetapi pihak JAIS memohon agar pecahan skop kerja elektrik dibuat.
SAMT Kuala Kubu Bharu	Keretakan serius berlaku dan kesan resapan air menyebabkan concrete spalling pada struktur rasuk dan lantai di bilik rekreasi Asrama Putera ( <b>Gambar 4.15</b> dan <b>Gambar 4.16</b> ). Gutter air telah rosak ( <b>Gambar 4.17</b> ). Aduan telah dibuat pada bulan Januari 2010.	Unit Forensik JKR Selangor telah membuat siasatan. Pihak sekolah telah menutup kawasan daripada digunakan oleh pelajar sementara menunggu tindakan selanjutnya. Sekolah sedang menunggu peruntukan daripada Lembaga Zakat Selangor.
<b>C. Daerah Hulu Langat</b>		
SRA Kampung Cheras Baru	Lantai kelas yang telah pecah dan berlubang membahayakan guru dan pelajar ( <b>Gambar 4.18</b> ).	Sekolah sedang menunggu peruntukan daripada Lembaga Zakat Selangor dan kerja baik pulih akan dijalankan pada tahun 2012.
SRAI Bandar Baru Bangi	Kebocoran paip menyebabkan tandas guru dan pelajar tidak dapat digunakan ( <b>Gambar 4.19</b> dan <b>Gambar 4.20</b> ). Aduan telah dibuat pada bulan Mac 2011.	Kontraktor yang dilantik oleh pihak JKR telah melaksanakan kerja baik pulih pada bulan Disember 2011.
<b>D. Daerah Kuala Langat</b>		
SRA Sungai Lang	Air bertakung dalam bilik elektrik.	Pihak Unit Pembangunan JAIS telah membuat lawatan baik pulih pada 21 Februari 2012 dan dalam proses penyediaan laporan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Gambar 4.1**  
**Keretakan Berlaku Di Bahagian Dinding Koridor Laluan Berbumbung**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Batu 23 Sungai Nibong, Sabak Bernam  
Tarikh: 6 Oktober 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Batu 23 Sungai Nibong, Sabak Bernam  
Tarikh: 6 Oktober 2011

**Gambar 4.2**  
**Keretakan Berlaku Di Bahagian Dinding Laluan Berbumbung**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Parit 9, Sabak Bernam  
Tarikh: 7 Oktober 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Parit 9, Sabak Bernam  
Tarikh: 7 Oktober 2011

**Gambar 4.3**  
**Tiang Bangsal Tempat Letak Basikal Pelajar Yang Telah Reput**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Parit 6, Sabak Bernam  
Tarikh: 3 Oktober 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Parit 6, Sabak Bernam  
Tarikh: 3 Oktober 2011

**Gambar 4.4**  
**Lokasi Tempat Letak Basikal Yang Telah Dirobohkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Parit 6, Sabak Bernam  
Tarikh: 18 Januari 2012

**Gambar 4.5**  
**Bangsar Baru Yang Dibina Berhampiran Kawasan Perhimpunan**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Parit 6, Sabak Bernam  
Tarikh: 18 Januari 2012

**Gambar 4.6**  
**Peralatan Kebakaran Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Hulu Yam Bharu, Hulu Selangor  
Tarikh: 18 Oktober 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Hulu Yam Bharu, Hulu Selangor  
Tarikh: 18 Oktober 2011

**Gambar 4.7**  
**Panel Kawalan Kebakaran Yang Tidak Berfungsi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Gedangsa, Hulu Selangor  
Tarikh: 12 Oktober 2011



**Gambar 4.8**  
**Manhole Yang Tidak Ditutup**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Sungai Tengi, Hulu Selangor  
Tarikh: 12 Oktober 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Sungai Tengi, Hulu Selangor  
Tarikh: 12 Oktober 2011



**Gambar 4.10**  
**Siling Yang Telah Rosak Dan Berlubang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor  
Tarikh: 13 Oktober 2011

**Gambar 4.11**  
**Siling Yang Telah Dibaiki**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor  
Tarikh: 19 Januari 2012

**Gambar 4.12**  
**Wayar Elektrik Dan Suis Lampu Yang Terdedah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SAM Sungai Selisik, Hulu Selangor  
Tarikh: 11 Oktober 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SAM Sungai Selisik, Hulu Selangor  
Tarikh: 11 Oktober 2011

**Gambar 4.13**  
**Wayar Elektrik Yang Membahayakan Guru Dan Pelajar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SAM Sungai Selisik, Hulu Selangor  
Tarikh: 11 Oktober 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SAM Sungai Selisik, Hulu Selangor  
Tarikh: 11 Oktober 2011

**Gambar 4.15**  
**Keretakan Serius Berlaku Di Bilik Rekreasi Asrama Putera**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SAMT Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor  
Tarikh: 13 Oktober 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SAMT Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor  
Tarikh: 13 Oktober 2011

**Gambar 4.16**  
**Kawasan Bilik Rekreasi Asrama Putera Ditutup**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SAMT Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor  
Tarikh: 9 Disember 2011

**Gambar 4.17**  
**Gutter Air Yang Telah Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SAMT Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor  
Tarikh: 13 Oktober 2011



**Gambar 4.18**  
**Lantai Kelas Yang Telah Pecah Dan Berlubang**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRA Kampung Cheras Baru, Hulu Langat  
Tarikh: 20 Oktober 2011

**Gambar 4.19**  
**Kebocoran Paip Di Tandas Guru Dan Pelajar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRAI Bandar Baru Bangi, Hulu Langat  
Tarikh: 19 Oktober 2011

**Gambar 4.20**

**Limpahan Air Dari Kebocoran Paip**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SRAI Bandar Baru Bangi, Hulu Langat  
Tarikh: 19 Oktober 2011

Pada pendapat Audit, bagi memastikan keselamatan guru dan pelajar terjamin serta sekolah berada di dalam keadaan yang selesa dan kondusif, pihak JAIS perlu menjalankan kerja pembaikan dan penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* sepertimana yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995. JAIS perlu mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri bagi mendapatkan

peruntukan kewangan yang mencukupi bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

#### 4.4.2. Penyeliaan/Pemantauan Yang Lemah

Pada umumnya, kelemahan kerja pembaikan dan penyenggaraan adalah berpunca dari kurangnya penyeliaan dan pemantauan di pihak sekolah dan pihak JAIS. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

**4.4.2.1.** Pihak sekolah tidak prihatin terhadap persekitaran sekolah bagi memastikan ia berada dalam keadaan yang kondusif dan selamat. Mereka juga tidak mempunyai kepakaran dalam kerja pembaikan dan penyenggaraan yang melibatkan aspek teknikal. Ini terbukti di mana sebelum pengauditan dijalankan pada bulan Ogos 2010, hanya 3 sekolah iaitu SAMT Kuala Kubu Bharu, SRAI Bandar Baru Bangi dan SAM Sungai Selisik telah membuat aduan terhadap 4 daripada 14 kerosakan/kecacatan seperti di **Jadual 4.1** kepada JAIS masing-masing pada bulan Januari 2010, Mac dan Julai 2011. Manakala 10 sekolah yang lain tidak mengemukakan aduan bagi memohon 10 kerja pembaikan yang perlu dilaksanakan. Selepas pengauditan dijalankan, 6 buah sekolah telah membuat aduan tambahan kepada pihak JAIS mengenai 6 kerosakan/kecacatan ini.

**4.4.2.2.** Di peringkat JAIS pula, terdapat 3 juruteknik yang bertanggungjawab melaksanakan pemantauan terhadap kerja pembaikan dan penyenggaraan di 958 bangunan di Negeri Selangor. Secara puratanya setiap juruteknik perlu menjalankan pemantauan terhadap kerja pembaikan dan penyenggaraan bagi tidak kurang daripada 290 bangunan. Sungguhpun pihak JAIS tidak dapat mengemukakan norma nisbah yang ideal, keadaan ini menunjukkan bilangan bangunan yang perlu diselia adalah terlalu banyak berbanding bilangan juruteknik sedia ada. Nisbah bilangan juruteknik kepada bilangan bangunan yang perlu diselia adalah antara 1:296 hingga 1:360 seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**  
**Nisbah Bilangan Juruteknik Berbanding Bilangan Bangunan Yang Diselia**  
**(Sekolah Agama/Masjid/Tanah Kubur/Pejabat Agama Islam Daerah)**  
**Setakat 31 Disember 2011**

Daerah	Bil. Bangunan Yang Diselia	Bil. Juruteknik		Nisbah (Juruteknik: Bangunan)
		Sedia Ada	Patut Ada	
Petaling	131	1	Tiada norma ditetapkan	1:296
Gombak	93			1:360
Sepang	72			1:302
Kuala Langat	119	1		
Hulu Langat	115			
Sabak Bernam	126			
Kuala Selangor	108	1		
Hulu Selangor	89			
Klang	105			
<b>Jumlah</b>	<b>958</b>	<b>3</b>		

Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor

**Pada pendapat Audit, penyeliaan/pemantauan perlu dipertingkatkan. Bagi tujuan ini, satu daftar pemantauan perlu diselenggarakan oleh pihak sekolah bagi memudahkan pegawai yang bertanggungjawab memantau tahap kerosakan/keadaan di bangunan dan persekitaran sekolah serta status kerja pembinaan dan penyenggaraan dijalankan. Selain itu, JAIS perlu mewujudkan jawatan teknikal secukupnya bagi membolehkan kerja pembinaan dan penyenggaraan dilaksanakan dengan lebih berkesan.**

#### **4.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan sekolah agama di Negeri Selangor dan persekitarannya sentiasa disenggarakan mengikut keperluan, pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dengan kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah dan sekolah hendaklah memberi pertimbangan kepada perkara berikut:

**4.5.1.** JAIS perlu membuat permohonan pembinaan secara menyeluruh dan Kerajaan Negeri perlu menyediakan peruntukan kewangan yang secukupnya untuk membolehkan penyenggaraan dan pembinaan sekolah agama dilaksanakan dengan sempurna supaya wujud suasana pembelajaran yang lebih kondusif.

**4.5.2.** Menyediakan rancangan penyenggaraan secara berjadual yang menyeluruh meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua sekolah agama di seluruh Negeri Selangor. Pihak sekolah perlu lebih pro-aktif dan bekerjasama dengan pihak JAIS untuk mengenal pasti kerja yang perlu disenggara/dibaiki dengan segera. Mereka perlu menyelenggara satu daftar pemantauan bagi memudahkan pegawai penyelia mengesan bahagian dan persekitaran bangunan yang telah, sedang atau yang memerlukan pembinaan dan penyenggaraan.

**4.5.3.** Menyediakan pegawai yang mencukupi bagi memantau kerja yang dilaksanakan di samping meningkatkan kerjasama dengan pihak JKR Daerah dan sekolah bagi mengadakan pemeriksaan fizikal terhadap semua sekolah secara berjadual bagi memastikan penyenggaraan dilaksanakan dengan sempurna.

## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

### 5. PROGRAM TERNAKAN AYAM KONTRAK

#### 5.1. LATAR BELAKANG

**5.1.1.** Daging ayam adalah salah satu sumber protein berasaskan haiwan yang kerap ada dalam menu pemakanan. Permintaan terhadap daging ayam di Negeri Selangor meningkat seiring dengan pertambahan penduduk dan disumbang oleh faktor lain seperti musim perayaan. Berdasarkan statistik pengeluaran dan keperluan daging ayam di Negeri Selangor bagi tahun 2009 hingga 2011, Negeri Selangor masih kekurangan bekalan daging ayam antara 55.6% hingga 67.2% seperti di **Jadual 5.1**. Sehubungan itu, Program Ternakan Ayam Kontrak (Program) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Jabatan) adalah signifikan dan relevan untuk membantu memenuhi permintaan daging ayam di Negeri Selangor.

**Jadual 5.1**

**Pengeluaran Daging Ayam Berbanding Dengan Keperluan Penduduk  
Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Populasi Penduduk (Orang)	Keperluan Per Kapita (Kg)	Tan Metrik		Kurangan Bekalan (%)
			Keperluan	Pengeluaran	
2009	5,179,600	30.50	157,977	70,172	55.6
2010	5,300,000	30.50	161,650	64,707	60
2011	5,300,000	35.34	187,302	61,350	67.2

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

**5.1.2.** Program ini merupakan pembangunan ternakan ayam pedaging berkonsep pajakan oleh Jabatan. Program dilaksanakan sejak RMKe-7 (1996 hingga 2000) hingga RMKe-9 (2006 hingga 2010). Objektif Program dalam RMKe-9 adalah untuk meningkatkan penghasilan sumber protein daripada daging ayam melalui pengeluaran sebanyak 720 tan metrik setahun bagi memenuhi permintaan penduduk Negeri Selangor dan sekitar Lembah Klang serta menyediakan kemudahan infrastruktur kepada penternak tempatan yang kurang berkemampuan tetapi berdaya maju. Program ini diteruskan hingga RMKe-10 (2011 hingga 2015) dengan nama Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ayam Pedaging. Objektif Program ditambah baik antaranya untuk mewujudkan industri ternakan berdaya maju, bersistem, terkawal dan berteknologi.

**5.1.3.** Melalui Program ini, Jabatan (*lessor*) akan menyediakan infrastruktur yang terdiri daripada tapak, reban ayam, perkakasan menternak dan khidmat nasihat kesihatan veterinar kepada peserta (*lessee*). Peserta yang terpilih dikenakan bayaran pajakan pada kadar RM0.15 seekor ayam untuk reban terbuka dan RM0.21 seekor ayam untuk reban tertutup bagi setiap pusingan ternakan. Dua syarikat pembekal swasta (*integrator*) yang dipilih oleh

peserta sendiri pula membekalkan anak ayam, makanan dan ubatan secara kredit kepada peserta. Sebagai balasan, peserta perlu menjual ayam kepada *integrator* pada harga yang dilaraskan dengan kos bekalan anak ayam, makanan dan ubatan.

**5.1.4.** Program ini telah dilaksanakan di 3 ladang ternakan iaitu TKPM Sepintas (Sabak Bernam), TKPM Bestari Jaya (Kuala Selangor) dan TKPM Hulu Teris (Sepang) yang dikenal pasti oleh Jabatan sesuai untuk aktiviti ternakan ayam pedaging. Pada Fasa Pertama Program (1999 hingga 2001), Jabatan telah menyiapkan 5 buah reban berkonsep reban terbuka dengan kapasiti ternakan 9,000 ekor ayam setiap reban. Manakala pada Fasa Kedua Program (2002 hingga 2011), Jabatan telah membina 12 buah reban berkonsep sistem reban tertutup dengan kapasiti ternakan 10,500 ekor ayam setiap reban. Setiap reban berupaya membuat 5 pusingan ternakan setiap tahun. Sehingga 31 Disember 2011, Jabatan mempunyai 17 buah reban dan semua reban telah dipajakkkan kepada 3 peserta iaitu 2 pertubuhan dan seorang penternak persendirian. Butiran adalah seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Bilangan Reban Dan Peserta Program Sehingga 31 Disember 2011**

Ladang Ternakan	Bilangan		
	Reban Tertutup	Reban Terbuka	Peserta
TKPM Sepintas	7	-	1*
TKPM Bestari Jaya	3	5	1*
TKPM Hulu Teris	2	-	1**
<b>Jumlah</b>	<b>12</b>	<b>5</b>	<b>3</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Nota: \* Pertubuhan

\*\* Penternak persendirian

**5.1.5.** Bagi tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM2.32 juta daripada RM2.35 juta peruntukan yang diterima telah dibelanjakan untuk Program ini. Butiran adalah seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Program**  
**Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Belanja (%)
2009	944,960	932,879	98.7
2010	820,000	805,720	98.3
2011	582,000	581,997	99.9
<b>Jumlah</b>	<b>2,346,960</b>	<b>2,320,596</b>	<b>98.9</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

## 5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Ternakan Ayam Kontrak telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamatnya.

### **5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan terhadap pelaksanaan Program Ternakan Ayam Kontrak bagi tahun 2009 hingga 2011, meliputi kesemua 17 buah reban di ketiga-tiga ladang ternakan terlibat iaitu TKPM Sepintas, TKPM Bestari Jaya dan TKPM Hulu Teris. Pengauditan dilakukan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan 3 Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah berkaitan. Lawatan Audit ke ladang ternakan, temu bual dan perbincangan dengan pegawai Jabatan serta penternak terlibat juga diadakan untuk mendapatkan maklumat serta penjelasan.

### **5.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan Program Ternakan Ayam Kontrak telah dilaksanakan dengan memuaskan dari segi pencapaian sasaran pengeluaran ayam pedaging yang ditetapkan pada tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Jabatan tidak menetapkan sasaran pengeluaran untuk RMKe-10.
- Pembinaan reban ayam lewat disiapkan menyebabkan kehilangan keupayaan menternak ayam dianggarkan 20 pusingan dengan pengeluaran 400 tan metrik serta kehilangan hasil pajakan reban berjumlah RM42,000.
- Pengurusan perjanjian dan kutipan bayaran pajakan kurang memuaskan.

#### **5.4.1. Prestasi Pengeluaran Ayam Pedaging Memuaskan Dan Boleh Dipertingkatkan**

**5.4.1.1.** Kejayaan Program ini dinilai antaranya melalui prestasi pengeluaran ayam pedaging. Jabatan perlu menetapkan sasaran pengeluaran supaya kejayaan Program boleh diukur. Sasaran pengeluaran juga perlu dikaji semula dari semasa ke semasa mengikut keupayaan pengeluaran, bilangan reban dan kadar kematian ayam agar produktiviti dapat dipertingkatkan dan seterusnya mencapai prestasi yang lebih cemerlang. Semakan Audit mendapati Jabatan telah menetapkan sasaran pengeluaran sebanyak 720 tan metrik ayam pedaging setahun daripada ketiga-tiga ladang ternakan terlibat bagi tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun, Jabatan tidak menetapkan sasaran pengeluaran bagi tahun 2011.

**5.4.1.2.** Prestasi pencapaian sasaran pengeluaran bagi tahun 2009 dan 2010 adalah baik di mana peratus pencapaian ialah 226.8% bagi tahun 2009 dan 201.2% bagi tahun 2010. Bagaimanapun, terdapat penurunan pengeluaran sebanyak 184.19 tan metrik pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 disebabkan antaranya berlaku kematian ayam dalam bilangan besar akibat daripada gangguan elektrik dan pusingan ternakan yang kurang di

ladang ternakan TKPM Sepintas berbanding tahun sebelumnya. Prestasi pengeluaran ayam pedaging bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.4**

**Prestasi Pengeluaran Ayam Pedaging Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Sasaran Setahun (Tan Metrik)	Pengeluaran Sebenar (Tan Metrik)				Peratus Pencapaian Sasaran Pengeluaran (%)
		TKPM Sepintas	TKPM Bestari Jaya	TKPM Hulu Teris	Jumlah	
2009	720	798.30	834.62	-	1,632.92	226.8
2010		673.69	698.74	76.30	1,448.73	201.2
2011	Tiada	381.97	111.87	15.59	509.43	-

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

**5.4.1.3.** Pada tahun 2011, ukuran pencapaian pengeluaran berdasarkan sasaran tidak dapat dibuat kerana Jabatan tidak menetapkan sasaran pengeluaran. Bagaimanapun, prestasi pengeluaran tahun 2011 menyusut dengan ketara kepada 509.43 tan metrik (64.8%) berbanding pengeluaran tahun 2010. Ini disebabkan 7 buah reban tidak beroperasi, iaitu 5 buah reban di ladang ternakan TKPM Sepintas pada pusingan kedua dan ketiga untuk melaksanakan kerja penyenggaraan reban serta 2 buah reban tertutup di ladang ternakan TKPM Bestari Jaya kerana belum memperbaharui perjanjian yang tamat pada tahun 2010.

**5.4.1.4.** Semakan Audit selanjutnya mendapati sasaran pengeluaran 720 tan metrik ayam pedaging setahun yang ditetapkan oleh Jabatan sebagai justifikasi pembangunan Program untuk RMKe-9 adalah terlalu rendah berbanding dengan keupayaan pengeluaran reban yang dimiliki oleh Jabatan. Mengikut perkiraan Audit berdasarkan bilangan reban sedia ada, 5 pusingan ternakan setahun, kapasiti minimum ternakan dan berat minimum ternakan, pihak Audit mendapati pengeluaran minimum ayam pedaging yang berupaya dihasilkan bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 masing-masing adalah 1,168 tan metrik, 1,264 tan metrik dan 1,548 tan metrik. Ini bermakna Jabatan telah terkurang mensasarkan pengeluaran 38.4% dan 43% bagi tahun 2009 dan 2010. Manakala pada tahun 2011, Jabatan perlu menetapkan sasaran pengeluaran sekurang-kurangnya 1,548 tan metrik seperti di **Jadual 5.5**.

**Jadual 5.5**

**Perbandingan Pengeluaran Minimum Yang Berupaya Dihasilkan Dengan Sasaran Pengeluaran Jabatan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Sasaran Pengeluaran Yang Ditetapkan Setahun (Tan Metrik) (a)	Perkiraan Audit		Perbezaan Pengeluaran Minimum Dengan Sasaran Pengeluaran	
		Pengeluaran Minimum Yang Berupaya Dihasilkan (Tan Metrik) (b)	Kaedah Pengiraan	Tan Metrik (b-a)	%
2009	720	1,168	$123,000 \text{ ekor}^1 \times 0.95^{**} \times 5 \text{ pusingan} \times 2\text{kg}^{***}$	448	38.4
2010	720	1,264	$133,000 \text{ ekor}^2 \times 0.95^{**} \times 5 \text{ pusingan} \times 2\text{kg}^{***}$	544	43
2011	Tiada	1,548	$163,000 \text{ ekor}^3 \times 0.95^{**} \times 5 \text{ pusingan} \times 2\text{kg}^{***}$	-	-

Sumber : Jabatan Audit Negara

Nota: \*<sup>1</sup> Kapasiti minimum keseluruhan ternakan daripada 13 buah reban

\*<sup>2</sup> Kapasiti minimum keseluruhan ternakan daripada 14 buah reban

\*<sup>3</sup> Kapasiti minimum keseluruhan ternakan daripada 17 buah reban

\*\* Kadar hidup ternakan (mengambil kira 5% kematian ayam)

\*\*\* Berat minimum ternakan berdasarkan rekod pengeluaran

**Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran ayam pedaging Program ini adalah memuaskan bagi tahun 2009 dan 2010 tetapi rendah bagi tahun 2011. Selain itu, Jabatan sepatutnya menetapkan jumlah sasaran pengeluaran Program yang realistik dan terkini berdasarkan bilangan reban, kapasiti ternakan dan kecekapan pengeluaran. Ini bertujuan memastikan ukuran pencapaian yang tepat boleh diperoleh untuk meningkatkan produktiviti Program.**

#### **5.4.2. Pelaksanaan Program**

##### **5.4.2.1. Pembinaan Reban Yang Kurang Memuaskan**

- a. Komponen utama dalam pelaksanaan Program ini adalah reban ayam dan kelengkapan berkaitan ternakan. Program ini dirintis dengan pembinaan 5 buah reban terbuka pada tahun 1999 di ladang ternakan TKPM Bestari Jaya. Reban tertutup terawal dibina pada tahun 2002 di ladang ternakan TKPM Sepintas. Pengenalan sistem reban tertutup merupakan kemajuan dalam kaedah menternak ayam pedaging dengan beberapa kelebihan berbanding kaedah reban terbuka iaitu kawalan penyakit yang lebih berkesan, kuantiti ternakan yang lebih tinggi, pencemaran yang minimum dan kos pengeluaran yang lebih cekap.
- b. Di bawah RMKe-9, Jabatan bercadang membina 3 buah reban tertutup. Semakan Audit mendapati sebanyak 4 buah reban tertutup telah dibina dalam tempoh 2009 hingga 2010, iaitu 2 buah reban di ladang ternakan TKPM Sepintas serta sebuah reban masing-masing di ladang ternakan TKPM Bestari Jaya dan TKPM Hulu Teris. Sementara itu pada tahun 2011, sebuah reban ayam lagi telah dibina di ladang ternakan TKPM Sepintas. Semakan lanjut terhadap pembinaan reban tersebut mendapati perkara berikut:

### **i. Kos Pembinaan Reban Meningkat**

Kos pembinaan sebuah reban tertutup di ladang ternakan TKPM Sepintas telah meningkat sebanyak 16.9% daripada harga kontrak asal RM395,000 kepada RM461,752. Ini disebabkan kontraktor pertama yang dilantik pada bulan September 2008 dengan harga kontrak RM395,000 gagal menyiapkan reban tersebut dan bayaran interim pertama berjumlah RM92,632 telah dibuat kepadanya. Khidmat kontraktor tersebut telah ditamatkan pada bulan Jun 2009 setelah diberi amaran bertulis sebanyak 2 kali oleh Jabatan. Pelantikan kontraktor baru telah dibuat pada bulan September 2009 untuk menyiapkan reban tersebut dengan kos RM369,120. Reban tersebut telah disiapkan sepenuhnya pada bulan November 2009 dengan kos keseluruhan RM461,752. Bagaimanapun, Jabatan tidak dapat mengemukakan dokumen sebut harga kontrak pertama untuk pengauditan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kedudukan bon pelaksanaan dan tuntutan tambahan kos kepada kontraktor pertama.

### **ii. Reban Lewat Disiapkan**

Pembinaan sebuah reban tertutup di ladang ternakan TKPM Bestari Jaya dan TKPM Hulu Teris masing-masing telah lewat selama 12 bulan dan 20 bulan berbanding dengan jadual asal mengikut kontrak iaitu 3 bulan untuk disiapkan. Kerugian daripada kelewatan penyiapan 2 buah reban ini adalah kehilangan sekurang-kurangnya 13 pusingan ternakan ayam pedaging sekiranya setiap reban beroperasi 5 pusingan ternakan dalam tempoh 12 bulan. Butiran adalah seperti berikut:

- Pembinaan sebuah reban di ladang ternakan TKPM Bestari Jaya dijadual siap pada bulan November 2009 dengan kos RM442,230 tetapi hanya siap pada bulan November 2010 dengan kos RM464,529. Kelewatan selama 12 bulan ini disebabkan kontraktor yang dilantik tidak mematuhi spesifikasi kontrak. Jabatan telah memberi teguran dan lanjutan masa kepada kontraktor untuk memastikan reban dibina mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- Pembinaan sebuah reban di ladang ternakan TKPM Hulu Teris yang dijadual siap pada bulan September 2008 dengan kos RM410,671 tetapi hanya siap pada bulan Mei 2010. Kelewatan selama 19 bulan ini adalah disebabkan kontraktor yang dilantik gagal memperoleh bekalan peralatan mekanikal daripada pembekal pada masa yang ditetapkan.

#### 5.4.2.2. Penggunaan Bahan Binaan Boleh Dipertingkatkan

- a. Reban tertutup yang dibina oleh Jabatan adalah jenis reban tertutup bertingkat. Bahan binaan yang digunakan bagi lantai atas reban bertingkat adalah papan lapis dengan ketebalan 25 milimeter. Penggunaan papan lapis yang mengikut piawaian adalah penting untuk memastikan struktur lantai kalis air dan dapat bertahan daripada kelembapan yang disebabkan oleh tinja (najis) ayam dan aktiviti ternakan. Lawatan Audit ke reban di ladang ternakan TKPM Sepintas dan TKPM Bestari Jaya pada bulan September dan Disember 2011 mendapati perkara berikut:
- i. Pemeriksaan Audit terhadap 3 buah reban yang masing-masing berusia 4, 7 dan 8 tahun di ladang ternakan TKPM Sepintas mendapati beberapa bahagian di lantai tingkat atas reban tersebut mereput dan pecah. Walaupun kerosakan ini masih belum menjelaskan aktiviti ternakan, penyenggaraan perlu dibuat untuk menjamin keselamatan pekerja dan memanjangkan tempoh hayat penggunaan reban. **Gambar 5.1** dan **Gambar 5.2** adalah berkaitan.

**Gambar 5.1**  
**Lantai Reban Daripada Papan Lapis Mula Mereput Kesan Kelembapan Pada Kayu Daripada Aktiviti Ternakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Sepintas, Sabak Bernam  
Tarikh: 8 September 2011

**Gambar 5.2**  
**Lantai Reban Yang Sudah Pecah Dan Terpaksa Ditutup Dengan Papan Lapis Lain**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Sepintas, Sabak Bernam  
Tarikh: 8 September 2011

- ii. Pemeriksaan Audit selanjutnya ke sebuah reban yang siap dibina pada bulan November 2010 tetapi belum digunakan di ladang ternakan TKPM Sepintas juga mendapati 8 bahagian di lantai tingkat atas reban telah diserang oleh kumbang kayu seperti di **Gambar 5.3** dan **Gambar 5.4**. Serangan kumbang kayu menyebabkan lubang kecil pada permukaan lantai. Keadaan ini melemahkan struktur papan lapis dan kemampuan kalis air papan lapis tersebut akan terjejas. Kelembapan daripada tinja ayam selepas aktiviti ternakan akan mempercepatkan proses pereputan papan lapis sekiranya tindakan pencegahan tidak diambil.

**Gambar 5.3**  
**Lubang Kecil Pada Lantai Papan Lapis  
Yang Ditebus Kumbang Kayu**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Sepintas, Sabak Bernam  
Tarikh: 8 Disember 2011

**Gambar 5.4**  
**Habuk Kayu Yang Banyak Pada Lantai  
Menunjukkan Serangan Kumbang Kayu  
Yang Serius**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Sepintas, Sabak Bernam  
Tarikh: 8 Disember 2011

- iii. Pemeriksaan Audit terhadap sebuah reban yang berusia 6 tahun di ladang ternakan TKPM Bestari Jaya mendapati beberapa bahagian di lantai tingkat atas reban tersebut mereput dan pecah. Semasa lawatan Audit dibuat, kontraktor sedang menjalankan kerja penyenggaraan termasuk kerja menggantikan lantai di tingkat atas reban bertingkat yang rosak. **Gambar 5.5** dan **Gambar 5.6** adalah berkaitan.

**Gambar 5.5**  
**Lantai Reban Reput Dan Tercabut  
Daripada Gelegar Lantai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Bestari Jaya, Kuala Selangor  
Tarikh: 13 Disember 2011

**Gambar 5.6**  
**Kontraktor Sedang Membuat Kerja  
Penyenggaraan Reban Dengan Mengganti  
Lantai Reban Yang Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Bestari Jaya, Kuala Selangor  
Tarikh: 13 Disember 2011

- b. Berdasarkan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab dan wakil kontraktor yang membina reban baru di ladang ternakan TKPM Sepintas, faktor utama yang menyebabkan lantai papan lapis mereput adalah kadar kelembapan yang tinggi berpunca daripada tinja ayam dan aktiviti ternakan.

- c. Mengikut maklum balas Jabatan bertarikh 14 Mac 2012, sebahagian struktur lantai diserang kumbang kayu dan mereput disebabkan kontraktor pembinaan menggunakan gred papan lapis yang rendah. Faktor lain yang menyebabkan serangan kumbang kayu adalah reban telah lama terbiar.

#### 5.4.2.3. Penggunaan Reban Yang Kurang Memuaskan

- a. Reban ayam yang siap dibina perlu dipajakkan kepada peserta bagi menyeferakan pengeluaran ayam dan mendapat hasil pajakan. Semakan Audit mendapati 2 buah reban tertutup di ladang ternakan TKPM Sepintas masing-masing siap dibina pada bulan November 2009 dan November 2010 masih tidak beroperasi/dipajakkan. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab mendapati kedua-dua reban tersebut hanya akan beroperasi selepas pembinaan pencawang elektrik oleh syarikat penyedia bekalan elektrik untuk menjamin bekalan elektrik yang mencukupi setiap masa. Sementara itu, sebuah reban di ladang ternakan TKPM Bestari Jaya yang siap dibina pada bulan November 2010 juga masih tidak dipajakkan kerana kelewatan menyediakan perjanjian pajakan yang baru.
- b. Berdasarkan tarikh siap pembinaan infrastruktur, kelewatan operasi reban tersebut telah menyebabkan anggaran kehilangan 20 pusingan ternakan ayam dengan pengeluaran sebanyak 400 tan metrik serta hasil pajakan berjumlah RM42,000 seperti di **Jadual 5.6**.

**Jadual 5.6**

**Anggaran Kehilangan Pengeluaran Dan Hasil Pajakan Akibat  
Reban Ayam Tidak Beroperasi/Dipajakkan Sehingga Bulan Disember 2011**

Ladang Ternakan	Bilangan Reban Tidak Beroperasi	Tempoh Tidak Beroperasi (Bulan) (a)	Anggaran Kehilangan		
			Pusingan (b)	Pengeluaran [b x 10,000* ekor x 2kg**] (Tan Metrik)	Hasil [b x RM2,100***] (RM)
TKPM Sepintas	1	24	10	200	21,000
	1	12	5	100	10,500
TKPM Bestari Jaya	1	12	5	100	10,500
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>48</b>	<b>20</b>	<b>400</b>	<b>42,000</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: \* Kapasiti minimum ternakan setiap reban

\*\* Berat minimum ternakan berdasarkan rekod pengeluaran

\*\*\* Kadar ansuran pajakan setiap pusingan

#### 5.4.2.4. Penternak Beroperasi Tanpa Menandatangani Perjanjian

- a. Jabatan perlu memastikan perjanjian disediakan dan ditandatangani oleh peserta sebelum membenarkan aktiviti ternakan dijalankan. Perjanjian disediakan untuk menetapkan obligasi peserta serta menjaga kepentingan Kerajaan. Dengan adanya perjanjian yang sah, tindakan perundangan boleh diambil terhadap peserta sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap syarat perjanjian atau wujud pertikaian.

- b. Semakan Audit mendapati aktiviti ternakan di 2 buah reban tertutup di ladang ternakan TKPM Hulu Teris telah dijalankan oleh seorang peserta sejak tahun 2010 tanpa menandatangani perjanjian. Aktiviti ternakan telah dijalankan sebanyak 5 pusingan pada tahun 2010 dan satu pusingan pada tahun 2011 di reban tertutup bertanda A1. Manakala di reban tertutup bertanda A2, satu pusingan ternakan telah dijalankan pada tahun 2011 oleh peserta yang sama. Hasil daripada temu bual dengan pegawai di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Sepang, pihak Audit membuat kesimpulan bahawa kegagalan Jabatan untuk memastikan perjanjian ditandatangani adalah disebabkan masalah pengurusan kakitangan di peringkat daerah. Pada tahun 2009 hingga 2011, berlaku pesaraan, pertukaran dan cuti sakit yang panjang di kalangan pegawai yang menguruskan perkara berkaitan Program ini. Perkara ini telah mengakibatkan bayaran pajakan tidak dapat dikutip daripada peserta dan Kerajaan kehilangan hasil berjumlah RM6,048 untuk keseluruhan 7 pusingan pada kadar pajakan RM864 setiap pusingan bagi tahun 2010 dan 2011.

#### **5.4.2.5. Pengurusan Bayaran Pajakan Yang Kurang Memuaskan**

- a. Kadar bayaran pajakan yang dikenakan oleh Jabatan kepada peserta adalah berdasarkan nilai yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta serta diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor. Kadar ini dinyatakan dalam perjanjian sebagai jumlah besar untuk keseluruhan tempoh pajakan. Penternak perlu membayar jumlah tersebut secara ansuran setiap kali pusingan selesai. Kadar pajakan bagi setiap pusingan yang dikenakan kepada peserta di 3 ladang terlibat adalah seperti di **Jadual 5.7**.

**Jadual 5.7**  
**Kadar Pajakan Mengikut Daerah Dan Jenis Reban**

Ladang Ternakan	Jenis Reban	Kadar Pajakan Setiap Pusingan (RM)
TKPM Sepintas	Tertutup	2,100
TKPM Bestari Jaya	Tertutup	2,100
	Terbuka	1,350
TKPM Hulu Teris	Tertutup	864

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

- b. Semakan Audit terhadap prestasi pengurusan bayaran pajakan mendapati kutipan bayaran pajakan daripada peserta di ladang ternakan TKPM Sepintas dan TKPM Bestari Jaya telah dibuat setiap kali pusingan ternakan selesai. Bagaimanapun, tiada sebarang kutipan bayaran pajakan dibuat daripada peserta di ladang ternakan TKPM Hulu Teris. Ini adalah disebabkan kadar pajakan di ladang ternakan ini yang diberikan oleh JPPH adalah RM864 sahaja iaitu lebih rendah berbanding kadar yang dikenakan terhadap peserta di ladang ternakan TKPM Sepintas dan TKPM Bestari Jaya sebanyak RM2,100. Mesyuarat Jawatankuasa TKPM (Ayam) pada 31 Mei 2011

memutuskan kadar pajakan tersebut perlu dikaji semula sebelum dikenakan kepada penternak.

- c. Sehingga bulan Disember 2011, berdasarkan penilaian semasa dan bilangan pusingan ternakan yang telah dibuat, bayaran pajakan yang tertunggak adalah RM6,048. Jumlah tertunggak ini berisiko menjadi hutang lapuk sekiranya penternak menamatkan operasi. Kutipan harus dibuat dengan segera dan sebarang kekurangan bayaran boleh dikutip kemudian selepas keputusan berhubung dengan kadar sewa yang dikenakan dimuktamadkan.

#### **5.4.2.6. Kawalan Pencemaran Dan Sanitasi Boleh Dipertingkatkan**

Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007, Seksyen 16 hingga 18 menjelaskan secara terperinci jenis kesalahan, tindakan pencegahan dan hukuman berkaitan aktiviti perladangan unggas untuk menjamin kesihatan awam, mencegah kemudaratan awam dan pencemaran alam sekitar. Selain itu, Garis Panduan Amalan Ternakan Ayam Pedaging Yang Baik (Garis Panduan) juga menetapkan 4 kawalan pencemaran utama yang disebabkan oleh aktiviti ternakan ayam pedaging iaitu kawalan lalat, bau, habuk dan pencemaran bunyi. Semakan Audit terhadap kawalan pencemaran daripada aktiviti penternakan ayam pedaging mendapati perkara berikut:

- a. Lalat yang banyak dan bau busuk yang disebabkan tinja ayam dapat dikawal dengan penyembur EM (Efektif Mikrob), iaitu cecair aktif yang mengandungi bakteria baik yang boleh merencat pertumbuhan bakteria patogenik yang menyebabkan bau busuk. Lawatan Audit ke ladang ternakan TKPM Sepintas mendapati teknik penyembur EM telah dilakukan di kawasan ladang antara satu hingga 2 hari sekali dan adalah berkesan untuk mengurangkan lalat dan bau busuk. Kaedah penyembur EM ini tidak dilakukan di ladang ternakan TKPM Bestari Jaya dan TKPM Hulu Teris. Semasa lawatan Audit ke 2 ladang tersebut pada bulan November dan Disember 2011 mendapati bau busuk tinja ayam dan banyak lalat kerana EM tidak digunakan oleh penternak. Selain itu, sistem perparitan yang kurang sempurna menyebabkan air yang tercemar dengan tinja ayam bertakung dan menyebabkan bau busuk di persekitaran reban. **Gambar 5.7** dan **Gambar 5.8** adalah berkaitan.

**Gambar 5.7**  
**Tinja Ayam Yang Jatuh Daripada Lantai Reban Terbuka Menyebabkan Bau Busuk Dan Mengundang Lalat Yang Banyak Kerana Tidak Disembur EM**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Bestari Jaya, Kuala Selangor  
Tarikh: 13 Disember 2011

**Gambar 5.8**  
**Sistem Perparitan Yang Kurang Sempurna Menyebabkan Air Yang Tercemar Dengan Tinja Ayam Bertakung Dan Menyebabkan Bau Busuk Di Persekitaran Reban**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Bestari Jaya, Kuala Selangor  
Tarikh: 13 Disember 2011

- b. Pencemaran habuk daripada aktiviti penternakan ayam pedaging adalah disebabkan penggunaan habuk kayu yang banyak untuk mengalas lantai reban ayam. Habuk kayu dan debu tinja ayam daripada reban tertutup mencemari udara kerana disedut keluar oleh sistem pengudaraan reban dan dilepaskan ke ruang terbuka. Lawatan Audit ke ladang ternakan TKPM Sepintas, TKPM Bestari Jaya dan TKPM Hulu Teris mendapati pencemaran habuk ini telah dikawal secara berkesan oleh Jabatan dengan mewujudkan zon penahan/penampang dengan penanaman pokok sawit di belakang setiap reban. **Gambar 5.9** dan **Gambar 5.10** adalah berkaitan.

**Gambar 5.9**  
**Empat Daripada 8 Kipas Besar Sistem Pengudaraan Dalam Reban Ternakan Menyedut Udara Beserta Habuk**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Sepintas, Sabak Bernam  
Tarikh: 8 September 2011

**Gambar 5.10**  
**Pokok Sawit Ditanam Di Belakang Reban Untuk Menahan Udara Berserta Habuk Yang Disedut Dan Dilepaskan Ke Ruang Terbuka**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Sepintas, Sabak Bernam  
Tarikh: 8 September 2011

- c. Pencemaran bunyi akibat aktiviti ternakan dan penggunaan peralatan menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk setempat. Garis Panduan menetapkan lokasi pembangunan ladang ternakan hendaklah sekurang-kurangnya 0.20 kilometer (km)

daripada kawasan pembangunan seperti kawasan perbandaran, perindustrian, pelancongan, penempatan awam dan kemudahan awam. Semakan Audit mendapati pembangunan ladang ternakan Program ini telah dibuat mengikut garis panduan yang ditetapkan. Reban di ladang ternakan TKPM Sepintas, TKPM Bestari Jaya dan TKPM Hulu Teris telah dibina dalam jarak antara 2 hingga 7 km daripada penempatan/aktiviti manusia terdekat. Pembangunan ladang pada jarak yang jauh ini mengurangkan kesan pencemaran bunyi, habuk, lalat dan bau. Butiran adalah seperti di **Jadual 5.8**.

**Jadual 5.8**  
**Anggaran Jarak Ladang Ternakan**  
**Daripada Kawasan Penempatan Terdekat**

Ladang Ternakan	Anggaran Jarak Ladang Ternakan Daripada Kawasan Penempatan Terdekat*
TKPM Sepintas	2 km
TKPM Bestari Jaya	5 km
TKPM Hulu Teris	7 km

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: \* Berdasarkan jarak odometer kenderaan

- d. Garis Panduan juga menggariskan keperluan sanitasi untuk memastikan aktiviti penternakan tidak mencemarkan alam sekitar dan kesejahteraan awam. Antara saranan garis panduan ini adalah memastikan sisa ladang ternakan seperti ayam mati, sarap reban dan sampah hendaklah dilupus dengan segera dan sempurna. Antara kaedah pelupusan yang dicadangkan adalah sisa ladang ditanam dalam lubang pada kedalaman yang sesuai, dibuang dalam lubang tertutup, dibakar di tempat tertutup dan dikompos untuk dijadikan baja tanaman. Lawatan Audit ke ladang ternakan TKPM Sepintas mendapati ayam mati dilupus dengan cara dibuang ke dalam lubang tertutup dan disembur dengan EM untuk memastikan bau busuk daripada bangkai ayam yang mereput terkawal seperti di **Gambar 5.11**. Bagaimanapun, kaedah pelupusan serupa tidak digunakan di ladang ternakan TKPM Bestari Jaya dan TKPM Hulu Teris. Kaedah pelupusan bangkai ayam oleh peserta tidak dapat dipastikan.



**Gambar 5.11**  
**Struktur Tertutup Digunakan Untuk**  
**Melupus Bangkai Ayam Di Ladang**  
**Ternakan Sepintas, Sabak Bernam**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Sepintas, Sabak Bernam  
Tarikh: 8 September 2011

#### **5.4.2.7. Khidmat Nasihat Dan Perkhidmatan Sokongan Yang Memuaskan**

- a. Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia - Pemeriksaan Veterinar Di Ladang Ternakan (PVLT) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani bertujuan memastikan sesebuah ladang menghasilkan produk yang selamat selaras dengan fungsi Jabatan untuk memastikan hasilan berasaskan ternakan sentiasa bersih, suci dan selamat dimakan. Bahagian Kesihatan Veterinar Jabatan bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan PVLT di Negeri Selangor antaranya penjadualan PVLT (bulanan, suku tahunan, dan tahunan) oleh Pihak Berkuasa Veterinar atau Veterinar Bertauliah. Pemeriksaan ladang asas adalah berdasarkan Amalan Penternakan Yang Baik. Selain itu, bagi ladang ternakan yang memperoleh Sijil Skim Akreditasi Ladang Ternakan, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar memperuntukkan perkhidmatan antaranya khidmat nasihat, runding cara, khidmat pemantauan dan kawal selia.
- b. Pelaksanaan Program yang melibatkan syarikat pembekal swasta sebagai *integrator* telah memberi banyak faedah kepada Kerajaan kerana *integrator* mengambil alih banyak fungsi seperti khidmat nasihat, runding cara dan khidmat pemantauan. Aspek keselamatan dan kualiti ternakan turut diberi perhatian oleh *integrator* kerana ayam pedaging yang diternak dalam Program ini adalah pelaburan mereka. Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab mendapati aktiviti kawal selia dilakukan oleh Jabatan sekiranya berlaku kes seperti penularan wabak H1N1.

**Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan Program boleh dipertingkatkan daripada aspek pembinaan dan penggunaan reban, pengurusan perjanjian pajakan, kutipan bayaran pajakan serta kawalan pencemaran dan sanitasi.**

#### **5.5. SYOR AUDIT**

Bagi menambah baik pelaksanaan Program Ternakan Ayam Kontrak (Program), adalah disyorkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Jabatan) mengambil tindakan berikut:

- 5.5.1.** Menetapkan sasaran pengeluaran Program yang realistik dan terkini berdasarkan jumlah reban, kapasiti ternakan dan kecekapan pengeluaran supaya ukuran pencapaian yang tepat boleh diperoleh untuk meningkatkan produktiviti Program.
- 5.5.2.** Meningkatkan pemantauan terhadap proses pembinaan reban supaya objektif Jabatan untuk meningkatkan pengeluaran hasil ternakan dapat dicapai dengan lancar.
- 5.5.3.** Memastikan reban yang dibina adalah berkualiti dengan menetapkan spesifikasi bahan binaan yang digunakan berdasarkan pengesahan konsultan.
- 5.5.4.** Menjalankan pemeriksaan secara berkala terhadap reban yang tidak digunakan bagi tempoh yang lama untuk mengelakkan serangan kumbang kayu.

**5.5.5.** Memastikan perjanjian pajakan disediakan dan ditandatangani untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

**5.5.6.** Mengutip bayaran pajakan daripada peserta ladang ternakan TKPM Hulu Teris.

**5.5.7.** Menyediakan *Standard Operating Procedures* berkaitan kawalan pencemaran termasuk penggunaan kaedah seperti Efektif Mikrob dan kaedah pelupusan bangkai ayam serta mempertingkatkan kawalan pencemaran di ladang ternakan TKPM Bestari Jaya dan TKPM Hulu Teris.


## **PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR**

### **6. PROJEK PENGHUTANAN SEMULA DI HUTAN SIMPAN RANTAU PANJANG DAN HUTAN SIMPAN BUKIT TAREK**

#### **6.1. LATAR BELAKANG**

Pada 13 Februari 1996, Mesyuarat Majlis Perhutanan Negara Ke-12 telah bersetuju supaya ladang hutan di Negeri Selangor diswastakan seiring dengan Dasar Penswastaan Negara. Sehubungan itu pada 5 Januari 2000, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan Projek Penghutanan Semula kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dengan kerjasama syarikat swasta bertujuan untuk mengekalkan hutan dalam keadaan yang terpelihara dan kualiti yang berterusan sejajar dengan undang-undang dan garis panduan yang ditetapkan. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan Negeri dan PKPS telah menandatangani *Lease And Concession Agreement* pada 22 Februari 2001 di mana Kerajaan Negeri memberi PKPS konsesi tanah Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarek masing-masing seluas 5,000 hektar untuk ditanam semula dengan pokok sentang dan jati selama 60 tahun berkuat kuasa serta merta. Sebagai balasan, PKPS dikehendaki membayar kepada Kerajaan Negeri royalti hasil kayu balak sebanyak 1% daripada semua pendapatan yang diperoleh PKPS hasil jualan kayu balak yang diusahasilkan dari hutan tersebut. Bagi menjayakan projek ini PKPS telah memajak tanah ini kepada 7 syarikat swasta dan satu syarikat subsidiarinya, melalui perjanjian usahasama yang ditandatangani antara tahun 2001 hingga 2011. Selain itu, Kerajaan Negeri juga meminta PKPS menjadikan sebahagian besar kawasan Projek Penghutanan Semula ini sebagai *agro/forest tourism* dan ditanam dengan pokok getah. Lokasi hutan simpan tersebut di Daerah Hulu Selangor adalah seperti di **Peta 6.1**.

**Peta 6.1**  
**Lokasi Hutan Simpan Rantau Panjang Dan Hutan Simpan  
Bukit Tarek, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor**



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

## 6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Projek Penghutanan Semula di kawasan Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarek telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamatnya.

## 6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan Projek Penghutanan Semula di kawasan Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarek yang diuruskan oleh PKPS. Semakan dokumen dan rekod juga telah dijalankan di PKPS, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri di samping kerjasama diperoleh dari pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berhubung dengan jenis tanaman. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan lawatan tapak projek di Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarek juga telah dibuat di kawasan yang telah dipajakkecilkan kepada 4 syarikat pemajak utama yang merangkumi kawasan seluas 8,145 hektar iaitu 81% daripada keseluruhan kawasan konsesi. Keempat-empat syarikat pemajak ini dipilih untuk dilawat kerana keluasan tanah pajakan terbesar berbanding syarikat pemajak yang lain.

## **6.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2011 hingga Januari 2012 mendapati pada keseluruhannya, sasaran Projek Penghutanan Semula oleh PKPS tidak tercapai sepenuhnya, di mana hanya 66.3% daripada 10,000 hektar kawasan telah dibangunkan dan ditanam semula. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan projek seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:


- Rancangan lewat disediakan.
- Penanaman jenis pokok tidak mengikut kelulusan.
- Tanah lewat dipajak.
- Pokok lewat ditanam selepas perjanjian ditandatangani.
- Tunggakan hutang syarikat pemajak belum dikutip.
- Pelantikan syarikat pemajak tidak teratur.
- Kekurangan pemantauan.

### **6.4.1. Sasaran Projek Tidak Tercapai Sepenuhnya**

**6.4.1.1.** Merujuk kepada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 1 Tahun 2000 serta Perenggan 6.1(a), *Lease And Concession Agreement*, PKPS perlu membangunkan kawasan seluas 10,000 hektar kepada Hutan Simpan Kekal mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara dan selaras dengan Pelan Penghutanan Semula yang disahkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri.

**6.4.1.2.** Pihak Audit mendapati kawasan seluas 4,231 hektar telah ditarik balik oleh Kerajaan Negeri pada 12 Januari 2011 melalui keputusan MMKN 1/2011. Ini termasuk 3,231 hektar yang masih belum ditanam semula dan 1,000 hektar yang telah ditanam semula. PKPS hendaklah menyerah semula 4,231 hektar kawasan tersebut kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk program pemulihan. Kerajaan Negeri melalui MMKN 1/2011 telah mengesahkan pembatalan penghutanan semula ini yang diberi kepada PKPS pada tahun 2001. Namun begitu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan punca pembatalan kerana tidak dinyatakan dalam minit mesyuarat MMKN. Selain itu, terdapat kawasan seluas 139 hektar yang masih belum ditanam semula kerana pertikaian sempadan antara 2 syarikat pemajak disebabkan terdapat kawasan bertindih pada lesen yang dikeluarkan. Kawasan tersebut akan dibangunkan selepas urusan mahkamah antara salah satu syarikat dengan PKPS diselesaikan. Butiran terperinci adalah seperti di **Carta 6.1** dan **Jadual 6.1**.

**Carta 6.1**  
**Prestasi Penanaman Semula Hutan Simpan Rantau Panjang**  
**Dan Hutan Simpan Bukit Tarek**



Sumber: Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor

**Jadual 6.1**  
**Kawasan Yang Telah Dan Belum Ditanam Semula Mengikut Lokasi**

Lokasi	Keluasan Kawasan Mengikut Perjanjian (Hektar)	Keluasan Kawasan			
		Telah Ditanam Semula		Belum Ditanam Semula	
		Hektar	%	Hektar	%
Hutan Simpan Bukit Tarek	5,000	1,769	35.4	3,231	64.6
Hutan Simpan Rantau Panjang	5,000	4,861	97.2	139	2.78
<b>Jumlah</b>	<b>10,000</b>	<b>6,630</b>	<b>66.3</b>	<b>3,370</b>	<b>33.7</b>

Sumber: Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor

**6.4.1.3.** Lawatan tapak ke kawasan Hutan Simpan Bukit Tarek pada bulan Januari 2012 mendapati, terdapat pokok *Acacia Mangium* yang sepatutnya ditebang di kawasan yang ditarik balik tetapi tidak berbuat demikian sehingga pokok tersebut telah mati atau reput seperti di **Gambar 6.1** dan **Gambar 6.2**.

**Gambar 6.1  
Keadaan Kawasan Hutan Simpan Bukit Tarek Yang Menunjukkan Pokok Acacia Mangium Yang Telah Mati Atau Reput**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Simpan Bukit Tarek  
Tarikh: 17 Januari 2012

**Gambar 6.2**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Simpan Bukit Tarek  
Tarikh: 31 Januari 2012

Pada pendapat Audit, sasaran projek ini untuk menanam semula kawasan seluas 10,000 hektar dengan pokok sentang, jati, getah atau spesis lain tidak tercapai sepenuhnya kerana hanya 66.3% sahaja kawasan telah ditanam semula. Bagi pelaksanaan projek ladang hutan lain di masa hadapan, pihak PKPS hendaklah menjalankan kajian mengenai kaedah terbaik untuk mengkomersialkan hutan simpan pada masa yang sama melestarikan alam sekitar bagi mendapat *value for money*.

#### **6.4.2. Pengurusan Projek**

Setiap projek hendaklah diurus dengan cekap dan berkesan supaya matlamat projek tersebut tercapai. Terdapat beberapa kelemahan dari segi pengurusan projek penghutanan semula ini yang boleh diperbaiki. Antara kelemahan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

##### **6.4.2.1. Rancangan Pengurusan Ladang Hutan Lewat Disediakan**

- a. Mengikut Perenggan 6.1(a) *Lease And Concession Agreement*, PKPS perlu membangunkan kawasan seluas 10,000 hektar Hutan Simpan Kekal mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara dan selaras dengan Pelan Penghutanan Semula yang disahkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Selain itu, perenggan 8.1 Rancangan Pengurusan Hutan Ladang (RPHL) juga menyatakan keperluan untuk menyediakan pelan tindakan operasi tahunan secara terperinci seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.
  
- b. Semasa pengauditan dijalankan, pihak Audit mendapati pihak PKPS telah selesai menyediakan RPHL Hutan Simpan Rantau Panjang Dan Hutan Simpan Bukit Tarek dan telah pun dikemukakan kepada Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri pada 28 Jun 2011. Namun sehingga kini, rancangan tersebut masih belum disahkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor iaitu 11 tahun selepas perjanjian ditandatangani

pada 22 Februari 2001. Tambahan pula, pihak PKPS tidak menyediakan pelan tindakan operasi tahunan mengikut setiap kawasan yang telah dipajakkan kepada syarikat pemajak untuk tempoh 49 tahun iaitu dari tahun 2012 sehingga 2061. Tanpa rancangan serta pelan tindakan operasi tahunan tersebut, pihak PKPS tidak ada panduan bagi memastikan penanaman semula hutan dibuat secara berperingkat dan seterusnya menjamin sasaran menanam semula keseluruhan kawasan seluas 10,000 hektar tercapai.

#### **6.4.2.2. Penanaman Jenis Pokok Tidak Mengikut Kelulusan Serta Terdapat Aktiviti Selain Penanaman Semula**

- a. Mengikut perenggan *E Lease And Concession Agreement*, PKPS dikehendaki menanam semula kawasan 10,000 hektar di mana pokok *Acacia Mangium* yang sedia ada akan digantikan dengan sentang, jati, getah atau spesis pokok lain seperti yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri, Majlis Perhutanan Negara dan pihak berkuasa lain yang berkenaan.
- b. Lawatan tapak telah dibuat di 27 lokasi dalam kawasan seluas 6,529 hektar dari keseluruhan kawasan seluas 8,145 hektar yang dipilih untuk diaudit. Adalah didapati kawasan tersebut telah ditanam pokok getah dan sentang serta hutan campur yang diluluskan seperti di **Gambar 6.3** dan **Gambar 6.4**. Bagaimanapun, terdapat kawasan seluas 141 hektar telah ditanam dengan kelapa sawit oleh sebuah syarikat pemajak sejak tahun 2008 tanpa kelulusan dari PKPS atau pun Jabatan Perhutanan Negeri Selangor seperti di **Gambar 6.5**. Terdapat juga kawasan yang tidak ditanam semula tetapi didirikan kandang lembu dan kambing oleh syarikat tersebut seperti di **Gambar 6.6** dan **Gambar 6.7** serta kilang memproses pelepas pokok kelapa sawit untuk dijadikan makanan haiwan. Pelanggaran syarat perjanjian ini berlaku kerana PKPS tidak mewujudkan mekanisme/prosedur pemantauan bagi membolehkan penyeliaan yang berterusan dijalankan. Pihak PKPS telah memfaikkan petisyen terhadap syarikat tersebut untuk pembubaran di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 27 Januari 2010. Arahan penggulungan telah dikeluarkan oleh pihak Mahkamah Tinggi Malaya pada 14 September 2010.

**Gambar 6.3**  
**Kawasan Ditanam Dengan Pokok Getah Dan Hutan Campur Yang Diluluskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Simpan Bukit Tarek  
Tarikh: 17 November 2011

**Gambar 6.4**  
**Hutan Campur Yang Diluluskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Simpan Rantau Panjang  
Tarikh: 30 November 2011



**Gambar 6.5**  
**Aktiviti Tanaman Kelapa Sawit Yang Tidak Mendapat Kelulusan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Simpan Rantau Panjang  
Tarikh: 30 November 2011

**Gambar 6.6**  
**Kawasan Hutan Didirikan Kandang Lembu Dan Kambing Tanpa Kelulusan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Simpan Rantau Panjang  
Tarikh: 30 November 2011

**Gambar 6.7**  
**Kandang Lembu Dan Kambing Tanpa Kelulusan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Simpan Rantau Panjang  
Tarikh: 30 November 2011

- c. Pada 12 Januari 2011, mesyuarat MMKN Bilangan 2 Tahun 2011 telah membatalkan kawasan penghutanan semula seluas 1,000 hektar Hutan Simpan Rantau Panjang yang dipajakkecilkan kepada syarikat berkenaan dan mengarahkan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor membuat program pemulihan di kawasan tersebut. Pihak Jabatan Insolvensi Malaysia juga telah mengambil tindakan menjual semua

ternakan lembu dan kambing oleh syarikat pemajak tersebut. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor pula telah mengeluarkan surat pada 4 April 2011 mengarahkan syarikat pemajak mengosongkan kawasan tersebut, mengeluarkan infrastruktur yang dibina, memberhentikan aktiviti penternakan dan tanaman serta memindahkan segala harta benda di kawasan berkenaan dalam tempoh 14 hari. Pada 20 Jun 2011, Penasihat Undang-undang Negeri Selangor menangguhkan sebarang tindakan terhadap syarikat yang menjalankan aktiviti tersebut sehingga urusan mahkamah selesai berikutkan permohonan semakan kehakiman terhadap arahan penggulungan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Malaya pada bulan September 2010. Lawatan tapak pada 30 November 2011 mendapat terdapat aktiviti pengambilan hasil kelapa sawit dan aktiviti pemprosesan serta pembungkusan makanan haiwan yang dibuat dari pelepas kelapa sawit sejumlah 132 guni seperti di **Gambar 6.8** hingga **Gambar 6.11**.



**Gambar 6.9**  
**Kilang Pemprosesan Makanan Haiwan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Simpan Rantau Panjang  
Tarikh: 30 November 2011

**Gambar 6.8**  
**Aktiviti Pengambilan Hasil Kelapa Sawit**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Simpan Rantau Panjang  
Tarikh: 30 November 2011

**Gambar 6.10**  
**Pelepas Kelapa Sawit**  
**Yang Telah Diproses**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Simpan Rantau Panjang  
Tarikh: 30 November 2011



**Gambar 6.11  
Makanan Haiwan Yang Telah Dibungkus**

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Hutan Simpan Rantau Panjang

Tarikh: 30 November 2011

#### 6.4.2.3. Tanah Lewat Dipajak

- a. Setelah Kerajaan Negeri melantik PKPS untuk menguruskan Projek Penghutanan Semula, PKPS hendaklah memajak tanah kepada syarikat pemajak yang diluluskan dengan segera untuk memaksimumkan pulangan kepada Kerajaan Negeri dan PKPS. Semakan Audit mendapati terdapat kes di mana PKPS mengambil masa antara satu hingga 10 tahun untuk memajakkan Hutan Simpan Rantau Panjang seperti di **Jadual 6.2**. Pihak PKPS tidak dapat mengemukakan penjelasan berhubung tempoh yang diambil untuk melantik syarikat pemajak.

**Jadual 6.2  
Tempoh Diambil Untuk Melantik Syarikat Pemajak Mengikut Perjanjian**

Lokasi	Nombor Perjanjian	Keluasan Kawasan (Hektar)	Tarikh Perjanjian Negeri Dengan PKPS	Tarikh Perjanjian PKPS Dengan Syarikat Pemajak	Tempoh Diambil (Tahun/Bulan)
Hutan Simpan Bukit Tarek	BC-SAM/568/99/MA	5,000	22.2.2001	7.3.2001	1 bulan
Hutan Simpan Rantau Panjang	Dlm.PKPS 82/1/1-515	575		17.10.2011	10 tahun 8 bulan
	ALC/02/06/PKPS-LEASE	659		5.3.2007	6 tahun 1 bulan
	Tiada nombor perjanjian	1,145		11.10.2005	4 tahun 8 bulan
	SSH-SA/CC/06/04/PKPS-LEASE	101		7.1.2005	3 tahun 11 bulan
	ALC/02/01/PKPS/ECOM URNI	80		14.2.2003	1 tahun 11 bulan
	BC-S13/1181/01/IND	1,000		16.5.2002	1 tahun 3 bulan
	BC-SAM/568/99/MA	1,000		22.2.2001	-
	Tiada syarikat pemajak. Dikendalikan sendiri oleh PKPS	440		-	-
	<b>Jumlah</b>	<b>10,000</b>			

Sumber: Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor

- b. Mengikut perkiraan Audit, Kerajaan Negeri dan PKPS masing-masing dianggarkan berupaya memperoleh pendapatan berjumlah RM38,610 dan RM3.44 juta sekiranya tanah dipajak dengan segera. Sekiranya PKPS tidak melewatkkan pajakan dan

memaksimumkan bilangan pusingan penanaman pokok dalam tempoh konsesi 60 tahun, kerugian tersebut dapat dielakkan. Butiran terperinci seperti di **Jadual 6.3**.

**Jadual 6.3**

**Anggaran Pendapatan Yang Diperoleh Oleh Kerajaan Negeri Dan PKPS**

Lokasi	Nombor Perjanjian	Keluasan Kawasan (Hektar)	Kerugian Sewa Pajakan (RM)		Kerugian Royalti Atas Hasil Selain Kayu Balak (RM) PKPS
			KN	PKPS	
Hutan Simpan Bukit Tarek	BC-SAM/568/99/MA	5,000	-	-	-
Hutan Simpan Rantau Panjang	Dlm.PKPS 82/1/1-515	575	14,175	56,700	928,800
	ALC/02/06/PKPS-LEASE	659	9,900	79,200	723,360
	Tiada nombor perjanjian	1,145	11,450	128,240	1,003,936
	SSH-SA/CC/06/04/PKPS-LEASE	101	758	6,060	190,771
	ALC/02/01/PKPS/ECOMURNI	80	202	1,620	84,000
	BC-S13/1181/01/IND	1,000	2,125	17,000	219,200
	BC-SAM/568/99/MA	1,000	-	-	-
	Tiada syarikat pemajak. Dikendalikan sendiri oleh PKPS	440	-	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>10,000</b>	<b>38,610</b>	<b>288,820</b>	<b>3,150,067</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: KN - Kerajaan Negeri

#### **6.4.2.4. Tunggakan Hutang Syarikat Pemajak Yang Belum Dikutip**

Pihak PKPS telah menerima permit pertama untuk mengusahasil kayu balak daripada Jabatan Perhutanan Negeri pada tahun 2001. Oleh itu, pihak PKPS sepatutnya menerima royalti hasil kayu balak dan sewa pajakan mulai tahun 2001. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati royalti hasil kayu balak dan sewa pajakan yang pertama diterima oleh PKPS masing-masing pada 16 Ogos 2007 dan 9 Februari 2002 berjumlah RM5,893 dan RM2,500. Sebanyak 4 syarikat pemajak masih berhutang royalti hasil kayu balak dan sewa pajakan kepada PKPS masing-masing berjumlah RM231,821 dan RM113,922. PKPS hendaklah mengambil tindakan untuk menuntut hutang tersebut.

#### **6.4.2.5. Pelantikan Syarikat Pemajak Tidak Teratur**

Perenggan 171, Arahan Perbendaharaan menetapkan perolehan (bekalan dan perkhidmatan) melebihi RM200,000 satu tahun hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka. Manakala perolehan secara terus perlu memenuhi syarat tertentu. **Mengikut maklum balas PKPS bertarikh 13 Mac 2012, syarikat ini telah dilantik secara terus dan bukan secara tender terbuka.** Sehingga pengauditan pada bulan Januari 2012, dokumentasi mengenai proses pelantikan syarikat pemajak tidak dikemukakan kepada pihak Audit. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada pelantikan syarikat pemajak telah dibuat dengan teratur. Pihak Audit hanya memperoleh maklumat berkenaan keputusan pelantikan syarikat pemajak daripada minit mesyuarat Ahli Jemaah PKPS.

#### **6.4.2.6. Kekurangan Pemantauan**

PKPS hendaklah mewujudkan mekanisme/prosedur pemantauan untuk menjamin sesuatu projek dilaksanakan dengan memuaskan dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Mekanisme/prosedur pemantauan yang perlu disediakan adalah lawatan tapak secara berkala, laporan pemantauan dan mesyuarat jawatankuasa. Semakan Audit mendapati, pihak PKPS tidak mewujudkan mekanisme/prosedur pemantauan yang perlu dilaksanakan oleh pihak pengurusan supaya pemantauan yang berterusan dijalankan bagi memastikan projek berjalan dengan lancar seperti dalam RPHL. Oleh kerana kurang pemantauan, terdapat kelemahan dalam pengurusan projek seperti di perenggan 6.4.2.1 hingga 6.4.2.5, iaitu rancangan lewat disediakan, penanaman jenis pokok tidak mengikut kelulusan, tanah lewat dipajak, tunggakan hutang syarikat pemajak yang belum dikutip dan pelantikan syarikat pemajak tidak teratur. Penjelasan mengenai perkara berkenaan adalah seperti berikut:

- a. Mengikut perenggan 8.1 *Lease And Concession Agreement*, satu Jawatankuasa Pemandu perlu ditubuhkan untuk memerhati, memantau dan menyelia Projek Penghutanan Semula. Jawatankuasa Pemandu ini hendaklah dipengerusikan oleh Pengarah Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri (kini dikenali sebagai UPEN) dan ahlinya terdiri daripada wakil FRIM, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Pejabat Daerah Hulu Selangor, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, PKPS dan pakar berkaitan yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.
- b. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini tidak aktif dan hanya bermesyuarat sebanyak 2 kali iaitu pada 9 Mei 2007 dan 4 Februari 2008. Selepas teguran Audit, **berdasarkan maklum balas bertarikh 29 Mac 2012, pihak PKPS telah mewujudkan Jawatankuasa Teknikal pada 12 Mac 2012 untuk memantau projek ini antaranya membuat lawatan tapak secara berkala dan melaporkan kemajuan kerja bagi penghutanan semula kepada Jawatankuasa Pemandu 2 kali setahun. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengurus Besar Kumpulan PKPS dan keahliannya terdiri daripada Timbalan Pengurus Besar Kumpulan PKPS (Perkhidmatan Korporat), Timbalan Pengurus Besar Kumpulan PKPS (Pembangunan Perniagaan), Pengurus Kanan Perladangan dan Pengurus Ladang PKPS Sungai Panjang/Jelutung Jati/Kerling. Setiausaha Jawatankuasa ini adalah Pengurus Operasi. Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat pertama pada 19 Mac 2012.**

Pada pendapat Audit, pihak PKPS hendaklah meningkatkan kecekapan dalam pengurusan projek dengan menyediakan pelan tindakan operasi secara terperinci mengikut kawasan yang dipajakkecilkan kepada syarikat pemajak bagi tahun 2012 hingga 2061, memastikan Jawatankuasa Pemandu aktif dengan dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal selagi projek masih berjalan dan mewujudkan

**mekanisme/prosedur pemantauan. Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga hendaklah memantau semula kawasan yang telah ditarik balik oleh Kerajaan Negeri.**

## **6.5. SYOR AUDIT**

Bagi meningkatkan pengurusan Projek Penghutanan Semula di Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarek serta projek ladang hutan lain di masa hadapan, Kerajaan Negeri dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor disyorkan mengambil tindakan berikut:

- 6.5.1.** Menjalankan kajian mengenai kaedah terbaik untuk mengkomersialkan hutan simpan pada masa yang sama melestarikan alam sekitar bagi mendapat *value for money*.
- 6.5.2.** Menyediakan pelan tindakan operasi secara terperinci mengikut tahun dan kawasan yang dipajak kecilkan kepada syarikat pemajak bagi memastikan penanaman semula hutan dibuat secara berperingkat dan menjamin sasaran penanaman semula tercapai.
- 6.5.3.** Mewujudkan mekanisme/prosedur pemantauan yang jelas dan memastikan ia dipatuhi. Pemantauan perlu dibuat dengan kerap bagi memastikan projek ini dilaksanakan dengan lancar dan berkesan supaya projek mencapai sasaran yang ditetapkan.
- 6.5.4.** Mendapatkan bayaran balik hutang daripada syarikat pemajak dan mengambil tindakan undang-undang sekiranya syarikat pemajak masih belum membuat bayaran atau melanggar syarat perjanjian.

## MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

### 7. PENGURUSAN KAMERA LITAR TERTUTUP

#### 7.1. LATAR BELAKANG

**7.1.1.** Pada bulan Januari 2007, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah menandatangani perjanjian dengan sebuah syarikat swasta (Syarikat) untuk menyewa pakai sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan pentadbiran MPSJ seluas 161.80 kilometer persegi yang meliputi kawasan Subang Jaya, Serdang, Kinrara dan Seri Kembangan. Perjanjian sewaan dan penyenggaraan CCTV MPSJ dengan Syarikat meliputi skop membekal, memasang, mentauliah kelengkapan CCTV (*hardware* dan *networking*), melakukan penyenggaraan ke atas sistem CCTV, membuat pengubahsuaian bilik kawalan CCTV dan memastikan CCTV sentiasa dalam keadaan baik. Kos sewaan dan penyenggaraan untuk tempoh 20 tahun bagi 100 unit CCTV adalah berjumlah RM33.20 juta seperti di **Jadual 7.1**.

**Jadual 7.1**  
**Kos Sewaan Dan Penyenggaraan**

Perkara	Tempoh (Bulan)	Jumlah (RM Juta)
Sewa bulan satu hingga 180	180	18.60
Sewa bulan 181 hingga 240	60	6.82
Penyenggaraan	240	7.78
<b>Jumlah</b>		<b>33.20</b>

Sumber: Jabatan Teknologi Maklumat, MPSJ

**7.1.2.** Pemasangan CCTV di kawasan pentadbiran MPSJ berfungsi sebagai salah satu kaedah pemantauan bagi mewujudkan persekitaran yang selamat dan sejahtera kepada masyarakat awam. Bagi mencapai objektif ini, sebanyak 100 unit CCTV telah disewa daripada Syarikat di mana 90 unit CCTV dipasang secara tetap mengikut lokasi yang ditentukan secara bersama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan 10 unit CCTV mudah alih yang dipasang berdasarkan keperluan semasa. Di samping itu, MPSJ telah menerima sejumlah 24 CCTV pada tahun 2011 daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tujuan inisiatif pelaksanaan Program Bandar Selamat di Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Malaysia. Perolehan CCTV tersebut dilakukan oleh pihak KPKT, manakala pemantauan CCTV dilaksanakan oleh MPSJ sendiri.

#### 7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan CCTV di kawasan pentadbiran MPSJ telah dilaksanakan dengan ekonomi, cekap dan mencapai matlamatnya.

### **7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi pengurusan CCTV di kawasan pentadbiran MPSJ bagi tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan memeriksa rekod, fail dan dokumen di Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Perbendaharaan di MPSJ. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai MPSJ dan Syarikat juga diadakan untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan. Selain itu, lawatan Audit di 4 kawasan Dewan Negeri (DN) di MPSJ telah dilaksanakan dan melibatkan 4 unit CCTV bagi setiap kawasan DN untuk menilai keadaan CCTV di lokasi. Soal selidik juga diedarkan untuk mendapat pandangan orang awam mengenai tahap kesedaran terhadap pemasangan CCTV yang dilaksanakan oleh MPSJ.

### **7.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 tidak dapat menentukan tahap pencapaian keseluruhan objektif pemasangan sistem CCTV. Bagaimanapun, sistem ini telah berjaya membantu dalam penurunan indeks jenayah di kawasan pentadbiran MPSJ. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan sistem CCTV seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- 14.6% hingga 20.5% unit CCTV tidak berfungsi.
- Nisbah bilangan petugas bagi tujuan pemantauan imej tidak seimbang berbanding bilangan CCTV.
- Integrasi sistem CCTV dengan PDRM tidak dilaksanakan.
- Klausula perjanjian sewaan dan penyenggaraan sistem CCTV yang telah ditandatangani tidak lengkap untuk memelihara kepentingan MPSJ.
- Rundingan harga dan kajian pasaran tidak dijalankan semasa proses perolehan sewaan dan penyenggaraan CCTV dilaksanakan.

#### **7.4.1. Pencapaian Objektif Pemasangan Sistem CCTV**

##### **7.4.1.1. Penilaian Objektif Secara Keseluruhan Tidak Dibuat**

- a. Objektif utama pemasangan CCTV antara lain adalah untuk mewujudkan suasana dan persekitaran yang selamat kepada masyarakat awam di kawasan pentadbiran MPSJ; mengurangkan kes jenayah; memantau kelancaran aliran trafik; mengurangkan kadar vandalisme ke atas harta Kerajaan dan memantau operasi penjaga dan setinggan serta bagi memastikan tindakan pantas dapat diambil oleh pihak berkuasa sewaktu kecemasan seperti kejadian jenayah, banjir, ribut dan tanah runtuh.

- b. MPSJ telah menjalankan aktiviti pemantauan imej CCTV melalui penyediaan Laporan Tugasan Pemantauan Harian. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada mekanisme penilaian terhadap pencapaian objektif pemasangan CCTV diwujudkan di MPSJ kecuali objektif untuk mengurangkan kes jenayah.


#### **7.4.1.2. Penurunan Indeks Jenayah Yang Memuaskan**

- a. MPSJ tidak menetapkan sebarang Petunjuk Prestasi Utama semasa perancangan pemasangan CCTV dilaksanakan pada tahun 2007. Bagaimanapun Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan yang dikeluarkan pada tahun 2009 di bawah inisiatif Program Bandar Selamat menetapkan penurunan sekurang-kurangnya 5% dalam indeks jenayah keseluruhan setiap tahun.
- b. Semakan Audit yang mengkhusus kepada salah satu langkah di bawah pelaksanaan Program Bandar Selamat iaitu pemasangan CCTV mendapati, langkah ini telah menyumbang kepada penurunan indeks jenayah di kawasan pentadbiran MPSJ. Analisis Audit terhadap kadar indeks jenayah bagi tahun 2008 hingga 2011 menunjukkan kadar ini telah mengalami trend penurunan dan kenaikan bagi tempoh tersebut. **Jadual 7.2** dan **Carta 7.1** menunjukkan indeks jenayah (trend bilangan kes jenayah bagi setiap 100,000 penduduk) di kawasan pentadbiran MPSJ berdasarkan statistik jenayah yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya. Indeks jenayah tahun 2008 naik sebanyak 29.49 (1.9%) berbanding dengan 1,513.54 indeks jenayah pada tahun 2007 manakala tahun 2009 mencatatkan penurunan yang tertinggi sebanyak 600.46 (-38.9%) berbanding tahun 2008. Bagaimanapun pada tahun 2010, indeks jenayah mencatat kenaikan sebanyak 75.26 (8%) berbanding indeks jenayah tahun 2009. Kenaikan indeks jenayah bagi tahun 2010 adalah disebabkan peningkatan kes jenayah pecah rumah dan kecurian kenderaan di kawasan pentadbiran MPSJ. Bagi tahun 2011, penurunan indeks jenayah bagi kawasan pentadbiran MPSJ adalah sejumlah 354.02 (-34.8%).

**Jadual 7.2**  
**Indeks Jenayah Di Kawasan MPSJ Bagi Tahun 2007 Hingga 2011**

Tahun	Bil. Kes Jenayah	Unjuruan Penduduk	Indeks Jenayah	Perubahan (%)
2007	8,273	546,600	1,513.54	-
2008	8,624	558,900	1,543.03	1.9
2009	5,383	571,100	942.57	-38.9
2010	5,936	583,200	1,017.83	8.0
2011	3,945	594,300	663.81	-34.8

Sumber: Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya Dan MPSJ

**Carta 7.1****Trend Indeks Jenayah Bagi Tahun 2007 Hingga 2011****Indeks Jenayah**

Sumber: Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya Dan MPSJ

- c. Rakaman imej CCTV yang dibuat pada setiap hari akan disimpan selama satu bulan dan sekiranya terdapat permintaan, rakaman tersebut akan dikemukakan kepada pihak PDRM bagi tujuan membantu siasatan. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2008 hingga 2011, MPSJ telah mengemukakan sebanyak 52 rakaman CCTV yang memaparkan insiden jenayah dan 17 rakaman yang melibatkan kejadian kemalangan kepada pihak PDRM seperti di **Jadual 7.3**. Pemasangan CCTV oleh MPSJ merupakan salah satu kaedah yang membantu pihak PDRM dalam menyiasat kejadian jenayah yang telah berlaku di kawasan pentadbiran MPSJ.

**Jadual 7.3****Bilangan Rakaman CCTV Yang Dikemukakan Kepada PDRM Bagi Tahun 2008 Hingga 2011**

Tahun	Bilangan Rakaman		Jumlah Bilangan Rakaman
	Jenayah	Kemalangan	
2008	22	7	29
2009	12	3	15
2010	7	-	7
2011	11	7	18
<b>Jumlah</b>	<b>52</b>	<b>17</b>	<b>69</b>


Sumber: Jabatan Teknologi Maklumat, MPSJ

#### 7.4.1.3. Tahap Kesedaran Penduduk Terhadap Pemasangan CCTV Yang Memuaskan

Pihak Audit telah menjalankan satu tinjauan bagi mendapat gambaran berkaitan kesedaran dan maklum balas penduduk terhadap pemasangan CCTV di kawasan pentadbiran MPSJ. Hasil analisis ke atas 111 borang soal selidik yang diterima mendapati 52% responden bersetuju terdapat peningkatan tahap keselamatan susulan pemasangan CCTV oleh MPSJ. Ringkasan analisis terhadap soal selidik yang telah dijalankan adalah

seperti di **Carta 7.2** di mana 62% responden menyedari kawasan pentadbiran MPSJ telah dipasang CCTV dan 77% responden berpendapat CCTV di kawasan pentadbiran MPSJ telah dipasang di lokasi yang bersesuaian. Sebanyak 67% responden berpendapat CCTV yang ada di kawasan MPSJ tidak mencukupi manakala peratusan responden yang bersetuju pemasangan CCTV adalah satu kaedah yang berkesan dalam usaha mengurangkan kegiatan jenayah adalah 93%. Bagaimanapun, sebanyak 91% responden melahirkan kebimbangan terhadap peningkatan kadar jenayah yang berlaku di kawasan MPSJ.

**Carta 7.2**  
**Tahap Kesedaran Penduduk Terhadap Pemasangan CCTV**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, MPSJ perlu mengadakan penilaian keseluruhan terhadap pencapaian objektif pemasangan sistem CCTV bagi memastikan matlamat yang telah ditetapkan tercapai. Bagaimanapun, pemasangan CCTV oleh MPSJ berjaya berperanan sebagai salah satu alat pemantauan keselamatan dalam mencegah kegiatan jenayah ke arah mewujudkan perbandaran yang lebih selamat bagi penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ.

#### 7.4.2. Pelaksanaan Sistem CCTV

##### 7.4.2.1. Unit CCTV Gagal Berfungsi

- Setiap unit CCTV yang disewa oleh MPSJ hendaklah beroperasi 24 jam sehari tanpa gangguan untuk memantau aktiviti di kawasan pentadbiran MPSJ antaranya aktiviti jenayah, perniagaan haram, kawasan perniagaan awam yang terdapat tumpuan orang ramai, aktiviti lumba haram dan penjagaan harta awam. Untuk memastikan pemantauan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, imej yang

dipaparkan di skrin monitor bilik kawalan CCTV hendaklah sentiasa dalam keadaan baik dan jelas serta bebas dari sebarang masalah teknikal. CCTV yang dapat memaparkan imej yang jelas akan menghasilkan pemantauan yang sempurna dan dapat digunakan untuk membantu siasatan pihak PDRM apabila diperlukan.

- b. Berdasarkan Laporan Kerosakan CCTV yang dipasang secara tetap bagi tahun 2009 hingga 2011, prestasi operasi 90 CCTV yang disewa bagi tempoh tersebut adalah antara 79.5% hingga 85.4%. Semakan Audit mendapati tahun 2009 mencatatkan 14.6% kegagalan CCTV beroperasi. Manakala tahun 2010 mencatatkan kadar kegagalan tertinggi CCTV beroperasi iaitu 20.5% dan diikuti tahun 2011 pada 17.0% seperti di **Jadual 7.4**.

**Jadual 7.4**

**Unit CCTV Gagal Berfungsi Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**


Tahun	Unit CCTV	Tempoh CCTV Sepatutnya Beroperasi [Unit CCTV x 365 Hari] (Hari)	Tempoh CCTV Tidak Beroperasi (Hari)	Peratus CCTV Tidak Beroperasi (%)
2009	90	32,850	4,807	14.6
2010	90	32,850	6,733	20.5
2011	90	32,850	5,573	17.0

Sumber: Jabatan Teknologi Maklumat, MPSJ Dan Syarikat

- c. Analisis Audit selanjutnya mendapati CCTV gagal beroperasi disebabkan oleh gangguan bekalan kuasa elektrik dan faktor kegagalan sistem. Halangan pokok dan pembinaan bangunan baru yang menghalang transmisi data serta gangguan ke atas stesen pemancar di premis pihak ketiga adalah antara lain-lain faktor penyebab kegagalan CCTV beroperasi. Peratus CCTV beroperasi berbanding CCTV gagal beroperasi mengikut faktor kegagalan bagi tahun 2009 hingga 2011 seperti di **Carta 7.3**.

**Carta 7.3**

**Peratus CCTV Beroperasi Berbanding CCTV Gagal Beroperasi Mengikut Faktor Kegagalan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**



Sumber: Jabatan Teknologi Maklumat, MPSJ Dan Syarikat

- d. Kegagalan CCTV untuk beroperasi menyebabkan manfaat daripada pemasangan CCTV tidak dicapai sepenuhnya akibat fungsi pemantauan terhadap imej CCTV tergendala bagi tujuan pengesanan, pengecaman dan pengenalpastian kejadian jenayah serta lain-lain manfaat.

#### **7.4.2.2. Petugas Bilik Kawalan Tidak Seimbang Dengan Bilangan CCTV**

- a. Aktiviti pemantauan imej CCTV dilaksanakan di bilik kawalan yang menempatkan sejumlah bilangan petugas bagi memantau imej yang dipancarkan di monitor. Bilangan petugas yang ditempatkan di bilik kawalan CCTV perlu disesuaikan dengan bilangan CCTV bagi memastikan aktiviti pemantauan imej dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Di MPSJ, bilik kawalan CCTV menempatkan 16 unit monitor untuk memantau 100 unit CCTV yang disewa oleh MPSJ serta 5 unit monitor untuk memantau imej yang dipancarkan oleh 24 unit CCTV milik Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Operasi pemantauan imej dilakukan oleh 6 anggota penguat kuasa MPSJ yang ditempatkan di bilik kawalan CCTV secara 2 sesi iaitu sesi siang dan malam (12 jam setiap sesi). Seramai 4 dan 2 anggota penguat kuasa ditugaskan masing-masing bagi sesi siang dan malam di bilik kawalan CCTV ini. **Gambar 7.1** menunjukkan keadaan di mana anggota penguat kuasa MPSJ sedang menjalankan pemantauan terhadap imej yang dipaparkan oleh CCTV di bilik kawalan.



**Gambar 7.1**  
**Pemantauan Terhadap Imej CCTV**  
**Sedang Dijalankan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bilik Kawalan CCTV, MPSJ  
Tarikh: 31 Oktober 2011

- b. Semakan Audit terhadap bilangan petugas di bilik kawalan berbanding bilangan CCTV di MPSJ mendapati, nisbah bilangan petugas berbanding unit CCTV adalah satu petugas mengawasi 31 unit CCTV (1:31) pada sesi siang manakala sesi malam adalah 1:62. Memandangkan tiada norma terhadap bilangan petugas mengawasi bilangan CCTV ditetapkan, perbandingan 4 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor telah dibuat dan didapati nisbah bilangan petugas kepada bilangan CCTV adalah berbeza-beza. Nisbah terendah dicatatkan oleh MPSJ iaitu 1:62 manakala nisbah tertinggi adalah di Majlis Bandaraya Shah Alam iaitu pada nisbah 1:12. **Jadual 7.5** menunjukkan butiran perbandingan ini. Pihak Audit mengesyorkan MPSJ bersama KPCT serta PBT lain di Selangor mengadakan perbincangan bagi mencapai ketetapan nisbah yang bersesuaian terhadap bilangan petugas berbanding bilangan CCTV. Sekiranya terdapat kekurangan petugas berbanding ketetapan

berdasarkan hasil perbincangan, MPSJ boleh menggunakan ketetapan ini sebagai asas permohonan penambahan perjawatan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

**Jadual 7.5  
Nisbah Petugas Berbanding Imej Paparan CCTV**

Pihak Berkuasa Tempatan	Bil. Sesi	Tempoh Setiap Sesi (Jam)	Bil. Petugas Bagi Setiap Sesi	Unit CCTV	Nisbah (Bil. Petugas: Unit CCTV)
Majlis Perbandaran Subang Jaya	2	12	4	124	1:31
			2		1:62
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	3	8	2	82	1:41
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	3	8	2	44	1:22
Majlis Bandaraya Shah Alam	3	8	2	24	1:12

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

#### 7.4.2.3. Integrasi Sistem CCTV Dengan PDRM Tidak Dilaksanakan

Mengikut Garis Panduan Pemasangan CCTV Di Premis Perniagaan Dan Tempat Awam yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia KPKT, sistem CCTV yang dipasang hendaklah dihubungkan kepada PDRM bagi tujuan pemantauan, pencegahan dan siasatan jenayah. Semakan Audit mendapati perancangan awal untuk memasukkan klausa khusus dalam perjanjian sewaan dan penyenggaraan yang telah ditandatangani bagi mewujudkan integrasi sistem CCTV MPSJ dengan PDRM tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, terdapat usaha susulan yang dijalankan oleh MPSJ bagi mewujudkan integrasi sistem CCTV dengan PDRM selepas pemasangan CCTV selesai dilaksanakan. Sehingga akhir tempoh pengauditan dijalankan, pihak Audit mendapati integrasi sistem CCTV dengan PDRM belum beroperasi berikutan masalah teknikal yang masih belum diselesaikan. Keadaan ini akan menyebabkan pihak PDRM tidak dapat memantau CCTV secara terus dan tindakan pantas tidak dapat diambil sekiranya berlaku kejadian jenayah. **Maklum balas MPSJ bertarikh 26 Mac 2012 menjelaskan, cadangan integrasi sistem CCTV di MPSJ dengan PDRM akan dilaksanakan semasa pelaksanaan projek pemasangan CCTV milik Kerajaan Selangor di MPSJ yang dijadualkan pada akhir tahun 2012.**

#### 7.4.2.4. Pemasangan Papan Tanda Tidak Dilakukan

- Pemasangan papan tanda merupakan satu langkah untuk memberitahu orang awam bahawa kawasan persekitaran diawasi oleh CCTV dan berfungsi sebagai langkah pencegahan awal jenayah. Garis Panduan Pemasangan CCTV Di Premis Perniagaan Dan Tempat Awam juga menetapkan papan tanda pemberitahuan pengawasan melalui CCTV perlu disediakan. Mengikut garis panduan ini, papan tanda yang terang, senang dibaca, terletak di lokasi yang tinggi dan mendapat cahaya yang mencukupi perlu dipasang di setiap akses utama laluan awam. Maklumat papan tanda juga hendaklah mudah difahami dengan penggunaan teks

dan simbol selain daripada mengandungi jangka masa pengawasan CCTV seperti "Kawasan Pemantauan 24 Jam".

- b. Lawatan Audit ke lokasi CCTV pada 12 Oktober 2011 mendapati, tiada papan tanda pemberitahuan pemasangan CCTV di semua lokasi yang diaudit. Contoh adalah seperti di **Gambar 7.2** dan **Gambar 7.3**. Pihak Audit juga mendapati papan tanda pemberitahuan pemasangan CCTV tidak dipasang di semua lokasi lain. Pemasangan papan tanda tidak dilaksanakan berikutan tiada peruntukan terhadap keperluan pemasangan papan tanda pemberitahuan dinyatakan dalam perjanjian yang telah ditandatangani oleh MPSJ.
- c. Setelah teguran Audit diterima, MPSJ telah memasang papan tanda pemberitahuan pengawasan melalui CCTV di semua lokasi pada bulan Mac 2012. Antara lokasi yang telah dipasang dengan CCTV adalah seperti di **Gambar 7.4** dan **Gambar 7.5**.

**Gambar 7.2**  
**Tiada Pemasangan Papan Tanda Pemberitahuan Pemasangan CCTV**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 12 Oktober 2011  
Lokasi: Jalan SS12/1, Subang Jaya

**Gambar 7.3**  
**Pemasangan Papan Tanda Pemberitahuan Pemasangan CCTV**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 12 Oktober 2011  
Lokasi: Jalan Putra Permai 2, Taman Equine

**Gambar 7.4**  
**Papan Tanda Pemberitahuan Pemasangan CCTV Telah Siap Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 27 Mac 2012  
Lokasi: Jalan USJ 10/1F, Subang Jaya

**Gambar 7.5**  
**Papan Tanda Pemberitahuan Pemasangan CCTV Telah Siap Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 27 Mac 2012  
Lokasi: Persiaran Bakti, Subang Jaya

**Pada pendapat Audit, aspek pelaksanaan sistem CCTV perlu dipertingkatkan. Pihak MPSJ perlu membuat pemantauan dan pemeriksaan yang rapi terhadap kerja penyenggaraan yang dilakukan oleh Syarikat bagi memastikan CCTV beroperasi pada setiap masa. Selain itu, pemantauan imej CCTV hendaklah ditambah baik dengan mewujudkan integrasi sistem CCTV di MPSJ dan pihak PDRM.**

#### **7.4.3. Syarat Perjanjian**

Perjanjian yang ditandatangani oleh agensi Kerajaan perlu memelihara dan melindungi kepentingan Kerajaan dan tidak merugikan mana-mana pihak terlibat. Pihak Audit mendapati perjanjian ini telah selesai disemak oleh Penasihat Undang-Undang MPSJ pada bulan Januari 2007 sebelum dimuktamadkan. Bagaimanapun, terdapat 2 kelemahan pada syarat perjanjian yang tidak memelihara kepentingan MPSJ seperti berikut:

##### **7.4.3.1. Peruntukan Klausa Penyenggaraan Pencegahan Tidak Diadakan**

Penyenggaraan pencegahan adalah khidmat pemeliharaan peralatan dan perisian CCTV yang dilakukan secara berjadual. Penyenggaraan ini perlu dilakukan secara berkala untuk memastikan semua peralatan di tahap kecekapan dan kebolehpercayaan tertinggi. Garis Panduan Pemasangan CCTV Di Premis Perniagaan Dan Tempat Awam yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia KPKT menjelaskan penyenggaraan pencegahan perlu melibatkan perkhidmatan diagnosis, ujian fungsi, pemeriksaan peralatan dan penyenggaraan. Semakan Audit mendapati tiada klausa khusus ditetapkan dalam perjanjian yang telah ditandatangani berhubung aspek penyenggaraan pencegahan yang perlu dilaksanakan oleh pihak Syarikat. Semakan Audit terhadap Laporan Kerja Penyenggaraan yang disediakan oleh Syarikat juga mendapati, penyenggaraan terhadap CCTV hanya dilakukan apabila terdapatnya aduan kerosakan CCTV daripada MPSJ. Kegagalan menjalankan penyenggaraan secara berkala telah menyebabkan prestasi CCTV berada di bawah tahap keupayaan seperti diterangkan di perenggan 7.4.2.1.

##### **7.4.3.2. Potongan (Rebate) Dan Denda Lewat Tidak Dinyatakan**

Bayaran bagi sesuatu perkhidmatan yang dibekalkan hendaklah dibuat mengikut kadar atau nilai perkhidmatan yang sepatutnya diterima daripada pihak pembekal. Sekiranya pembekal gagal berbuat demikian, potongan (*rebate*) atas bayaran atau denda boleh diambil terhadapnya. Semakan Audit mendapati perjanjian tidak mempunyai klausa potongan (*rebate*) atas bayaran sewaan bulanan dan caj penyenggaraan yang boleh dikenakan sekiranya sistem CCTV yang disewa gagal beroperasi seperti yang ditetapkan. Selain itu, tiada klausa mengenai denda lewat berhubung kelewatan atas masa tindak balas yang diambil untuk membaik pulih sistem CCTV yang gagal beroperasi. Ketiadaan klausa yang menetapkan potongan (*rebate*) atas kegagalan sistem CCTV berfungsi dan denda terhadap kelewatan mengambil tindakan melebihi masa tindak balas yang dipersetujui menyebabkan bayaran sewaan dan caj penyenggaraan sistem CCTV dibayar

penuh walaupun prestasi sistem CCTV adalah tidak memuaskan. Tindakan ini merugikan pihak MPSJ.

**Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian sewaan yang ditandatangani adalah tidak memuaskan kerana klausu penting mengenai penyenggaraan pencegahan, potongan (rebate) atas kegagalan sistem CCTV berfungsi dan denda terhadap kelewatan mengambil tindakan, tidak diambil kira dalam perjanjian untuk menjaga kepentingan MPSJ. Perjanjian ini perlu dinilai semula oleh pihak MPSJ dengan segera.**

#### **7.4.4. Perundingan Harga Perolehan Projek**

Pemasangan sistem CCTV ini telah diperoleh secara rundingan terus setelah diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri pada 3 Julai 2006. Kelulusan Perbendaharaan Negeri ini tertakluk kepada perundingan harga ke paras yang terendah dan tidak merugikan pihak Kerajaan. Mesyuarat Lembaga Tender MPSJ yang diadakan pada 12 Jun 2006 telah bersetuju meluluskan cadangan melantik Syarikat bagi sewaan dan penyenggaraan sistem CCTV di kawasan pentadbiran MPSJ. Pihak Audit mendapati tiada bukti rundingan harga dan kajian pasaran dilaksanakan oleh pihak MPSJ semasa pertimbangan pelantikan diputuskan. Ini menyebabkan MPSJ tidak dapat menentukan sama ada harga perolehan sewaan dan penyenggaraan sistem CCTV sejumlah RM33.20 juta yang telah ditandatangani adalah munasabah atau sebaliknya dan mendapat *value for money* daripada perolehan tersebut.

**Mengikut maklum balas MPSJ bertarikh 20 Februari 2012, pihaknya mengambil maklum perkara ini dan akan menambah baik prosedur perolehan di masa hadapan dengan membuat kajian pasaran bagi setiap perolehan.**

**Pada pendapat Audit, rundingan harga perolehan CCTV dan kajian pasaran perlu dilaksanakan untuk setiap perolehan di masa hadapan bagi menjamin kepentingan pihak MPSJ.**

### **7.5. SYOR AUDIT**

Bagi mempertingkatkan pelaksanaan sistem kamera litar tertutup (CCTV) dan memperbaiki kelemahan sedia ada yang dibangkitkan, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) disyorkan mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

**7.5.1.** Mengadakan mekanisme yang spesifik untuk menilai tahap pencapaian objektif pemasangan sistem CCTV secara keseluruhan. Ini bertujuan untuk mewujudkan perbandaran yang selesa dan lebih selamat bagi penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ di samping membolehkan penambahbaikan dibuat terhadap sistem CCTV sedia ada dari semasa ke semasa agar manfaat sistem CCTV dapat dioptimumkan.

**7.5.2.** Meningkatkan penyeliaan terhadap pelaksanaan sistem CCTV yang telah dipasang. Ini termasuk membuat pemantauan dan pemeriksaan yang rapi terhadap kerja penyenggaraan yang dilakukan oleh Syarikat.

**7.5.3.** Mengadakan perbincangan dua hala dengan Syarikat bagi mendapat persetujuan untuk menilai semula perjanjian. Ini termasuk mengkaji semula penggunaan peralatan kamera CCTV yang terkini dan lebih efisien bagi merakam imej yang lebih berkualiti, memperbanyakkan pemasangan CCTV di kawasan berisiko tinggi serta memasukkan klausa mengenai tanggungjawab penyenggaraan dan penalti berkaitan dalam perjanjian bagi menjaga kepentingan MPSJ.

**7.5.4.** Mengadakan rundingan harga dan melaksanakan kajian pasaran terhadap semua perolehan masa hadapan untuk mendapatkan harga munasabah bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* daripada perbelanjaan yang dibuat.

## YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

### 8. PENGURUSAN SKIM TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR

#### 8.1. LATAR BELAKANG

**8.1.1.** Skim Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) yang diwujudkan pada tahun 2008 merupakan salah satu projek penting dalam agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Melalui skim ini, sejumlah RM100 dalam bentuk Sijil Simpanan Tetap (SST) diberi kepada setiap anak kelahiran Selangor. Pada usia 18 tahun, anak ini berpeluang menerima RM1,500 seorang hasil daripada caruman di dalam pelaburan dana ini.

**8.1.2.** Skim TAWAS diuruskan oleh Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) iaitu sebuah organisasi yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan secara khusus di bawah bidang kuasa Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI]. Pengurusan YAWAS diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 31 orang kakitangan. Lembaga Pemegang Amanah YAWAS terdiri daripada 6 ahli iaitu Menteri Besar Selangor, Penasihat Undang-undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan 3 orang pesara korporat. YAWAS mula beroperasi pada 5 Februari 2009 dengan dana peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM13.50 juta. Daripada dana tersebut, sejumlah RM8.50 juta adalah diperuntukkan untuk pemberian SST berjumlah RM100 seorang bagi maksud pembukaan akaun TAWAS peserta manakala baki RM5 juta untuk kos operasi YAWAS. Setakat bulan Disember 2011, sejumlah RM7.82 juta daripada peruntukan dana yang diluluskan telah dibelanjakan. Perbelanjaan ini meliputi perbelanjaan pembukaan akaun TAWAS berjumlah RM2.92 juta dan kos operasi RM4.90 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 8.1** dan **Jadual 8.2**.

**Jadual 8.1**

**Perbelanjaan Pembukaan Akaun TAWAS Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Dana Yang Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Bersih (RM Juta)	Peratus Belanja (%)	Baki Dana Kemas Kini (RM Juta)
2009	8.50	1.03	12.1	7.47
2010	-	1.18	13.9	6.29
2011	-	0.71	8.4	5.58
<b>Jumlah</b>	<b>8.50</b>	<b>2.92</b>	<b>34.4</b>	<b>5.58</b>

Sumber: Yayasan Warisan Anak Selangor

**Jadual 8.2**  
**Perbelanjaan Kos Operasi YAWAS Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Dana Yang Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Bersih (RM Juta)	Peratus Belanja (%)	Baki Dana Kemas Kini (RM Juta)
2009	5.00	1.55	31.0	3.45
2010	-	1.64	32.8	1.81
2011	-	1.71	34.2	0.10
<b>Jumlah</b>	<b>5.00</b>	<b>4.90*</b>	<b>98</b>	<b>0.10</b>

Sumber: Yayasan Warisan Anak Selangor

Nota: \* Jumlah ini termasuk perbelanjaan bagi Skim Mesra Usia Emas

**8.1.3.** Bagi tempoh kelahiran dari tahun 2008 hingga 2011, sebanyak 60,972 daripada 74,212 permohonan yang layak telah diluluskan. Daripada pendaftaran yang diluluskan, 21,918 akaun ahli TAWAS telah dibuka. Tempoh matang pertama bagi peserta yang didaftarkan adalah pada tahun 2025 iaitu 18 tahun dari tahun pertama Skim TAWAS pada tahun 2008.

## 8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Skim TAWAS telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan Skim TAWAS bagi tahun 2008 hingga 2011 di mana pemeriksaan rekod, fail dan dokumen serta temu bual pegawai yang berkenaan di YAWAS dan MBI telah dijalankan. Analisis juga dibuat terhadap data Sistem Pendaftaran Skim TAWAS bagi tempoh yang sama. Selain itu, soal selidik mengenai keberkesanan serta kepuasan pelanggan terhadap Skim TAWAS telah dijalankan di kalangan 215 responden di Daerah Klang, Kuala Langat, Petaling Jaya, Hulu Selangor dan Sepang.

## 8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati sungguhpun sasaran pendaftaran dan kelulusan keahlian Skim TAWAS sehingga akhir tahun 2011 telah dicapai namun terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Liputan faedah program ini tidak menyeluruh iaitu hanya 19.4% anak kelahiran Selangor telah diluluskan menjadi ahli TAWAS.
- Aktiviti pelaburan bagi pembiayaan pengurusan skim yang telah dirancang belum dilaksanakan.
- Sijil Simpanan Tetap lewat dikeluarkan.

- Garis panduan atau *Standard Operating Procedures* YAWAS/Skim TAWAS tidak lengkap.


#### **8.4.1. Prestasi Skim Tabung Warisan Anak Selangor**

##### **8.4.1.1. Sasaran Pendaftaran Dan Kelulusan Keahlian Tercapai**

Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YAWAS pada 10 Disember 2010 telah menetapkan sasaran supaya 60,000 peserta TAWAS didaftarkan dan diluluskan keahlian sehingga akhir tahun 2011. Semakan Audit mendapati bilangan pendaftaran dan keahlian bagi tahun 2008 hingga 2011 telah mencapai sasaran iaitu sejumlah 74,212 bagi pendaftaran dan 60,972 bagi keahlian.

##### **8.4.1.2. Liputan Faedah Program Yang Tidak Menyeluruh**

- a. Skim TAWAS diwujudkan dengan matlamat untuk memberi faedah kepada semua anak kelahiran Negeri Selangor yang layak. Maklum balas yang diterima daripada soal selidik yang telah dijalankan oleh pihak Audit terhadap 171 orang awam di Daerah Klang, Kuala Langat, Petaling Jaya, Hulu Selangor dan Sepang mendapati hanya 65 responden (38.1%) mendapat maklumat mengenai Skim TAWAS manakala selebihnya 106 responden (61.9%) tidak mengetahui kewujudan Skim TAWAS. Analisis selanjutnya mendapati daripada 99 responden yang mendapat cahaya mata pada tahun 2008 hingga 2011, sebanyak 68 responden (68.7%) tidak berdaftar dengan Skim TAWAS atas sebab-sebab seperti tidak tahu, terlepas tarikh tutup, sukar mendaftar dan kurang faham seperti di **Carta 8.1**.



- b. Jumlah kelahiran di Negeri Selangor bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 adalah 313,706. Sungguhpun pihak YAWAS telah membelanjakan sejumlah RM588,391 antara tahun 2009 hingga 2011 untuk melaksanakan promosi, namun jumlah ahli

TAWAS adalah 60,972 iaitu 19.4% sahaja daripada jumlah kelahiran. Ini menunjukkan sebahagian besar daripada jumlah kelahiran yang dicatatkan tidak layak, tidak memohon atau tidak mengetahui kewujudan Skim TAWAS. Bagaimanapun, semakan Audit dengan pihak YAWAS mendapati setakat ini tiada statistik terhadap peratusan kelayakan tersebut dan tiada sasaran pencapaian tertentu ditetapkan di peringkat awal bagi pendaftaran anak kelahiran Negeri Selangor ke dalam Skim TAWAS. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 8.3**.

**Jadual 8.3**

**Bilangan Kelahiran Di Negeri Selangor Berbanding Pendaftaran Skim TAWAS**

Tahun	Kelahiran (Warganegara)	Jumlah Permohonan Didaftarkan	Peratus Pendaftaran (%)	Bil. Pendaftaran TAWAS Yang Diluluskan	Peratus Pendaftaran Diluluskan (%)
2008	74,666	17,098	22.9	14,559	19.5
2009	77,835	17,532	22.5	14,841	19.1
2010	78,508	19,101	24.3	15,926	20.3
2011	82,697	20,481	24.8	15,646	18.9
<b>Jumlah</b>	<b>313,706</b>	<b>74,212</b>	<b>23.7</b>	<b>60,972</b>	<b>19.4</b>


Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Selangor Dan YAWAS

#### 8.4.1.3. Tahap Keyakinan Peserta

Soal selidik terhadap keyakinan pelanggan terhadap pengurusan TAWAS telah diedarkan kepada 100 peserta TAWAS yang telah berdaftar. Daripada jumlah tersebut, 44 peserta telah memberi maklum balas yang menunjukkan tahap keyakinan peserta yang tinggi terhadap pelaksanaan Skim TAWAS oleh Kerajaan Negeri. Butiran adalah seperti di **Carta 8.2**.

**Carta 8.2**

**Analisis Tahap Keyakinan Peserta Terhadap Skim Tawas**



Sumber: Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, kadar pendaftaran Skim TAWAS masih rendah berbanding dengan statistik kelahiran di Negeri Selangor bagi tempoh 2008 hingga 2011. Pihak Kerajaan Negeri/YAWAS boleh bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negeri supaya setiap ibu atau bapa yang membuat pendaftaran kelahiran di kaunter Jabatan Pendaftaran Negeri diserahkan brosur dan borang permohonan TAWAS. Pihak YAWAS juga boleh membuka meja pendaftaran di pejabat Jabatan Pendaftaran Negara seperti yang telah dilaksanakan di beberapa lokasi. Dengan cara ini, semua pendaftar kelahiran diingatkan mengenai Skim TAWAS sebaik sahaja pendaftaran kelahiran dibuat dan pendaftaran serta merta dapat dibuat di lokasi yang sama.

#### **8.4.2. Pelaksanaan Skim Tabung Warisan Anak Selangor**

##### **8.4.2.1. Aktiviti Pelaburan Tidak Dijalankan Bagi Menjana Pendapatan**

- a. Peserta TAWAS yang layak akan dibayar manfaat Skim TAWAS sejumlah RM1,500 seorang apabila menjelang usia 18 tahun. Oleh itu, Kerajaan Negeri bertanggungjawab memastikan dana yang mencukupi bagi menampung bayaran faedah Skim TAWAS kepada semua peserta TAWAS. Mengikut perancangan, sebuah agensi iaitu Permodalan Warisan Anak Selangor Berhad (PAWAS) telah diwujudkan dengan tujuan sebagai agensi pelaburan bagi menjana pelaburan yang mencukupi bagi menampung bayaran faedah Skim TAWAS. Semakan Audit mendapati sehingga kini belum ada apa-apa aktiviti pelaburan khusus untuk menjana pendapatan bagi menampung pembiayaan pembayaran manfaat Skim TAWAS yang akan bermula pada tahun 2025 kelak.
- b. Analisis Audit mendapati sejumlah dana yang besar diperlukan untuk pembiayaan manfaat Skim TAWAS seperti di **Jadual 8.4**. Setakat tahun 2011, peratusan pendaftaran Skim TAWAS adalah 19.4% sahaja, namun anggaran purata perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM22.87 juta setahun. Jika peratusan pendaftaran yang diluluskan meningkat sehingga melebihi 50%, Kerajaan Negeri dijangka perlu membiayai sehingga melebihi RM58.94 juta setahun untuk Skim TAWAS. **Berdasarkan maklum balas YAWAS bertarikh 9 Mac 2012, Lembaga Pemegang Amanah YAWAS sedang berbincang mengenai jenis pelaburan yang boleh dibuat dengan mengambil kira risiko pelaburan yang akan dihadapi.**

**Jadual 8.4**  
**Jumlah Anggaran Manfaat Skim TAWAS Yang Perlu Dibayar**

Tahun Kelahiran	Jumlah Pendaftaran Diluluskan	Jumlah Manfaat Yang Perlu Dibayar Pada Tempoh Matang
2008	14,559	RM21.84 juta
2009	14,841	RM22.26 juta
2010	15,926	RM23.89 juta
2011	15,646	RM23.47 juta
<b>Purata</b>	<b>15,243 setahun</b>	<b>RM22.87 juta setahun</b>

Sumber: Laporan Sistem TAWAS, Yayasan Warisan Anak Selangor

- c. Pendapatan daripada pelaburan jangka pendek YAWAS bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah masing-masing berjumlah RM198,101, RM210,716 dan RM213,955 berbanding kos operasi masing-masing berjumlah RM1.55 juta, RM1.64 juta dan RM1.71 juta. Ini menunjukkan jumlah pendapatan tidak mampu menampung perbelanjaan operasi semasa. Baki dana pada akhir tahun 2011 sejumlah RM5.68 juta adalah kecil berbanding jumlah kewangan yang diperlukan bagi membiayai operasi YAWAS dan seterusnya manfaat Skim TAWAS.

#### **8.4.2.2. Pengeluaran Sijil Simpanan Tetap Yang Lewat**

- a. Setiap permohonan yang berjaya akan menerima SST bernilai RM100. Bagi urusan penyerahan SST kepada pemohon yang berjaya, pihak YAWAS akan menyerahkan cek bayaran kepada cawangan AmBank untuk menyedia dan menyerahkan SST kepada peserta. Sebanyak 66 cawangan AmBank terlibat dalam urusan pengeluaran SST. Pihak YAWAS akan dimaklumkan oleh pihak AmBank apabila SST telah disediakan. Bagaimanapun, tiada *Standard Operating Procedures* yang menetapkan tempoh SST perlu diserahkan kepada peserta dari tarikh pendaftaran dibuat atau diluluskan. Selain itu, dokumen mengenai urusan pengeluaran SST antara pihak YAWAS dan AmBank juga tidak dapat diserahkan untuk rujukan Audit.
- b. Semakan Audit terhadap Sistem TAWAS mendapati maklumat penyerahan dan penerimaan SST sebenar kepada/oleh pihak penerima tidak direkodkan di dalam sistem. Sistem ini hanya menunjukkan maklumat SST yang telah disediakan oleh pihak AmBank seperti di **Jadual 8.5**. Pihak YAWAS juga tidak menyimpan rekod terperinci terhadap faedah yang diterima daripada setiap SST yang dikeluarkan.

**Jadual 8.5**  
**Sijil Simpanan Tetap Yang Belum Dikeluarkan**

Tahun	Bilangan Pendaftaran Ahli TAWAS Yang Diluluskan	Bilangan Permohonan Untuk Pengeluaran Sijil Dihantar Ke Bank		Bilangan Ahli Yang Belum Diproses Untuk Pengeluaran Sijil (c)	SST Belum Dikeluarkan (d)=(b) + (c)	% SST Belum Dikeluarkan
		SST Telah Dikeluarkan (a)	SST Belum Dikeluarkan (b)			
2008	14,559	10,207	2,478	1,874	4,352	29.9
2009	14,841	9,021	3,221	2,599	5,820	39.2
2010	15,926	2,655	7,139	6,132	13,271	83.3
2011	15,646	35	1,583	14,028	15,611	99.8
<b>Jumlah</b>	<b>60,972</b>	<b>21,918</b>	<b>14,421</b>	<b>24,633</b>	<b>39,054</b>	<b>64.1</b>

Sumber: Laporan Sistem TAWAS

- c. Berdasarkan kepada **Jadual 8.5** di atas, sejumlah 60,972 ahli TAWAS telah berjaya didaftarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21,918 (36%) telah dikeluarkan SST manakala 39,054 belum dikeluarkan SST terdiri daripada 14,421 permohonan yang telah dihantar ke bank untuk diproses dan 24,633 permohonan yang belum dihantar

ke bank. Pihak YAWAS tidak dapat menentukan tempoh kelewatan bagi permohonan yang belum dikeluarkan SST. Berikutan dari kelewatan tersebut terdapat peserta yang mendakwa Kerajaan Negeri tidak menunaikan janji untuk menyerahkan SST bernilai RM100 tersebut walaupun pendaftaran anaknya telah dibuat pada tahun 2008.

- d. **Maklum balas YAWAS bertarikh 9 Mac 2012 menjelaskan, perbincangan telah diadakan dengan pihak AmBank bagi memastikan sistem pengeluaran SST akan dipercepatkan. Antara langkah yang diambil adalah menambah cawangan AmBank bagi menguruskan pengeluaran SST.**

#### **8.4.2.3. Garis Panduan/Standard Operating Procedures Tidak Komprehensif**

Garis panduan/Standard Operating Procedures (SOP) yang lengkap akan membantu YAWAS melaksanakan Skim TAWAS dengan lebih cekap dan teratur. Semakan Audit mendapati walaupun pihak YAWAS ada menyediakan SOP bagi pelaksanaan operasi TAWAS tetapi didapati SOP tersebut adalah tidak komprehensif. Beberapa perkara penting berkaitan dengan pengurusan Skim TAWAS belum didokumenkan sebagai satu rujukan rasmi bagi menjadi panduan semasa menguruskan Skim TAWAS. Antara perkara tersebut adalah seperti di **Jadual 8.6**.

**Jadual 8.6**

**Perkara-Perkara Untuk Rujukan Skim TAWAS Yang Belum Didokumenkan**

Bil.	Perkara
1.	Apakah dokumen yang diperlukan untuk tuntutan manfaat Skim TAWAS?
2.	Siapakah yang boleh menuntut?
3.	Bagi wang manfaat yang tidak dituntut, apakah prosedur selanjutnya?
4.	Apakah prosedur sepatutnya untuk SST? Bilakah boleh ditunaikan? Perlukah diperbaharui setiap tahun? Adakah faedah dari SST diasingkan dalam akaun/tabung khas untuk pembiayaan Skim TAWAS?
5.	Adakah ibu/bapa bukan warganegara layak menyertai?
6.	Bagaimanakah kaedah bayaran bagi kes kematian peserta sebelum mencapai usia 18 tahun iaitu seperti penentuan kadar bayaran, tempoh tuntutan, prosedur tuntutan dan sebagainya?
7.	Adakah ahli akan dibayar jumlah tetap RM1,500 atau jumlah lain bergantung kepada faedah terkumpul SST yang dikeluarkan untuk setiap ahli?

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### **8.4.2.4. Data Back-up Sistem TAWAS Tidak Diuji**

- a. Pengurusan Skim TAWAS memerlukan sistem maklumat yang cekap dan berkesan dalam jangka masa panjang bagi memastikan semua rekod dan maklumat disimpan dengan teratur sepanjang tempoh Skim TAWAS dan boleh digunakan apabila diperlukan. Oleh itu, bagi memastikan kesediaan dan keselamatan data yang berterusan, sistem *back-up* yang baik terhadap data TAWAS adalah sangat penting.

- b. Pemeriksaan Audit terhadap sistem *back-up* Sistem TAWAS mendapati data sistem TAWAS disimpan di sebuah server di Bangunan Jaring, Taman Teknologi Malaysia. Manakala data *back-up* Sistem TAWAS pula disimpan secara mingguan di sebuah server yang berlainan di bangunan yang sama dan juga sebuah server lagi di pejabat penyenggara sistem di Brickfields, Kuala Lumpur. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati semak uji data *back-up* Sistem TAWAS yang disimpan tidak pernah dilaksanakan bagi memastikan data yang disimpan benar-benar boleh digunakan.
- c. Selain itu, menurut penyenggara sistem, data yang disimpan untuk *back-up* adalah dalam bentuk keseluruhan data yang boleh diakses melalui Sistem TAWAS yang dikemas kini setiap hari untuk tempoh 7 hari. Tiada data *back-up* berasingan disediakan.
- d. Bagaimanapun, **menurut penjelasan pihak YAWAS pada 9 Mac 2012, gangguan Sistem TAWAS pernah berlaku sebanyak 2 kali pada 24 November 2011 dan 20 Januari 2012 tetapi sistem telah dapat beroperasi semula selepas 5 jam dan tiada kehilangan data dikenal pasti.**

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan Skim TAWAS kurang cekap dan pelbagai langkah penambahbaikan perlu diambil untuk meningkatkan pengurusannya supaya objektif penubuhan skim ini tercapai.**

## 8.5. SYOR AUDIT

Memandangkan Skim Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) merupakan salah satu program yang menjadi ikon pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, sistem penyampaian perkhidmatan pengurusan skim ini hendaklah dipertingkatkan. Oleh itu, Kerajaan Negeri dan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) disyorkan mengambil langkah berikut:

- 8.5.1.** Meluaskan tahap hebahan maklumat berhubung dengan peluang untuk mendapat manfaat daripada Skim TAWAS melalui program promosi yang berterusan termasuk bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negeri Selangor bagi mengedarkan borang permohonan Skim TAWAS semasa pendaftaran kelahiran anak dibuat.
- 8.5.2.** Menyediakan perancangan strategik YAWAS selaku pengurus Skim TAWAS dengan mengambil kira sumber pendapatan bagi pembiayaan Skim TAWAS serta perbelanjaan operasi YAWAS dalam jangka masa panjang.
- 8.5.3.** Mengkaji semula pengeluaran Sijil Simpanan Tetap kepada peserta. Bagi tujuan pelaburan dan memudahkan pengurusan, adalah disyorkan satu akaun/tabung khas dibuka dan modal pokok pada kadar tertentu dimasukkan mengikut bilangan peserta yang berjaya.
- 8.5.4.** Menyediakan *Standard Operating Procedures* yang komprehensif sebagai rujukan utama pengurusan YAWAS dan Skim TAWAS.
- 8.5.5.** Memastikan kelangsungan sistem maklumat TAWAS dengan menyediakan *Business Continuity Plan* yang berkesan merangkumi kaedah penyimpanan data *back-up* yang teratur.



---

## BAHAGIAN II

# PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI



## **BAHAGIAN II**

## **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

### **9. PENDAHULUAN**

Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akta Syarikat) 2009 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkaitan. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan syarikat Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd., Rantaian Mesra Sdn. Bhd. dan De Palma Management Services Sdn. Bhd.. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan dilaporkan di **Bahagian ini**.

### **MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)**

### **10. PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN. BHD.**

#### **10.1. LATAR BELAKANG**

**10.1.1.** Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYSB) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 10 Mei 1999 merupakan sebuah syarikat subsidiari Menteri Besar Selangor [Pemerbadanan] (MBI) dengan pegangan saham 100% dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. PIYSB berpusat di Universiti Selangor (UNISEL), Kampus Shah Alam. Aktiviti utama PIYSB adalah pembangunan pendidikan terutamanya dalam sektor pendidikan swasta yang berorientasikan industri dan bertanggungjawab mengendalikan UNISEL dan INPENS International College (INPENS).

**10.1.2.** PIYSB memiliki modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM640,000. Visi PIYSB adalah untuk menjadi universiti terulung yang mendidik para profesional dan ilmuan yang mempunyai moral dan etika terpuji. Misi PIYSB adalah menyediakan persekitaran yang cemerlang untuk menjana profesional dan ilmuan yang kompeten, telus dan beretika.

**10.1.3.** Lembaga Pengarah PIYSB terdiri daripada 10 ahli iaitu Menteri Besar Selangor sebagai Pengurus, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, EXCO Pendidikan Tinggi Dan Pembangunan Modal Insan, Peguambela/Peguamcara, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Rakyat, Ketua Pegawai Eksekutif *Islamic Banking And Finance Institute Malaysia* dan 2 orang ahli korporat. Syarikat ini diketuai oleh Presiden atau Naib Canselor dan dibantu oleh 413 orang kakitangan akademik dan 405 orang kakitangan pentadbiran.

## **10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan PIYSB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

## **10.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama PIYSB. Aspek yang ditekankan ialah prestasi kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat. Semakan Audit dijalankan di pejabat PIYSB meliputi pengauditan terhadap dokumen, fail dan rekod yang berkaitan dari tahun 2008 hingga 2010. Analisis trend dan nisbah kewangan telah dijalankan secara perbandingan terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tempoh 3 tahun terkini iaitu tahun 2008 hingga 2010. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai PIYSB bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Lawatan telah dijalankan ke UNISEL Bestari Jaya dan Asrama UNISEL di Kota Puteri, Kuala Selangor.

## **10.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Januari 2012 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan PIYSB adalah tidak memuaskan kerana mengalami kerugian sebelum cukai, kerugian terkumpul dan jumlah liabiliti PIYSB telah meningkat pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Sungguhpun nisbah bilangan pengajar berbanding pelajar mencapai nisbah yang ditetapkan dan prestasi akademik pelajar adalah memuaskan, namun terdapat beberapa kelemahan aktiviti lain dan tadbir urus korporat seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran.
- Tuggakan yuran meningkat.
- Sebahagian kemudahan universiti tidak diselenggarakan dengan sempurna.
- Audit Dalam tidak berfungsi.
- Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan.
- Mesyuarat Agung Tahunan tidak dijalankan.
- *Standard Operating Procedures* tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

### **10.4.1. Prestasi Kewangan**

#### **10.4.1.1. Analisis Trend**

- a. Pada tahun 2010, PIYSB telah mengalami peningkatan kerugian sebelum cukai sebanyak 198.1% iaitu berjumlah RM37.63 juta berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM12.62 juta. PIYSB mencatatkan keuntungan terkumpul bagi tahun 2008

yang berjumlah RM5.97 juta dan kerugian terkumpul bagi tahun 2009 dan 2010 masing-masing berjumlah RM7.59 juta dan RM47.28 juta. PIYSB mengalami kerugian sebelum cukai bagi tahun kewangan 2010 disebabkan perkara berikut:

- i. Pendapatan utama PIYSB terdiri daripada yuran pendaftaran, yuran pengajian, yuran penginapan, yuran konvokesyen dan pendapatan daripada *Japanese Associate Degree*. Pendapatan PIYSB bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 masing-masing adalah berjumlah RM91.41 juta, RM89.35 juta dan RM71.82 juta. Pendapatan utama menurun 3 tahun berturut-turut dari tahun 2008 hingga ke 2010 adalah disebabkan bilangan kemasukan pelajar menurun.
- ii. Perbelanjaan PIYSB bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 masing-masing berjumlah RM83.53 juta, RM95.78 juta dan RM102.87 juta yang terdiri daripada bayaran perbelanjaan pentadbiran dan pelbagai perbelanjaan. Perbelanjaan meningkat dari tahun 2008 hingga ke 2010 disebabkan pembayaran gaji dan elaun, belanja susut nilai aset, pembaikpulihan/penyenggaraan, yuran bon pengurusan, perbelanjaan utiliti, sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta sewa yang tinggi.
- b. Kedudukan dan trend pendapatan dan perbelanjaan serta untung/rugi tahunan dan kerugian terkumpul PIYSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 10.1, Carta 10.1** hingga **Carta 10.3**.


**Jadual 10.1**  
**Pendapatan, Perbelanjaan, Untung/Rugi Serta Untung/Rugi Terkumpul PIYSB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan Aktiviti	91.41	89.35	71.82
Belanja Aktiviti	-	-	-
Untung Kasar	91.41	89.35	71.82
Pendapatan Lain	2.99	4.16	3.66
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	-83.53	-95.78	-102.87
Untung/Rugi Operasi	10.87	-2.27	-27.39
Kos Kewangan	-10.44	-10.35	-10.24
Untung/Rugi Sebelum Cukai	0.43	-12.62	-37.63
Cukai	-2.06	-0.93	-2.06
Untung/Rugi Selepas Cukai	-1.63	-13.56	-39.69
Untung/Rugi Terkumpul	5.97	-7.59	-47.28

Sumber: Penyata Kewangan PIYSB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

**Carta 10.1**

Trend Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai PIYSB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan PIYSB  
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

**Carta 10.2**


Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan PIYSB  
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan PIYSB  
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

**Carta 10.3**

Trend Untung/Rugi Terkumpul PIYSB  
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan PIYSB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

#### 10.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PIYSB, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 10.2**.

**Jadual 10.2**  
**Analisis Nisbah Kewangan PIYSB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	2:1	1.71:1	0.67:1
Margin Untung Bersih	0.5%	-13.5%	-49.9%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.004:1	-0.04:1	-0.1:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-2.54:1	-21.06:1	-61.66:1
Nisbah Hutang	98.3%	101.9%	111.9%

Sumber: Penyata Kewangan PIYSB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

#### a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana syarikat mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa ditunaikan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa PIYSB pada kadar 0.67:1 bagi tahun 2010 adalah tidak memuaskan. Nisbah ini semakin menurun dari tahun 2008 hingga 2010 iaitu masing-masing pada kadar 2:1, 1.71:1 dan 0.67:1. Nisbah ini menunjukkan PIYSB tidak berkemampuan untuk membayar liabiliti jangka pendek dengan menggunakan aset mudah tunainya.

#### b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit hasil yang dipungut dari perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil, ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati PIYSB telah mengalami margin kerugian sebanyak -13.5% dan -49.9% masing-masing bagi tahun 2009 dan 2010 berbanding tahun 2008 yang telah mencatat margin keuntungan 0.5%. Secara keseluruhan, margin untung bersih PIYSB adalah tidak memuaskan kerana pendapatan utama berkurangan dari tahun 2008 hingga 2010 dan peningkatan ketara dalam kos bukan operasi seperti komitmen bayaran *Build-Operate-And-Transfer*, pinjaman *Bai' Bithaman Ajil Islamic Debt Securities* dan bayaran kontrak penyenggaraan jangka panjang.

#### c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah pulangan ke atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan keupayaan pengurusan menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi di mana semakin tinggi nisbah, semakin berupaya/cekap syarikat menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan atas aset bagi tahun 2008 hingga 2010

adalah sangat tidak memuaskan kerana tiada pulangan diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pulangan atas aset bagi tahun 2010 adalah pada kadar -0.10:1 atau -10 sen bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Bagaimanapun, kadar ini adalah lebih tinggi daripada tahun 2008 dan 2009. Nisbah ini menunjukkan PIYSB tidak cekap dalam menguruskan aset yang dimiliki bagi menjana pendapatan operasi syarikat.

**d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Nisbah pulangan ke atas ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan semakin cekap syarikat menguruskan modalnya untuk menghasilkan keuntungan/pulangan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti adalah sangat tidak memuaskan kerana tiada pulangan diperoleh bagi 3 tahun berturut-turut bagi setiap ringgit modal yang digunakan masing-masing iaitu -2.54:1 atau -RM2.54, -21.06:1 atau -RM21.06 dan -61.66:1 atau -RM61.66 bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 pada setiap ringgit modal yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan PIYSB tidak cekap dalam menguruskan modal yang dilaburkan bagi memperoleh pulangan hasil yang tinggi.

**e. Nisbah Hutang**

- i. Nisbah ini merupakan pecahan daripada jumlah aset yang dibiayai oleh pembiutang untuk menjanakan keuntungan. Ia juga digunakan untuk mengukur kemampuan syarikat memenuhi obligasi kepada pembiutang. Nisbah hutang kurang daripada 100% dianggap memuaskan. Analisis Audit mendapati nisbah hutang PIYSB pada tahun 2010 adalah tidak memuaskan iaitu pada kadar 111.9% berbanding tahun 2009 dan 2008 iaitu masing-masing pada kadar 101.9% dan 98.3%. Ini menunjukkan peningkatan pinjaman yang diperlukan bagi menampung perolehan aset yang semakin bertambah. Kebergantungan pada pinjaman untuk pembiayaan aset menambahkan beban syarikat dan akan menjelaskan aliran tunai.
- ii. Menurut Standard Agensi Kelayakan Malaysia, Jabatan wajib mempunyai tatacara belanjawan dan perolehan yang memastikan bahawa sumber adalah mencukupi, di samping berupaya mengendalikan kewangan dengan cekap dan bertanggungjawab supaya mencapai objektifnya serta mengekalkan standard kualiti yang tinggi. Selain itu, menurut amalan terbaik, sesebuah syarikat hendaklah tidak bergantung kepada hutang/pinjaman/liabiliti untuk menjalankan operasi.

- iii. Analisis Audit mendapati jumlah liabiliti yang berjumlah RM439.17 juta pada tahun 2010 meningkat sebanyak 15.1% berbanding RM381.58 juta pada tahun 2009 seperti di **Jadual 10.3**.

**Jadual 10.3**

**Kedudukan Jumlah Liabiliti PIYSB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010**

Jenis Item	Tahun Kewangan		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Liabiliti Semasa	54.17	54.48	124.87
Liabiliti Jangka Panjang	332.73	327.10	314.30
<b>Jumlah</b>	<b>386.90</b>	<b>381.58</b>	<b>439.17</b>

Sumber: Penyata Kewangan PIYSB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

- iv. Antara pemutang utama ialah *Bai' Bithaman Ajil Islamic Debt Securities* - Affin Bank Berhad (RM150 juta), pemaju/kontraktor/penyenggara (RM263.60 juta) dan Kerajaan Negeri Selangor (RM73.31 juta). Jumlah liabiliti semasa berjumlah RM124.87 juta berbanding jumlah pendapatan sebanyak RM75.48 juta pada tahun 2010 menunjukkan PIYSB tidak mampu untuk menjelaskan liabiliti semasa.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan prestasi kewangan PIYSB adalah tidak memuaskan kerana mengalami kerugian selepas cukai bagi tahun 2008 hingga 2010 masing-masing berjumlah RM1.63 juta, RM13.56 juta dan RM39.69 juta dan mengalami penurunan trend analisis nisbah serta jumlah liabiliti PIYSB meningkat daripada tahun 2009 berjumlah RM381.58 juta kepada RM439.17 juta pada tahun 2010. Selain itu, PIYSB juga mengalami kerugian terkumpul bagi tahun 2009 dan 2010 masing-masing berjumlah RM7.59 juta dan RM47.28 juta. Ahli Lembaga Pengarah PIYSB perlu sentiasa memantau prestasi kewangan syarikat dan berusaha mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat ini.

#### 10.4.2. Pengurusan Aktiviti

**10.4.2.1.** Aktiviti utama PIYSB adalah berteraskan pembangunan pendidikan terutamanya di dalam sektor pendidikan swasta dan dilaksanakan oleh kedua-dua subsidiarinya iaitu UNISEL dan INPENS. Bagaimanapun, fokus pengauditan yang dijalankan adalah terhadap UNISEL kerana institusi tersebut melaksanakan program pengajian dari peringkat diploma hingga ke peringkat doktor falsafah. UNISEL ditubuhkan pada 24 Ogos 1999 oleh Kerajaan Negeri Selangor dan merupakan universiti swasta Kerajaan Negeri pertama di Malaysia. UNISEL beroperasi di 2 buah kampus iaitu di Shah Alam dan Bestari Jaya, Kuala Selangor.

**10.4.2.2.** UNISEL Kampus Bestari Jaya merupakan kampus induk yang menempatkan Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Fakulti

Bioteknologi & Sains Hayat. UNISEL Kampus Shah Alam adalah sebuah *city campus* yang menempatkan Fakulti Perniagaan, Fakulti Bioperubatan & Sains Kesihatan, Fakulti Komunikasi & Media, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, *Graduate School Of Management*, Sekolah Pengajian Siswazah dan Fakulti Pendidikan & Sains Sosial. Pengauditan dijalankan terhadap aktiviti utama PIYSB mendapatkan perkara seperti berikut:

#### **10.4.2.3. Pengambilan Pelajar Tidak Mencapai Sasaran Bagi Tahun 2010**

- a. Pelan perancangan strategik yang dirancang setiap 5 tahun mengambil kira sasaran kemasukan bilangan pelajar bagi setiap kursus yang ditawarkan. PIYSB telah menetapkan sasaran pengambilan pelajar pada setiap tahun berdasarkan pengambilan pelajar sebanyak 3 kali setahun. PIYSB menetapkan sasaran pelajar pada tahun 2010 berjumlah 11,895 orang. Analisis Audit terhadap pelajar yang mendaftar pada tahun 2010 mendapat jumlah pelajar tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan dengan seramai 1,962 orang (16.5%) di mana prestasi pencapaian pelajar yang berdaftar hanya 83.5% sahaja. Pada tahun 2011 pula, sungguhpun pengambilan pelajar mencapai sasaran yang ditetapkan, namun sasaran jumlah pelajar menurun dari tahun 2010 ke 2011 iaitu seramai 11,895 orang kepada 5,290 orang. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 10.4**.

**Jadual 10.4**  
**Jumlah Sasaran Pelajar UNISEL Berbanding Jumlah Pelajar Sebenar**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2011**

Tahun	Jumlah Pelajar (Orang)		Perbezaan (Orang) (A-B)	Peratus Perubahan Pelajar Berdaftar (%)	Sasaran Dicapai
	Sasaran (A)	Berdaftar (B)			
2008	*	12,273	-	-	-
2009	6,864	11,128	4,264	9.2	Ya
2010	11,895	9,933	-1,962	10	Tidak
2011	5,290	10,083	4,793	1.5	Ya

Sumber: Unit Rekod & Pengijazahan, Bahagian Pentadbiran Akademik, Pejabat Pendaftar UNISEL

\*Nota: Tiada maklumat

- b. Semakan Audit juga mendapat jumlah pelajar yang mendaftar di UNISEL mengalami penurunan sebanyak 9.2% pada tahun 2009 dan 10% pada tahun 2010. Ini adalah disebabkan oleh persaingan yang lebih kompetitif daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Bagaimanapun, jumlah pelajar telah meningkat sebanyak 1.5% pada tahun 2011 berbanding tahun 2010.

#### **10.4.2.4. Nisbah Bilangan Pengajar Berbanding Pelajar Fakulti Yang Memuaskan**

Menurut Standard Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), nisbah pengajar berbanding pelajar hendaklah bersesuaian dan memenuhi piawaian/akreditasi yang ditetapkan. Nisbah yang baik membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar. Semakan Audit terhadap nisbah bilangan pengajar berbanding pelajar mengikut fakulti bagi tahun 2010

mendapati 90% daripada fakulti di universiti ini mencapai nisbah yang ditetapkan oleh MQA. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 10.5**. Manakala nisbah pengajar berbanding pelajar secara keseluruhan juga memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti di **Jadual 10.6**.

**Jadual 10.5**

**Nisbah Bilangan Pengajar Berbanding Pelajar Mengikut Fakulti Bagi Tahun 2010**

Fakulti	Tahun 2010		Nisbah Sebenar Pengajar Berbanding Pelajar	Nisbah Yang Ditetapkan Oleh MQA	Memenuhi Kriteria MQA
	Bil. Pelajar	Bil. Pengajar			
<b>A. UNISEL Kampus Bestari Jaya</b>					
Fakulti Kejuruteraan	1,103	83	1:13	1:18	Ya
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	1,093	55	1:20	1:22	Ya
Fakulti Bioteknologi & Sains Hayat	667	64	1:10	1:22	Ya
<b>B. UNISEL Kampus Shah Alam</b>					
Fakulti Perniagaan	2,619	80	1:33	1:28	Tidak
Fakulti Bioperubatan & Sains Kesihatan	412	40	1:10	1:11	Ya
Fakulti Komunikasi & Media	419	25	1:17	1:28	Ya
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka	707	41	1:17	1:28	Ya
Graduate School Of Management	54	3	1:18	1:38	Ya
Sekolah Pengajian Siswazah	37	1	1:37	1:38	Ya
Fakulti Pendidikan & Sains Sosial	2,822	181	1:16	1:28	Ya
<b>Jumlah</b>	<b>9,933</b>	<b>573</b>			

Sumber: Pejabat Pendaftar UNISEL

**Jadual 10.6**

**Nisbah Bilangan Pengajar Berbanding Pelajar Secara Keseluruhan Bagi Tahun 2010**

Butiran	Jumlah Orang/Kadar
Bilangan Pengajar	573
Bilangan Pelajar	9,933
Nisbah Pengajar Berbanding Pelajar Sebenar	1:17
Nisbah Pengajar Berbanding Pelajar Yang Ditetapkan Oleh MQA	1:20


Sumber: Pejabat Pendaftar UNISEL

#### 10.4.2.5. Prestasi Akademik Pelajar

- Menurut amalan terbaik, kecemerlangan sesebuah institusi pengajian tinggi boleh diukur berdasarkan prestasi pencapaian akademik pelajar. Menurut Buku Peraturan Akademik, pelajar hanya layak dianugerahkan kelas ijazah setelah menepati syarat penganugerahan. Semakan Audit terhadap prestasi akademik pelajar UNISEL di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah mendapati prestasi akademik pelajar bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah memuaskan kerana terdapat peningkatan bilangan pelajar yang memperoleh Kelas Ijazah Kepujian Kelas Pertama, Kepujian Kelas Kedua (Tinggi) dan Kepujian Kelas Kedua (Rendah) seperti di **Carta 10.4**.

**Carta 10.4**

**Status Prestasi Akademik Pelajar Mengikut Kelulusan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**



Sumber: Pejabat Pendaftar UNISEL

- b. Berdasarkan maklumat di **Carta 10.4**, jumlah pelajar yang memperoleh Kelas Ijazah Kepujian Kelas Pertama menurun dari 100 orang pada tahun 2008 kepada 75 orang pada tahun 2009 dan telah meningkat kepada 154 orang pada tahun 2010. Selain itu, jumlah pelajar yang memperoleh Kepujian Kelas Kedua (Tinggi) pada tahun 2008 meningkat dari 995 orang kepada 1,020 orang pada tahun 2009 dan 2,121 orang pada tahun 2010. Bagi Kepujian Kelas Kedua (Rendah) pula, jumlah pelajar pada tahun 2008 adalah 1,119 orang meningkat kepada 1,227 dan 2,896 orang masing-masing pada tahun 2009 dan 2010.

#### 10.4.2.6. Tunggakan Yuran Meningkat

- a. Yuran pengajian yang dikenakan kepada pelajar adalah merupakan sumber pendapatan utama PIYSB bagi menampung perbelanjaan menjalankan operasi syarikat. Bagi melanjutkan pelajaran di UNISEL, terdapat agensi yang menyediakan kemudahan pinjaman pembelajaran kepada pelajar antaranya Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional, Majlis Amanah Rakyat, Yayasan Selangor, Kerajaan Negeri Selangor, Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah, Yayasan Terengganu dan Biasiswa Karangkraf. Menurut laporan baki hutang pelajar daripada Sistem Bestari setakat 15 November 2011, terdapat yuran tertunggak bagi pelajar yang telah tamat pengajian atau tidak menyambung pengajian sejumlah RM3.08 juta. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 10.7**.

**Jadual 10.7**  
**Tunggakan Yuran Bagi Tahun 2008 Hingga Bulan November 2011**

Bil. Konvokesyen/Tahun	Jumlah Pelajar (Orang)	Jumlah Hutang (RM)
3/2008	288	1,405,524
4/2009	165	625,605
5/2010	98	312,559
6/2011	879	734,042
<b>Jumlah</b>	<b>1,430</b>	<b>3,077,730</b>

Sumber: Pejabat Bendahari UNISEL

- b. Manakala bagi pelajar yang masih belum menamatkan pengajian, yuran tertunggak adalah berjumlah RM30.77 juta. Pihak Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan peningkatan tunggakan yuran ini adalah kerana pelajar menghadapi masalah kewangan dan tidak mendapat tajaan atau tiada jaminan mendapat pinjaman pelajaran. Bagi menangani masalah ini, PIYSB telah mengambil pelbagai tindakan antaranya menghantar surat peringatan dan tidak membenarkan pelajar meneruskan pengajian sekiranya tidak menjelaskan yuran tertunggak.

#### **10.4.2.7. Keretakan Bangunan Asrama Siswi Di UNISEL Bestari Jaya**

Lawatan Audit telah dibuat ke Asrama Siswi di Bestari Jaya, Kuala Selangor. Adalah didapati rekaan dan retakan berlaku di tingkat bawah luar bangunan Asrama Siswi di Blok J1, J2, J4 dan J5 seperti di **Gambar 10.1** hingga **Gambar 10.4**. Keadaan ini adalah disebabkan pembinaan UNISEL Bestari Jaya didirikan di kawasan bekas lombong yang mempunyai risiko kelonggaran struktur serta pergerakan air bawah tanah dan boleh menjelaskan keselamatan pelajar dan memberi impak terhadap keselesaan pelajar yang menghuni asrama berkenaan. Pihak pengurusan dan pemaju perlu mengambil tindakan untuk membaikpulih bangunan secepat mungkin. Mengikut *Concession Agreement: Cadangan Pembangunan Bina, Kendali dan Pindah Kediaman Pelajar Lelaki Dan Perempuan, Pusat Pelajar, Pusat Komuniti Pelajar, Taska Dan Kediaman Kakitangan*, kos pembaikan Asrama Siswi ini ditanggung oleh pemaju.

**Gambar 10.1**  
**Keretakan Di Blok J1 Asrama Siswi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Asrama Siswi, UNISEL Bestari Jaya  
Tarikh: 7 Disember 2011

**Gambar 10.2**  
**Keretakan Di Blok J2 Asrama Siswi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Asrama Siswi, UNISEL Bestari Jaya  
Tarikh: 7 Disember 2011

**Gambar 10.3**  
Keretakan Di Blok J4 Asrama Siswi



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Asrama Siswi, UNISEL Bestari Jaya  
Tarikh: 7 Disember 2011

**Gambar 10.4**  
Keretakan Di Blok J5 Asrama Siswi



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Asrama Siswi, UNISEL Bestari Jaya  
Tarikh: 7 Disember 2011

#### 10.4.2.8. Bangunan Asrama Kota Puteri Tidak Digunakan

- a. UNISEL telah membeli 113 unit Rumah Link 2 Tingkat dan 4 unit kedai di Seksyen 5, Kota Puteri di Kuala Selangor dari Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) secara ansuran melalui perjanjian jual beli (Perjanjian Induk) bertarikh 4 Februari 2010 bernilai RM21.71 juta. Menurut perjanjian jual beli, UNISEL perlu membayar ansuran sejumlah RM162,006 sebulan bagi pemilikan kedua jenis aset berkenaan. Perumahan Kota Puteri ini telah dibina pada tahun 2007 oleh PKNS. Lawatan Audit mendapati 113 unit rumah teres tidak diduduki oleh pelajar manakala 4 unit rumah kedai dan sebuah kafeteria yang didirikan terbiar kosong seperti di **Gambar 10.5** hingga **Gambar 10.8**.

**Gambar 10.5**


113 Unit Rumah Link 2 Tingkat Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kota Puteri, Kuala Selangor  
Tarikh: 7 Disember 2011

**Gambar 10.6**

Blok 04 Asrama UNISEL Kota Puteri



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kota Puteri, Kuala Selangor  
Tarikh: 7 Disember 2011

**Gambar 10.7**  
**Unit Rumah Kedai Terbiar Kosong**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kota Puteri, Kuala Selangor  
Tarikh: 12 Disember 2011

**Gambar 10.8**  
**Kafeteria Yang Tidak Digunakan  
Dan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kota Puteri, Kuala Selangor  
Tarikh: 7 Disember 2011

- b. Lawatan Audit juga mendapati terdapat rumah teres di blok 5 bernombor 4, 6, dan 8 telah dijadikan sebagai stor simpanan perabot asrama seperti katil besi, almari pakaian dan meja tulis yang tidak dilabelkan nombor siri pendaftaran. Sebahagian perabot berkenaan didapati usang dan perlu dihapus kira seperti di **Gambar 10.9** dan **Gambar 10.10**.

**Gambar 10.9**  
**Perabot Asrama Tidak Diberi  
Nombor Siri Pendaftaran**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kota Puteri, Kuala Selangor  
Tarikh: 7 Disember 2011

**Gambar 10.10**  
**Meja Yang Usang Perlu Dihapus Kira**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kota Puteri, Kuala Selangor  
Tarikh: 7 Disember 2011

- c. Bagaimanapun, didapati rumah teres ini berkeadaan baik dan dijaga oleh seorang petugas penyenggaraan pada waktu siang. Kegagalan UNISEL menyewakan rumah berkenaan adalah satu pembaziran kerana aset tersebut tidak menjana apa-apa pendapatan. Bayaran ansuran bulanan berjumlah RM162,006 ditanggung oleh UNISEL tanpa mendapat pulangan balik dari pelaburan yang dibuat. **Menurut maklum balas PIYSB pada 2 April 2012, pihak pengurusan telah memutuskan di dalam Mesyuarat Eksekutif Bilangan 6 Tahun 2010 untuk menyewakan asrama Kota Puteri kepada kakitangan, pelajar dan ibu bapa.**

#### **10.4.2.9. Loji Rawatan Kumbahan Dan Tangki Air Masih Belum Diserahkan Kepada Pihak IWK Dan SYABAS**

- a. Kos membangunkan Kampus Bestari Jaya, Kuala Selangor adalah berjumlah RM650 juta. Bagaimanapun, pembinaan kampus tersebut tidak siap sepenuhnya sejak mula beroperasi pada tahun 2005. Pengeluaran Sijil Layak Menduduki Bangunan untuk Bangunan Kampus UNISEL Bestari Jaya oleh Majlis Daerah Kuala Selangor adalah berserta syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak UNISEL. Di antara syarat utamanya adalah perlu mematuhi peraturan pihak berkuasa seperti Jabatan Perkhidmatan Pembentungan, Indah Water Konsortium (IWK), Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan sebagainya yang berkaitan ke atas Sistem Loji Rawatan Kumbahan dan Sistem Bekalan Air Kampus UNISEL Bestari Jaya. Semakan Audit mendapati sistem utiliti seperti loji rawatan kumbahan dan tangki air masih belum diserahkan kepada pihak IWK dan SYABAS. Pembinaan sistem utiliti ini tidak memenuhi peraturan sehingga tidak dapat diserahkan kepada pihak berkuasa kerana terdapat kerosakan sistem/komponen serta rumput/semak tinggi di loji rawatan kumbahan yang berkaitan seperti di **Gambar 10.11** hingga **Gambar 10.13**.

**Gambar 10.11  
Loji Rawatan Kumbahan  
Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Luar UNISEL Bestari Jaya  
Tarikh: 13 Disember 2011

**Gambar 10.12  
Loji Rawatan Kumbahan Yang Masih  
Belum Diserahkan Kepada IWK**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Luar UNISEL Bestari Jaya  
Tarikh: 13 Disember 2011

**Gambar 10.13  
Tangki Air Yang Masih Belum  
Diserahkan Kepada SYABAS**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Luar UNISEL Bestari Jaya  
Tarikh: 13 Disember 2011

- b. Selain itu, pihak konsultan projek yang terdahulu belum menguruskan dan menyempurnakan serahan sebahagian tanah yang menempatkan sistem utiliti untuk diwartakan sebagai rezab bekalan air dan rawatan kumbahan kepada Pejabat Tanah Dan Galian Selangor. Didapati paip air sepanjang 8 kilometer adalah sebahagian daripada jajaran paip bekalan air Kampus UNISEL dari Loji Bekalan Air Rantau Panjang SYABAS berada di luar kampus dan juga di atas tanah Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu, serahan tidak dapat dibuat kepada pihak berkuasa berkaitan dan pihak UNISEL bertanggungjawab terhadapnya. Kegagalan penyerahan sistem utiliti ini kepada pihak berkuasa berkaitan menyebabkan pihak UNISEL terpaksa menanggung kos dan risiko seperti baik pulih, senggara, operasi, kerosakan, saman kesalahan dan sebagainya secara berterusan. **Menurut maklum balas PIYSB pada 2 April 2012, bangunan hanya mendapat Partial Certificate Of Practical Completion walaupun semua kos pembinaan telah dijelaskan. Menurut surat bertarikh 17 Julai 2007, Undertaking Letter bagi Kelulusan Sijil Layak Menduduki oleh Ketua Pegawai Eksekutif PIYSB, segala kos pembaikan dan penyenggaraan melibatkan sistem pembetungan di Kampus UNISEL hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh PIYSB.**

Pada pendapat Audit, usaha menambahkan bilangan pelajar di masa akan datang perlu diutamakan untuk meningkatkan pendapatan PIYSB bagi menampung perbelanjaan operasi harian serta memperketatkan peraturan berkaitan dengan kutipan yuran bagi mengelakkan tunggakan yuran yang akan membawa kerugian kepada syarikat. Selain itu, usaha hendaklah dibuat bagi memastikan loji rawatan kumbahan dan tangki air diserahkan kepada IWK dan SYABAS dengan segera.

#### **10.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Tadbir urus korporat adalah merujuk kepada aktiviti mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

##### **10.4.3.1. Unit Audit Dalam**

Perenggan 1000 *Attribute Standards-International Standards For The Professional Practice Of Internal Auditing* menyatakan tujuan, kuasa dan tanggungjawab Audit Dalam hendaklah dinyatakan di dalam piagam, konsisten dengan peraturan/undang-undang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 menetapkan pelaksanaan Audit Dalam di syarikat induk dan subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati Audit Dalam PIYSB telah ditubuhkan tetapi jawatan tersebut tidak diisi. Oleh itu pengauditan tidak dijalankan.

#### **10.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menjelaskan garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bagi Syarikat Induk dan Subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Ia bertujuan meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat itu supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama dapat dipelihara sepenuhnya. Jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 ahli yang terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif syarikat dan pihak luar dari pengurusan syarikat. Pengurus Audit Dalam Syarikat Induk hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan perlu berpengalaman serta menjadi ahli badan profesional Institut Akauntan Malaysia (IAM). Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan sejak syarikat ditubuhkan pada tahun 1999 kerana Audit Dalam belum berfungsi.

#### **10.4.3.3. Pengurusan Kewangan**

Seksyen 167, Akta Syarikat 1965 antara lain menetapkan setiap syarikat, pengarah dan pengurus syarikat bertanggungjawab memastikan rekod kewangan disimpan dengan teratur bagi memudahkan pengauditan dijalankan. Rekod kewangan perlu disimpan bagi tempoh 7 tahun. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan pihak pengurusan syarikat Kerajaan perlu menyediakan dan mengemas kini peraturan berkaitan perbelanjaan syarikat bagi mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Pengauditan meliputi kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan sumber manusia dan pengurusan aset. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan PIYSB adalah seperti berikut:

- a. Penyata Kewangan PIYSB bagi tahun berakhir 2008 hingga 2010 yang telah diaudit oleh juruaudit luar bertauliah iaitu Tetuan A. Razak & Co. pada 27 September 2011 mendapat status sijil berteguran. Ini disebabkan juruaudit luar bertauliah tidak dapat mengesahkan penghutang, pelbagai penghutang, baki tunai dalam bank, deposit tetap, liabiliti jangka panjang serta hutang kepada Kerajaan Negeri yang berjumlah RM369.26 juta kerana dokumen sokongan tidak dikemukakan. Laporan Penyata Kewangan ini juga tidak dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan dan belum dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- b. *Standard Operating Procedures* berhubung aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset dan penyelenggaraan rekod kewangan telah disediakan oleh pihak PIYSB tetapi masih belum diluluskan oleh ahli Lembaga Pengarah.
- c. Sebanyak 16 daripada 50 bayaran berjumlah RM2.02 juta telah lewat dibuat melebihi 45 hari dan 9 bayaran berjumlah RM1.46 juta dilakukan tanpa disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

- d. Penyata Penyesuaian Bank hanya disediakan setakat tahun 2008 bagi 6 daripada 9 akaun syarikat. Penyata Penyesuaian Bank bagi tahun 2009 dan 2010 tidak dibuat dan Buku Tunai tidak diselenggarakan bagi tahun tersebut.
- e. Pengurusan aset adalah kurang memuaskan kerana PIYSB tidak menyelenggara daftar aset tetap dengan lengkap antaranya nombor siri pendaftaran dan lokasi aset tidak dicatatkan pada daftar tersebut.

**Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat PIYSB tidak memuaskan kerana Audit Dalam tidak berfungsi, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan serta kawalan perbelanjaan dan aset kurang memuaskan. Pihak PIYSB hendaklah mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat.**

#### **10.5. SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan PIYSB mengambil tindakan bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat. Ahli Lembaga Pengarah PIYSB perlu sentiasa memantau prestasi kewangan syarikat untuk mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat serta memastikan syarikat mematuhi peraturan Kerajaan Negeri serta Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat Malaysia.

## **11. RANTAIAN MESRA SDN. BHD.**

### **11.1. LATAR BELAKANG**

**11.1.1.** Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 5 Jun 2008 merupakan syarikat subsidiari Menteri Besar Selangor [Pemerbadanan] (MBI) dengan pegangan saham 100% dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan perundingan dan pengiklanan. Visi RMSB adalah untuk menjaga kebajikan rakyat Selangor melalui Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) bagi seluruh warga emas/Orang Kelainan Upaya (OKU) yang layak dan menetap di dalam Negeri Selangor/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Manakala misi RMSB adalah untuk menjadi entiti yang cemerlang dan berwibawa dalam menjaga kebajikan warga emas/OKU yang berdaftar dalam SMUE tanpa mengira jantina, kaum, agama, fahaman politik, status ekonomi dan kedudukan sosial mereka secara adil dan saksama. RMSB memiliki modal dibenarkan berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM2 juta. Lembaga Pengarah RMSB terdiri daripada 3 orang ahli iaitu Pegawai Kewangan Negeri Selangor sebagai pengurus, Ahli Dewan Negeri (ADUN) Meru dan ADUN Batu Tiga.

**11.1.2.** RMSB merupakan syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai penyelaras SMUE yang merupakan salah satu daripada program utama Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor yang dilancarkan pada tahun 2008. Sebagai penyelaras program, RMSB diberi tanggungjawab mendaftar warga emas/OKU yang layak menyertai program ini. Pembayaran kepada waris warga emas/OKU dibuat melalui Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) serta Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) yang berkaitan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri tanpa melibatkan dana syarikat RMSB. Setakat 31 Disember 2011, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM62.85 juta untuk membiayai aktiviti SMUE.

### **11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada status kewangan RMSB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

### **11.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat RMSB. Semakan Audit dijalankan di pejabat RMSB meliputi pengauditan terhadap dokumen, fail dan rekod yang berkaitan dari tahun 2008 hingga 2010. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai RMSB yang berkenaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Lawatan telah dijalankan di Pusat Khidmat DUN di Balakong, Rawang, Kuang dan Lembah Jaya serta PDT Hulu Langat, Kuala Selangor dan Petaling. Soal selidik juga telah dijalankan di kawasan Balakong, Rawang, Kuang dan Shah Alam. Analisis

terhadap status kewangan dilakukan secara perbandingan bagi tempoh 2 tahun berdasarkan Penyata Kewangan beraudit tahun 2009 dan draf Penyata Kewangan tahun 2010.

#### **11.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2011 mendapati:

- Status kewangan RMSB adalah lemah kerana kerugian sebelum cukai telah meningkat pada tahun 2010 iaitu berjumlah RM566,929 berbanding RM485,994 pada tahun 2009.
- Pengurusan aktiviti utama RMSB iaitu pendaftaran warga emas/OKU juga kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- Terdapat beberapa ketidakpatuhan tadbir urus korporat seperti pemantauan pembayaran tidak dapat dijalankan kerana tidak mempunyai surat arahan/penurunan kuasa sehingga berlaku beberapa kelemahan dalam pengurusan SMUE.

##### **11.4.1. Status Kewangan**

**11.4.1.1.** RMSB bukan sebuah entiti berdasarkan keuntungan tetapi berteraskan perkhidmatan kebajikan. Aktiviti utama RMSB adalah mendaftarkan warga emas/OKU, dalam SMUE tanpa sebarang caj. Oleh itu, RMSB tidak menjanakan sebarang pendapatan kecuali faedah daripada simpanan tetap dan dengan itu didapati status kewangan RMSB bagi tahun 2009 dan 2010 adalah lemah. Ini adalah kerana syarikat ini memperoleh kerugian sebelum cukai berjumlah RM566,929 pada tahun 2010 iaitu meningkat sebanyak 16.7% berbanding dengan tahun 2009 iaitu RM485,994. Manakala kerugian terkumpul bagi tahun 2009 dan 2010 masing-masing adalah berjumlah RM485,994 dan RM1.05 juta. Setakat 31 Disember 2010, baki tunai RMSB adalah berjumlah RM607,519.

**11.4.1.2.** Analisis Audit juga mendapati perbelanjaan operasi RMSB pada tahun 2010 yang berjumlah RM579,490 adalah lebih tinggi berbanding pada tahun 2009 berjumlah RM505,094 iaitu peningkatan sebanyak 14.7%. Peningkatan perbelanjaan ini adalah disebabkan tempoh tahun kewangan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah berbeza. Tempoh tahun kewangan 2009 adalah antara 1 Oktober 2008 hingga 31 Oktober 2009 (13 bulan). Manakala tempoh tahun kewangan 2010 adalah antara 1 November 2009 hingga 31 Disember 2010 (14 bulan). Ini menyebabkan RMSB mengalami peningkatan kerugian selepas cukai. Antara perbelanjaan yang menunjukkan peningkatan yang ketara adalah sewa pejabat, penyenggaraan kenderaan dan susut nilai aset tetap.


**11.4.1.3.** Kedudukan dan trend pendapatan dan perbelanjaan, kerugian tahunan serta kerugian terkumpul bagi tahun kewangan 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 11.1, Carta 11.1 dan Carta 11.2**.

**Jadual 11.1**  
**Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Kerugian**  
**Bagi Tahun Kewangan 2009 Dan 2010**

Butiran	Tahun Kewangan	
	2009	2010
	(RM)	(RM)
Pendapatan Aktiviti	-	-
Pendapatan Lain	19,100	12,561
Belanja Aktiviti	-	-
<b>Untung Kasar</b>	<b>19,100</b>	<b>12,561</b>
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	-505,094	-579,490
<b>Untung/Rugi Operasi</b>	<b>-485,994</b>	<b>-566,929</b>
Kos Kewangan	-	-
<b>Untung/Rugi Sebelum Cukai</b>	<b>-485,994</b>	<b>-566,929</b>
Cukai	-	-
<b>Untung/Rugi Selepas Cukai</b>	<b>-485,994</b>	<b>-566,929</b>
Kerugian Terkumpul	-485,994	-1,052,923


Sumber: Penyata Kewangan RMSB Tahun 2009 Dan 2010

**Carta 11.1**  
**Trend Kerugian Sebelum Cukai Dan**  
**Kerugian Terkumpul RMSB Bagi**  
**Tahun Kewangan 2009 Dan 2010**



Sumber: Penyata Kewangan RMSB Tahun 2009  
Dan 2010

**Carta 11.2**  
**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan RMSB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2009 Dan 2010**



Sumber: Penyata Kewangan RMSB Tahun 2009  
Dan 2010

Pada pendapat Audit, status kewangan RMSB adalah lemah kerana tidak mempunyai pendapatan daripada aktiviti pendaftaran SMUE. Aktiviti ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri sejak 1 Oktober 2008. Syarikat ini bergantung kepada geran daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) untuk menampung operasi hariannya. Analisis nisbah kewangan tidak dibuat kerana syarikat ini bukan sebuah entiti yang menjana keuntungan tetapi merupakan entiti yang berteraskan perkhidmatan kebajikan. Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula keperluan kewujudan RMSB atau merangka pelan strategi RMSB jangka masa pendek dan panjang sekiranya Program SMUE hendak diteruskan.

#### **11.4.2. Pengurusan Aktiviti Skim Usia Mesra Emas**

**11.4.2.1.** Program SMUE telah dilancarkan secara rasmi oleh Kerajaan Negeri pada 20 Jun 2008 dan beroperasi mulai 1 Oktober 2008. Skim ini merupakan skim khairat kematian berjumlah RM2,500 seorang yang diwujudkan khusus untuk menjaga kebajikan rakyat Negeri Selangor dengan membantu ahli keluarga warga emas/OKU yang meninggal dunia tanpa mengira jantina, kaum, agama, fahaman politik, status ekonomi dan kedudukan sosial mereka. Sebagai penyelaras Program SMUE, RMSB perlu memastikan seramai mungkin warga emas/OKU yang layak didaftarkan dan pendaftaran peserta SMUE dapat dilaksanakan dengan telus. Manakala pembayaran bagi program SMUE dibuat oleh PDT dan Pusat Khidmat DUN yang berkaitan melalui tabung amanah yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri pada 25 November 2008. Sejumlah RM1,000 (Fasa 1) akan dibayar oleh pihak Pusat Khidmat DUN selepas pengesahan laporan kematian dan dokumen lengkap dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh kematian. Manakala baki RM1,500 (Fasa 2) akan dibayar oleh PDT yang berkaitan dalam tempoh 60 hari selepas tarikh penyerahan bayaran pertama.

**11.4.2.2.** Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 29/2008 yang bermesyuarat pada 8 Oktober 2008 telah menetapkan syarat kelayakan bagi SMUE seperti berikut:

- a. Warga emas/OKU yang layak mendaftar adalah seorang warganegara Malaysia.
- b. Warga emas hendaklah berumur 60 tahun dan ke atas; atau
  - i. Lahir dan sedang menetap di Negeri Selangor; atau
  - ii. Lahir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974 DAN sedang menetap di Negeri Selangor atau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; atau
  - iii. Bermastautin di Negeri Selangor secara sah sekurang-kurang 15 tahun (bagi yang bukan kelahiran Negeri Selangor).
- c. Bagi OKU yang lahir di Negeri Selangor, tiada had umur ditetapkan. Bagi OKU kelahiran di luar Negeri Selangor atau lahir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selepas 1 Februari 1974, mereka juga perlu menetap di Negeri Selangor secara sah sekurang-kurang 15 tahun. Hanya OKU yang memiliki Kad OKU daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja yang layak untuk mendaftar.

**11.4.2.3.** Semakan Audit terhadap pendaftaran warga emas/OKU Program SMUE mendapati sasaran pendaftaran yang ditetapkan tidak tercapai. Menurut petunjuk prestasi utama Program SMUE, sasaran peratus penembusan yang ditetapkan oleh RMSB bagi tahap kesedaran rakyat terhadap program ini adalah sebanyak 70%. Mengikut statistik Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, jumlah warga emas bagi 9 kawasan DUN adalah seramai 236,179 orang. Daripada jumlah ini, hanya seramai 135,127 orang (57.2%) telah mendaftar dengan Program SMUE. Manakala seramai 101,052 orang (42.8%) masih

belum mendaftar dengan Program SMUE seperti di **Jadual 11.2**. Ini menunjukkan sasaran penembusan bagi tahap kesedaran rakyat terhadap program ini (70%) masih belum dicapai.

**Jadual 11.2**

**Pendaftaran Program SMUE Bagi Tahun 2011 Mengikut Daerah Sehingga 31 Disember 2011**

Pejabat Daerah	Bil. DUN	Jumlah Warga Emas/OKU	Jumlah Pendaftaran	Perbezaan	Peratus Pencapaian (%)
Sabak Bernam	4	14,085	9,550	4,535	67.8
Kuala Selangor	5	15,271	9,374	5,897	61.4
Kuala Langat	4	14,905	10,124	4,781	67.9
Gombak	6	24,051	15,283	8,768	63.5
Hulu Langat	9	37,171	23,293	13,878	62.7
Klang	9	38,433	24,359	14,074	63.4
Sepang	2	6,858	3,974	2,884	57.9
Hulu Selangor	3	11,630	5,752	5,878	49.5
Petaling	14	73,775	33,418	40,357	45.3
<b>Jumlah</b>	<b>56</b>	<b>236,179</b>	<b>135,127</b>	<b>101,052</b>	<b>57.2</b>

Sumber: Data e-mesra RMSB

**11.4.2.4.** Berdasarkan maklum balas daripada seramai 30 orang responden di kawasan Balakong, Rawang, Kuang dan Shah Alam terhadap soal selidik mengenai kejayaan Program SMUE yang diedarkan oleh pihak Audit, adalah didapati hanya seramai 53.3% mengetahui mengenai SMUE yang diuruskan oleh RMSB. Manakala 73.3% responden berpendapat penyampaian maklumat Program SMUE masih tidak mencukupi dan perlu ditingkatkan. Butiran lanjut hasil analisis Audit terhadap maklum balas yang diterima daripada 30 orang responden adalah seperti di **Jadual 11.3**.

**Jadual 11.3**

**Maklum Balas Terhadap Soal Selidik Kepuasan Pelanggan SMUE**

Perkara	Maklum Balas Responden					
	Ya		Tidak		Tiada Maklumat	
	Bil (Orang)	%	Bil (Orang)	%	Bil (Orang)	%
Adakah anda tahu mengenai Skim Mesra Usia Emas?	16	53.3	14	46.7	-	-
Adakah anda tahu bila skim ini dilancarkan?	12	40	18	60	-	-
Adakah anda tahu tempat di mana untuk mendaftar sebagai ahli skim ini?	14	46.7	16	53.3	-	-
Adakah anda tahu berapa jumlah yang akan diterima jika layak menyertai skim ini?	15	50	14	46.7	1	3.3
Adakah anda tahu syarat kelayakan untuk menyertai skim ini?	15	50	15	50	-	-
Adakah skim ini membantu anda dari segi kebaikan pengurusan jenazah?	17	56.7	13	43.3	-	-
Adakah syarat kelayakan yang digariskan itu mencukupi atau perlu dilonggarkan?	15	50	15	50	-	-
Adakah skim ini penting dan baik dijalankan secara berterusan?	20	66.7	10	33.3	-	-
Adakah pihak DUN memainkan peranan mereka dalam menjayakan program ini?	11	36.7	17	56.7	2	6.7
Adakah penyampaian maklumat mengenai skim ini kepada masyarakat memadai?	8	26.7	22	73.3	-	-

Sumber: Borang Soal Selidik Kepuasan Pelanggan SMUE, Jabatan Audit Negara

**11.4.2.5.** Pemantauan sesuatu kemajuan program hendaklah dilaksanakan secara berkala oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap entiti yang melaksanakan program. Semakan Audit mendapati RMSB tidak dapat membuat pemantauan secara fizikal terhadap Program SMUE yang melibatkan PDT dan Pusat Khidmat DUN. Ini adalah kerana RMSB tidak mempunyai surat arahan/penurunan kuasa daripada Kerajaan Negeri yang membolehkan pemantauan dibuat terhadap 2 entiti tersebut. Selain itu, tiada prosedur kerja yang jelas menyatakan tugas pemantauan yang patut dijalankan oleh pihak RMSB. Bidang kuasa pemantauan yang terhad ini menyebabkan beberapa kelemahan berlaku. Semakan Audit terhadap pengurusan bayaran di pusat khidmat DUN serta PDT pada 30 September 2011 mendapati perkara seperti berikut:

- a. Terdapat kes bayaran Fasa 1 lewat dibuat iaitu melebihi 14 hari. Di 9 daerah, adalah didapati jumlah hari menunggu yang tertinggi adalah antara 19 hingga 145 hari.
- b. Seramai 2,770 pemohon belum menerima bayaran berjumlah RM3.98 juta yang terdiri daripada bayaran Fasa 1 berjumlah RM0.35 juta dan bayaran Fasa 2 berjumlah RM3.63 juta. Jumlah ini telah meningkat kepada 3,109 pemohon dengan tunggakan bayaran berjumlah RM4.48 juta setakat 31 Disember 2011.
- c. Tadbir urus pengurusan aktiviti SMUE di 4 Pusat Khidmat DUN tidak memuaskan di mana petugas tidak memfailkan dokumen dan penyata bank dengan sempurna serta akaun Panjar Wang Runcit tidak diselenggarakan. Pusat Khidmat DUN yang terlibat adalah di Balakong, Rawang, Kuang dan Lembah Jaya.
- d. Rekuperan berjumlah RM1.09 juta yang telah direkup dan dihantar ke Perbendaharaan Negeri masih belum diterima oleh 3 PDT iaitu Hulu Langat, Kuala Selangor dan Petaling.

Pada pendapat Audit, usaha untuk menambah bilangan pendaftaran SMUE perlu dipergiatkan untuk memastikan semua kumpulan sasaran menikmati faedah daripada program ini. RMSB hendaklah mengadakan kaunter di hospital dan klinik, kompleks beli belah dan taman kediaman yang sering dikunjungi orang ramai untuk mempromosikan program ini. Iklan secara lebih meluas terutama di kawasan luar bandar juga perlu diperbanyakkan. Mekanisme pemantauan yang jelas perlu diwujudkan supaya objektif SMUE tercapai.

#### **11.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Tadbir urus korporat adalah merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati beberapa aspek berkaitan tadbir urus korporat tidak dipatuhi seperti berikut:

#### **11.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan mesyuarat Lembaga Pengarah perlu diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun untuk menjamin kepentingan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan. Kekerapan mesyuarat adalah di antara satu hingga 3 kali setahun iaitu 2 kali pada tahun 2008, 3 kali pada tahun 2009 dan sekali pada tahun 2010 dan 2011. Selain itu, minit Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak ditandatangani oleh Setiausaha syarikat dan Pengerusi RMSB. Malahan minit mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 1 Tahun 2011 yang diadakan pada 18 Januari 2011 masih belum disediakan.

#### **11.4.3.2. Unit Audit Dalam**

Perenggan 1000 *Attribute Standards-International Standards For The Professional Practice Of Internal Auditing* menyatakan tujuan, kuasa dan tanggungjawab Audit Dalam hendaklah dinyatakan di dalam piagam, konsisten dengan peraturan/undang-undang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 menetapkan pelaksanaan Audit Dalam di syarikat induk dan syarikat subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati Audit Dalam tidak pernah diwujudkan sejak RMSB ditubuhkan pada tahun 2008. Selain itu, RMSB juga tidak pernah diaudit oleh badan Audit lain di bawah arahan Kerajaan Negeri.

#### **11.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menjelaskan garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bagi syarikat induk dan syarikat subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Ia bertujuan meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat itu supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama dapat dipelihara sepenuhnya. Jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 ahli yang terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif syarikat dan pihak luar dari pengurusan syarikat. Pengurus Audit Dalam syarikat induk hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta perlu berpengalaman dan menjadi ahli badan profesional Institut Akauntan Malaysia (IAM). Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan sejak RMSB ditubuhkan pada tahun 2008.

#### **11.4.3.4. Standard Operating Procedures**

- a. Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat perlu mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur antaranya berhubung aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Semakan Audit mendapati SOP berhubung dengan perkara yang tersebut

di atas tidak disediakan oleh pihak RMSB. Kesan daripada ketiadaan SOP, pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

- i. Kawalan bayaran kurang memuaskan kerana terdapat bayaran yang dilakukan sama ada dengan menggunakan salinan baucar bayaran yang tidak disahkan atau yang tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Baucar bayaran dan bil/invois juga tidak dicop ‘Telah Bayar’.
  - ii. Pengurusan aset adalah kurang memuaskan kerana RMSB tidak menyelenggara Daftar Aset Tetap dengan lengkap seperti nombor siri pendaftaran dan lokasi aset tidak dicatatkan pada daftar tersebut. Selain itu, pemeriksaan fizikal yang dijalankan ke atas aset RMSB mendapati aset tidak ditandakan hak milik dan tidak dilabel dengan nombor siri pendaftaran.
- b. **Mengikut maklum balas RMSB pada 19 Jun 2012, SOP telah disediakan tetapi masih belum diluluskan oleh ahli Lembaga Pengarah.**

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat RMSB kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. RMSB hendaklah mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat.**

## **11.5. SYOR AUDIT**

Bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat, pihak Audit mengesyorkan Kerajaan Negeri dan Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB) mengambil langkah-langkah serta tindakan seperti berikut:

**11.5.1.** Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula keperluan kewujudan RMSB kerana sebagai penyelaras Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE), syarikat ini tidak menjana sebarang pendapatan dan bergantung sepenuh kepada geran Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) untuk menampung perbelanjaan operasinya. Sekiranya Program SMUE hendak diteruskan, Kerajaan Negeri perlu merangka pelan strategi RMSB jangka masa pendek dan panjang supaya syarikat ini *self-sustain* dan mempergiatkan usaha menambahkan pendaftaran Program SMUE untuk mencapai sasaran program agar objektif penubuhannya tercapai.

**11.5.2.** RMSB hendaklah mengadakan kaunter di hospital dan klinik, kompleks beli belah dan taman kediaman yang sering dikunjungi orang ramai untuk mempromosikan program ini. Iklan secara lebih meluas terutama di kawasan luar bandar perlu diperbanyakkan.

**11.5.3.** Kerajaan Negeri juga perlu mengadakan sistem pemantauan yang mantap terhadap pengurusan SMUE untuk memastikan kejayaan program.

**11.5.4.** RMSB hendaklah mematuhi segala peraturan dan pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan tadbir urus korporat.

## **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR**

### **12. DE PALMA MANAGEMENT SERVICES SDN. BHD.**

#### **12.1. LATAR BELAKANG**

**12.1.1.** De Palma Management Services Sdn. Bhd. (DPMS) atau nama asalnya Glazed Impression Sdn. Bhd. ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 17 April 1995. Syarikat ini merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dengan modal saham utama dibenarkan RM2.50 juta dan modal berbayar berjumlah RM1 juta manakala modal saham biasa dibenarkan berjumlah RM7.50 juta dan modal berbayar berjumlah RM5 juta. Visi DPMS adalah untuk menjadi hotel pilihan yang menawarkan perkhidmatan dan produk yang menjurus ke arah pematuhan syariah. Manakala misi DPMS ialah bertekad memperoleh bahagian pasaran dan keuntungan yang tertinggi dengan menawarkan produk syariah dalam perniagaan kepada pelanggan korporat dan pelancong muslim. Aktiviti perniagaan utama DPMS adalah pengurusan hotel merangkumi penyewaan bilik penginapan, perkhidmatan pencucian, pengurusan kafeteria, penyenggaraan dan keselamatan bangunan. DPMS menguruskan Rangkaian Hotel De Palma (RHDP) iaitu Hotel De Palma Ampang (DPA), Hotel De Palma Shah Alam (DPSA), Hotel De Palma Kuala Selangor (DPKS) dan Hotel De Palma Sepang (DPS). Pada tahun 2011, DPMS telah membuka cawangan Hotel De Palma di Kuching, Sarawak (DPWK).

**12.1.2.** Mulai tahun 2011, Lembaga Pengarah DPMS terdiri daripada 3 orang ahli iaitu Timbalan Pengurus Besar Perhubungan Korporat PKNS sebagai Pengerusi, Setiausaha Kerja PKNS dan YB Ahli Parlimen Kuala Langat sebagai Ahli. DPMS diketuai oleh seorang Pengurus Besar Kumpulan dan dibantu oleh seramai 166 pegawai dan kakitangan.

#### **12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan DPMS adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

#### **12.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama syarikat dengan tujuan untuk menentukan sama ada wang yang disumbangkan oleh PKNS melalui syarikat subsidiarinya, DPMS telah diuruskan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Aspek yang ditekankan ialah prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Pengauditan dijalankan di pejabat DPMS Ampang dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan dari tahun 2009 hingga 2011. Analisis trend dan nisbah kewangan

telah dilakukan secara perbandingan terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tempoh 3 tahun terkini iaitu tahun dari 2008 hingga 2010. Skop pengauditan diperluaskan sebelum tahun 2009 seperti di peringkat penubuhan syarikat. Selain itu, temu bual diadakan dengan pegawai DPMS dan Bahagian Korporat PKNS yang berkenaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Sebanyak 150 borang soal selidik kepuasan pelanggan telah diedarkan kepada pengunjung yang menginap di DPA. Pemeriksaan Audit terhadap peralatan dan aset dilaksanakan di pejabat DPMS. Lawatan Audit ke hotel DPKS dan DPS juga dijalankan bagi mendapat gambaran sebenar kemajuan aktiviti.

## **12.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan terhadap DPMS yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan DPMS adalah memuaskan kerana keuntungan DPMS menunjukkan peningkatan dan boleh dipertingkatkan lagi untuk memberi pulangan yang berterusan kepada pemegang saham. Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2010 berjumlah RM0.91 juta meningkat sejumlah RM1.75 juta berbanding tahun 2009 yang telah mengalami kerugian berjumlah RM0.84 juta dan menurun sejumlah RM2.09 juta berbanding keuntungan tahun 2008 berjumlah RM3 juta. Keuntungan terkumpul pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM1.97 juta. Pengurusan aktiviti utama DPMS adalah sederhana memuaskan manakala pengurusan tadbir urus korporat DPMS pula kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Prestasi keuntungan dan kadar penginapan bilik RHDP tidak mencapai sasaran.
- Pengurusan pengiklanan dan promosi yang tidak menyeluruh.
- Terdapat ketidakpatuhan terhadap beberapa aspek tadbir urus korporat yang ketara.

### **12.4.1. Prestasi Kewangan**

#### **12.4.1.1. Analisis Trend**

- a. Pada tahun 2009, DPMS mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.84 juta. Namun pada tahun 2008 dan 2010, DPMS mencatatkan keuntungan sebelum cukai masing-masing berjumlah RM3 juta dan RM0.91 juta. Kerugian yang ditanggung bagi tahun 2009 adalah disebabkan berlakunya peningkatan dalam jumlah perbelanjaan dan penurunan jumlah pendapatan. Pendapatan syarikat menurun sejumlah RM0.35 juta (1.5%) manakala peningkatan dalam perbelanjaan pula adalah berjumlah RM3.49 juta (16.9%). Pada tahun 2010, jumlah pendapatan meningkat sejumlah RM2.47 juta (10.6%) berbanding tahun 2009. Manakala jumlah perbelanjaan meningkat sejumlah RM0.72 juta (3%). Sehingga 31 Disember 2010, keuntungan terkumpul DPMS adalah RM1.97 juta.

- b. Pendapatan syarikat pada tahun 2008 adalah berjumlah RM23.66 juta dan menurun kepada RM23.31 juta pada tahun 2009 tetapi meningkat kembali kepada RM25.78 juta pada tahun 2010. Analisis Audit mendapati penurunan pendapatan sejumlah RM0.35 juta (1.5%) pada tahun 2009 disebabkan penurunan penyewaan bilik hotel (2008:RM10.46 juta, 2009:RM9.93 juta). Manakala pada tahun 2010, peningkatan pendapatan sejumlah RM2.47 juta (10.6%) disebabkan peningkatan dalam penjualan makanan dan minuman melalui majlis yang dijalankan seperti mesyuarat, seminar, persidangan, makan malam dan majlis perkahwinan. Berdasarkan **maklum balas pada 22 Februari 2012**, antara punca penurunan pendapatan bagi tempoh 3 tahun ialah dasar Kerajaan memotong perbelanjaan yang melibatkan pengajuran program latihan, mesyuarat dan seminar di hotel, penularan penyakit selesema burung dan H1N1 di beberapa negara dan penutupan kolam renang DPKS bagi pembinaan kolam renang baru.
- c. Analisis Audit terhadap perbelanjaan DPMS pula mendapati berlaku peningkatan ketara terhadap jumlah perbelanjaan pada tahun 2009. Perbelanjaan syarikat pada tahun 2008 yang berjumlah RM20.66 juta telah meningkat kepada RM24.15 juta pada tahun 2009 dan terus meningkat kepada RM24.87 juta pada tahun 2010. Peningkatan sejumlah RM3.49 juta (16.9%) pada tahun 2009 disebabkan PKNS telah membuat semakan semula sewa bangunan yang disewa oleh DPMS dari tahun 2001 hingga 2008. Ini menyebabkan DPMS menanggung sewa terakru sejumlah RM3.40 juta (97.4%). Bagaimanapun, pada tahun 2010, perbelanjaan DPMS hanya meningkat sebanyak RM0.72 juta (3%) daripada tahun 2009. Peningkatan jumlah perbelanjaan ini antaranya disumbangkan oleh peningkatan dalam kos jualan sejumlah RM2.12 juta (2010:RM12.78 juta, 2009:RM10.66 juta) yang terdiri daripada antaranya peningkatan dalam perbelanjaan dewan *banquet* sejumlah RM0.28 juta (13.2%) dan kos pembelian bahan mentah makanan dan minuman sejumlah RM1.10 juta (51.9%).
- d. Pada tahun 2009, DPMS telah memperoleh keuntungan terkumpul berjumlah RM1.35 juta iaitu menurun sejumlah RM0.58 juta dibandingkan dengan tahun 2008 yang berjumlah RM1.93 juta, tetapi telah meningkat semula pada tahun 2010 kepada RM1.97 juta.
- e. Kedudukan dan trend pendapatan, perbelanjaan dan untung/rugi tahunan serta keuntungan terkumpul DPMS bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 12.1**, **Carta 12.1** dan **Carta 12.2**.

**Jadual 12.1**


Pendapatan, Perbelanjaan Serta Untung/Rugi Dan Keuntungan Terkumpul DPMS Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun Kewangan		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan Aktiviti	23.29	22.92	25.35
Belanja Aktiviti	-11.07	-10.65	-12.78
<b>Untung Kasar</b>	<b>12.22</b>	<b>12.27</b>	<b>12.57</b>
Pendapatan Lain	0.37	0.39	0.43
Belanja Am, Pentadbiran Operasi	-9.53	-13.48	-11.93
<b>Untung/Rugi Operasi</b>	<b>3.06</b>	<b>-0.82</b>	<b>1.07</b>
Kos Kewangan	-0.06	-0.02	-0.16
<b>Untung/Rugi Operasi Sebelum Cukai</b>	<b>3.00</b>	<b>-0.84</b>	<b>0.91</b>
Cukai	-0.91	0.26	-0.29
<b>Untung/Rugi Selepas Cukai</b>	<b>2.09</b>	<b>-0.58</b>	<b>0.62</b>
<b>Untung/Rugi Terkumpul</b>	<b>1.93</b>	<b>1.35</b>	<b>1.97</b>

Sumber: Penyata Kewangan DPMS Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

**Carta 12.1**


Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Keuntungan Terkumpul DPMS Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan DPMS Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

**Carta 12.2**

Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan DPMS Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan DPMS Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

#### 12.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan DPMS, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata

Pendapatan DPMS bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis Audit adalah seperti di **Jadual 12.2**.

**Jadual 12.2**  
**Analisis Nisbah Kewangan DPMS Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	2.8:1	3.0:1	2.8:1
Margin Untung Bersih	12.7%	-3.6%	3.5%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.17:1	-0.04:1	0.04:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.35:1	-0.10:1	0.10:1

Sumber: Penyata Kewangan DPMS Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

#### a. **Nisbah Semasa**

Nisbah semasa digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa DPMS bagi tahun kewangan 2009 adalah 3:1 berbanding 2.8:1 bagi tahun 2008 manakala nisbah semasa bagi tahun 2010 adalah 2.8:1. Ini menunjukkan kemampuan aset semasa DPMS ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek dan menjadikan kecairan kewangan DPMS adalah sangat memuaskan.

#### b. **Margin Untung Bersih**

Margin untung bersih adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur kadar keuntungan bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh daripada aktiviti perniagaan utama sesebuah syarikat. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik. Semakin tinggi margin bermakna syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati margin keuntungan sebelum cukai pada tahun 2009 adalah pada kadar -3.6% menurun berbanding tahun 2008 yang mencatatkan keuntungan pada kadar 12.7%. Namun margin ini telah meningkat semula pada tahun 2010 pada kadar 3.5%. Margin keuntungan DPMS adalah sederhana memuaskan dan boleh dipertingkatkan.

#### c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset**

Nisbah pulangan ke atas aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati kadar pulangan

keuntungan daripada penggunaan aset pada tahun 2008 adalah sebanyak 0.17:1 atau 17 sen daripada setiap ringgit aset yang digunakan lebih tinggi berbanding tahun 2009, di mana DPMS tidak mendapat pulangan daripada penggunaan aset. Pada tahun 2010, kadar pulangan atas aset adalah 0.04:1 atau 4 sen daripada setiap ringgit aset yang digunakan. Kadar pulangan atas aset yang rendah menunjukkan prestasi DPMS mengurus aset bagi menjana keuntungan adalah tidak memuaskan.

#### **d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Nisbah pulangan ke atas ekuiti bertujuan mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemiliknya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan atas ekuiti pada tahun 2008 adalah sebanyak 0.35:1 atau 35 sen bagi setiap ringgit modal yang digunakan lebih tinggi berbanding tahun 2009 di mana DPMS mengalami kerugian sebanyak 0.10:1 atau -10 sen daripada setiap ringgit modal yang digunakan. Namun pada tahun 2010, kadar pulangan atas ekuiti adalah sebanyak 0.10:1 atau 10 sen bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Kadar pulangan atas ekuiti tersebut masih tidak memuaskan dan perlu dipertingkatkan.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan DPMS adalah memuaskan kerana menunjukkan peningkatan dan boleh dipertingkatkan lagi supaya dapat memberi pulangan yang berterusan kepada pemegang saham. DPMS hendaklah mengukuhkan prestasi kewangan dan memberi pulangan dividen yang tinggi kepada PKNS.**

#### **12.4.2. Pengurusan Aktiviti Rangkaian Hotel De Palma**

DPMS ditubuhkan untuk menguruskan RHDP di Ampang, Shah Alam, Kuala Selangor dan Sepang. DPMS telah melantik sebuah syarikat swasta sebagai pengendali hotel bagi semua rangkaian hotelnya. Perjanjian terbaru antara DPMS dengan syarikat swasta telah ditandatangani pada 1 Januari 2005 bagi tempoh 10 tahun bermula pada 1 Januari 2005 hingga bulan Disember 2014. Bagaimanapun, hotel di Sepang telah berhenti operasi pada bulan Oktober 2010 dan bangunan tersebut telah disewakan kepada syarikat swasta untuk dijadikan akademi latihan perhotelan syariah. Semakan Audit terhadap aktiviti DPMS mendapati perkara berikut:

##### **12.4.2.1. Prestasi Keuntungan Tidak Mencapai Sasaran**

- a. Jumlah pendapatan bagi tempoh 2009 hingga 2011 adalah RM74.66 juta. Setelah ditolak perbelanjaan operasi, jumlah untung kasar adalah RM38.44 juta seperti di **Jadual 12.3**.

**Jadual 12.3**  
**Analisis Keuntungan Aktiviti Rangkaian Hotel De Palma Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011**

Butiran	Tahun			Jumlah (RM Juta)
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	
Pendapatan	22.92	25.35	26.39	74.66
Perbelanjaan	-10.62	-12.78	-12.79	-36.22
Untung Kasar	12.27	12.57	13.60	38.44

Sumber: Penyata Kewangan Hotel De Palma

- b. Prestasi keuntungan pengurusan RHDP bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 12.4**. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, prestasi keuntungan aktiviti utama tidak konsisten serta tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2009, 2010 dan 2011. Pada tahun 2010, DPA, DPSA dan DPKS tidak mencapai sasaran manakala DPS telah mengalami kerugian. Pada tahun 2011, semua hotel tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

**Jadual 12.4**  
**Prestasi Keuntungan Rangkaian Hotel De Palma Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Aktiviti	2009			2010			2011		
	Sasaran (RM Juta)	Sebenar		Sasaran (RM Juta)	Sebenar		Sasaran (RM Juta)	Sebenar	
		(RM Juta)	Prestasi (%)		(RM Juta)	Prestasi (%)		(RM Juta)	Prestasi (%)
DPA	3.71	3.81	102.7	4.01	3.26	81.3	3.79	3.52	92.9
DPSA	1.45	0.50	34.5	1.28	0.93	72.7	2.11	1.50	71.1
DPKS	0.36	0.47	130.6	0.49	0.01	2.04	0.41	0.20	48.4
DPS	0.18	0.05	27.8	0.09	-0.14	-155.6	Tutup		
Jumlah	5.70	4.83	84.7	5.87	4.06	69.2	6.31	5.22	82.7

Sumber: Bajet Bagi Tahun 2009, 2010 Dan 2011 Serta Penyata Kewangan DPMS Bagi Tahun 2009 Dan 2010

- c. Semakan Audit juga mendapati penyumbang utama terhadap keuntungan syarikat dari tahun 2009 hingga 2011 adalah DPA dan DPSA masing-masing sebanyak 75% dan 20.7% daripada keuntungan keseluruhan. Prestasi keuntungan DPKS dan DPS menunjukkan prestasi semakin merosot. Prestasi aktiviti perhotelan perlu dipertingkatkan terutamanya DPKS selaras dengan pengalaman dan kepakaran pengendali hotel DPMS.
- d. Semakan lanjut telah dibuat ke atas prestasi keuntungan DPA dan DPKS mengikut pecahan aktiviti bagi tahun 2009 hingga 2011. Butiran lengkap seperti di **Jadual 12.5** dan **Jadual 12.6**.

**Jadual 12.5**

Prestasi Keuntungan Mengikut Aktiviti Hotel De Palma Ampang  
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Aktiviti	2009			2010			2011		
	Sasaran (RM Juta)	Sebenar		Sasaran (RM Juta)	Sebenar		Sasaran (RM Juta)	Sebenar	
		(RM Juta)	Prestasi (%)		(RM Juta)	Prestasi (%)		(RM Juta)	Prestasi (%)
Bilik Hotel	5.28	4.57	86.6	5.29	4.92	93.0	5.66	5.06	89.4
Makanan Dan Minuman	2.27	2.46	108.4	2.73	1.96	71.8	2.71	2.42	89.3
Lain-lain	0.71	1.07	150.7	1.06	0.99	93.4	0.89	0.84	94.4
<b>Jumlah</b>	<b>8.26</b>	<b>8.1</b>	<b>98.1</b>	<b>9.08</b>	<b>7.87</b>	<b>86.7</b>	<b>9.26</b>	<b>8.32</b>	<b>89.8</b>

Sumber: Bajet Dan Penyata Kewangan DPMS Tahun 2009, 2010 Dan 2011

**Jadual 12.6**

Prestasi Keuntungan Mengikut Aktiviti Hotel De Palma Kuala Selangor  
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Aktiviti	2009			2010			2011		
	Sasaran (RM Juta)	Sebenar		Sasaran (RM Juta)	Sebenar		Sasaran (RM Juta)	Sebenar	
		(RM Juta)	Prestasi (%)		(RM Juta)	Prestasi (%)		(RM Juta)	Prestasi (%)
Bilik Hotel	1.00	0.87	87.0	2.12	1.83	86.3	1.12	0.73	65.2
Makanan Dan Minuman	0.34	0.43	126.5	1.07	1.63	152.3	0.55	0.58	105.5
Lain-lain	0.10	0.10	100.0	0.68	0.53	77.9	0.08	0.14	175
<b>Jumlah</b>	<b>1.44</b>	<b>1.40</b>	<b>97.2</b>	<b>3.87</b>	<b>3.99</b>	<b>103.1</b>	<b>1.75</b>	<b>1.45</b>	<b>82.8</b>

Sumber: Bajet Dan Penyata Kewangan DPMS Tahun 2009, 2010 Dan 2011

- e. Analisis Audit terhadap maklumat seperti jadual di atas mendapati pada keseluruhannya prestasi keuntungan aktiviti DPA bagi perkhidmatan sewa bilik adalah memuaskan iaitu antara 86.6% hingga 93%. Bagaimanapun, prestasi keuntungan bagi jualan minuman dan makanan telah mencapai sasaran bagi tahun 2009 sahaja. Manakala bagi DPKS, prestasi keuntungan bagi sewa bilik tidak mencapai sasaran bagi tahun 2009 hingga 2011 iaitu antara 65.2% hingga 87%. Prestasi keuntungan jualan makanan dan minuman mencapai sasaran bagi tahun 2009 hingga 2011.

#### 12.4.2.2. Sasaran Kadar Penginapan Kumpulan Tidak Tercapai

- a. Kadar penginapan bilik adalah pengukur prestasi yang biasanya digunakan untuk mengukur bilangan bilik yang berjaya disewakan berbanding dengan jumlah bilik sedia ada di sebuah hotel bagi sesuatu tempoh. Berdasarkan Jadual 12.7, analisis Audit menunjukkan secara keseluruhan kadar penginapan kumpulan (*group occupancy rate*) bagi tahun 2009 hingga 2011 sederhana memuaskan walaupun tidak mencapai sasaran kadar penginapan kumpulan yang telah ditetapkan oleh DPMS.

- b. Pada tahun 2009, RHDP mencatatkan jumlah kadar penginapan iaitu 57.6%, menurun pada tahun 2010 iaitu 54.3% tetapi meningkat kepada 57.6% pada tahun 2011. Kadar penginapan bilik dalam tempoh 3 tahun menunjukkan pencapaian sasaran secara tidak konsisten. Penurunan ini disebabkan jumlah bilangan bilik diduduki pada tahun 2009 hingga 2011 adalah lebih rendah daripada sasaran yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan bahawa DPMS hanya menggunakan aset fizikal serta fasiliti hotel pada kadar antara 54.3% hingga 57.6% sahaja sepanjang tahun 2009 hingga 2011. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 12.7**.

**Jadual 12.7**

**Prestasi Kadar Penginapan Kumpulan Hotel De Palma Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Perkara	2009			2010			2011		
	Sasaran (%)	Sebenar (%)	Prestasi (%)	Sasaran (%)	Sebenar (%)	Prestasi (%)	Sasaran (%)	Sebenar (%)	Prestasi (%)
Kadar Penginapan Kumpulan	64.8	57.6	88.9	64.3	54.3	84.5	65.3	57.6	88.2

Sumber : Bajet Dan Rekod Kewangan DPMS Tahun 2009 Hingga 2011

- c. Analisis Audit terhadap prestasi pengendali hotel secara keseluruhan bagi tempoh 3 tahun mulai tahun 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 12.8** juga mendapati purata kadar penginapan (*average occupancy rate*) tidak mencapai sasaran seperti yang ditetapkan oleh DPMS bagi kesemua hotel antara 59.8% hingga 96.6%. Antara faktor tidak mencapai sasaran adalah seperti di perenggan 12.4.4.1 (b) dan (c).

**Jadual 12.8**

**Prestasi Purata Kadar Penginapan Mengikut Hotel De Palma Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Rangkaian Hotel	Prestasi Purata Kadar Penginapan(%)		
	2009	2010	2011
DPA	96.6	86.9	95.1
DPSA	82.2	89.1	95.9
DPKS	85.0	59.8	92.2
DPS	67.3	75.2	Tutup

Sumber: Bajet Dan Rekod Kewangan DPMS Tahun 2009 Hingga 2011

- d. Pihak DPMS dan PKNS sewajarnya membuat pemantauan yang lebih berkesan serta menjalankan kajian terhadap prestasi syarikat swasta untuk menentukan bahawa syarikat berkenaan masih relevan dan berdaya saing untuk menjadi pengendali hotel. Ini adalah kerana mengikut analisis yang dibuat oleh pihak Audit, prestasi syarikat ini adalah sederhana memuaskan. Selain itu, didapati pegawai yang sama dari syarikat ini juga turut memegang jawatan di DPMS.

#### **12.4.2.3. Pengurusan Aktiviti Pengiklanan Dan Promosi Tidak Memuaskan**

- a. DPMS ada menyediakan bajet tahunan bagi tujuan pengiklanan dan promosi untuk kesemua RHDP yang berjumlah RM1.58 juta bagi tahun 2009 hingga 2011 di mana

sejumlah RM1.31 juta telah dibelanjakan. Antara aktiviti pengiklanan dan promosi yang dijalankan adalah seperti percetakan brosur dan risalah, promosi melalui iklan televisyen dan radio, program kesetiaan pelanggan, pameran dagangan, cenderahati korporat dan lain-lain. Selain itu, promosi juga dibuat di media cetak seperti *New Straits Times*, Sinar dan Raja Sehari.

- b. Analisis Audit mendapati dari tahun 2009 hingga bulan November 2011, aktiviti pengiklanan dan promosi hotel giat dijalankan melalui *public relation and promotional activities* untuk kesemua RHDP. Pada tahun 2009, aktiviti pengiklanan melalui percetakan brosur dan risalah serta media cetak hanya tertumpu kepada DPA dan DPSA. Manakala pada tahun 2009 dan 2010, promosi melalui percetakan *banner* dan papan iklan hanya tertumpu kepada DPA sahaja. Tiada aktiviti promosi melalui televisyen, radio dan laman sesawang syarikat dibuat bagi DPKS dan DPS bagi tahun 2009 hingga bulan November 2011.
- c. Kesan terhadap promosi dan iklan yang dijalankan didapati kurang menyerlah kerana prestasi keuntungan RHDP masih tidak konsisten dan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan walaupun berlaku peningkatan perbelanjaan dalam aktiviti pengiklanan dan promosi. Hanya DPA dan DPSA sahaja yang menyumbang peningkatan keuntungan dari tahun 2009 hingga 2010. Manakala prestasi keuntungan DPKS dan DPS berterusan tidak memberangsangkan. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada soal selidik yang diedarkan, hanya 33% pengunjung mengetahui tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh Hotel De Palma melalui laman sesawang hotel. Selain itu, **berdasarkan maklum balas DPMS bertarikh 29 Februari 2012, agihan peruntukan promosi adalah berdasarkan jumlah bilik dan kemudahan banquet yang disediakan. DPMS juga turut mengadakan pameran dan lawatan jualan berbagai acara di dalam dan di luar negara serta pada masa yang sama semua property akan dipromosikan dan dijual secara bersepada.** Pada bulan Mei 2011, DPMS telah menujuhkan Jawatankuasa e-marketing bagi mempertingkatkan kegunaan jaringan sosial antaranya Twitter, Facebook dan Online Travel Agent untuk mempermudahkan pelanggan membuat tempahan ke atas semua produk perkhidmatan hotel.

#### **12.4.2.4. Penyenggaraan Hotel**

Pihak pengurusan hotel hendaklah memastikan penyenggaraan keseluruhan kemudahan hotel dan keselamatan hotel telah dilaksanakan bagi memastikan keselamatan keseluruhan bangunan hotel adalah selamat dan semua kemudahan yang disediakan berfungsi dengan sempurna.

##### **a. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan**

- i. Semakan Audit mendapati DPA telah melantik syarikat keselamatan bagi tempoh 30 Jun hingga 31 Disember 2011 yang diuruskan oleh Bahagian Pentadbiran dan

telah diluluskan oleh mesyuarat Lembaga Pengarah DPMS. Kadar bayaran yang dikenakan oleh syarikat keselamatan tersebut adalah RM5 sejam bagi setiap 12 jam sehari. Perkhidmatan kawalan keselamatan dikehendaki menyediakan sistem kawalan dalaman keselamatan melalui rondaan yang beroperasi selama 24 jam. Seramai 4 orang pegawai keselamatan telah ditugaskan pada setiap hari. Manakala tanggungjawab keselamatan DPKS ditugaskan kepada 3 orang kakitangan DPKS sebagai pegawai keselamatan yang menjalankan rondaan di kawasan *resort* mengikut jadual yang ditetapkan.

- ii. Selain itu, bagi menjamin keselamatan bangunan DPA dan DPKS, semakan Audit juga mendapat sebanyak 3 pili bomba disediakan di sekitar bangunan. Alat pemadam api disediakan di setiap tingkat dan setiap unit *resort*. Alat pemadam api juga telah diperiksa mengikut jadual yang telah ditetapkan. Sistem Keselamatan Litar Tertutup (CCTV) digunakan untuk mengawasi dan merakam pergerakan di setiap laluan ke bilik di setiap tingkat serta di sekitar *resort*. Bagaimanapun, sebanyak 35 daripada 64 unit CCTV yang dipasang di DPA tidak berfungsi seperti di **Gambar 12.1**. Manakala di DPKS, 4 daripada 20 unit CCTV yang dipasang juga tidak berfungsi. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 20 Jun 2012, pihak pengurusan telah mengambil tindakan pemberian dan menaik taraf CCTV berkenaan seperti di Gambar 12.2.**

**Gambar 12.1  
Sebahagian Daripada CCTV  
Yang Tidak Berfungsi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hotel De Palma Ampang  
Tarikh: 9 Disember 2011

**Gambar 12.2  
CCTV Yang Telah Dibaiki Dan  
Dinaik Taraf**



Sumber: Hotel De Palma Ampang  
Lokasi: Hotel De Palma Ampang  
Tarikh: 13 Jun 2012

## b. Kebersihan Persekitaran Bangunan

Dalam operasi sesebuah hotel, kebersihan seluruh kawasan hotel harus dijaga dengan baik untuk persekitaran yang selesa kepada pelanggannya. Tanggungjawab ini diberikan kepada bahagian *housekeeping*. Semakan Audit mendapat terdapat beberapa bahagian persekitaran hotel DPA dan ruang dapur DPKS tidak terurus dan telah mencacatkan pemandangan. Bagaimanapun selepas teguran Audit, tindakan pembersihan telah dibuat oleh DPMS seperti di **Gambar 12.3** hingga **Gambar 12.10**.

**Gambar 12.3**  
**Keadaan Di Persekutaran Luar Bangunan Hotel DPA Dilonggokkan Peralatan Perabot Yang Rosak**



**Gambar 12.4**  
**Keadaan Di Persekutaran Luar Bangunan Hotel DPA Yang Telah Dibersihkan**



**Gambar 12.5**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hotel De Palma Ampang  
Tarikh: 9 Disember 2011

**Gambar 12.6**



Sumber: Hotel De Palma Ampang  
Lokasi: Hotel De Palma Ampang  
Tarikh: 28 Februari 2012

**Gambar 12.7**  
**Keadaan Persekutaran Di Ruang Dapur DPKS Yang Kotor**



**Gambar 12.8**  
**Keadaan Persekutaran Di Ruang Dapur DPKS Yang Telah Dibersihkan**



Gambar 12.9



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hotel De Palma Kuala Selangor  
Tarikh: 9 Disember 2011

Gambar 12.10



Sumber: Hotel De Palma Kuala Selangor  
Lokasi: Hotel De Palma Kuala Selangor  
Tarikh: 28 Februari 2012

Pada pendapat Audit, secara umumnya prestasi pengurusan aktiviti Rangkaian Hotel De Palma adalah sederhana memuaskan kerana prestasi keuntungan dan prestasi kadar penginapan bilik tidak mencapai sasaran serta pengurusan pengiklanan dan promosi yang tidak menyeluruh. Walaupun perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Hotel De Palma Ampang adalah baik, penambahbaikan perlu dibuat dari semasa ke semasa antaranya ialah layanan bahagian kaunter yang lebih mesra pelanggan dan keadaan bilik yang bersih dan kemas.

#### 12.4.2.5. Perkhidmatan Dan Kemudahan Yang Disediakan

Sebanyak 150 borang soal selidik telah diedarkan kepada Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan yang menggunakan perkhidmatan DPA bagi menilai pencapaian pengurusan Hotel De Palma. Soal selidik ini merangkumi aspek layanan bahagian kaunter, kualiti dan keselamatan bilik penginapan serta kemudahan yang disediakan untuk pengunjung. Daripada 150 borang soal selidik yang diedarkan, sebanyak 81 (54%) maklum balas diterima dan hasil analisis diringkaskan seperti berikut:

##### a. Layanan Bahagian Kaunter

Soal selidik terhadap layanan bahagian kaunter meliputi aspek bersifat mesra, mahir dan cekap dalam menjalankan tugas cepat dan responsif. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, 43.2% dan 28.4% pengunjung masing-masing memberi maklum balas baik dan sangat baik. Hanya 7.4% pengunjung tidak berpuas hati dengan layanan bahagian kaunter yang disediakan.

##### b. Kualiti Dan Keselamatan Bilik Penginapan

Soal selidik terhadap kualiti dan keselamatan bilik penginapan meliputi peralatan berfungsi dengan baik, bersih dan selesa serta kemudahan yang lengkap. Maklum

balas yang diterima mendapati secara keseluruhannya, 42.3% dan 29% pengunjung masing-masing memberi maklum balas baik dan sangat baik. Hanya sebanyak 7.7% pengunjung tidak berpuas hati dengan kualiti bilik penginapan di DPA kerana keadaan bilik berhabuk dan tidak bersih, kesulitan untuk mendapatkan kelengkapan bilik seperti tuala, sabun dan kertas tisu serta tandas bocor. Manakala keselamatan bilik di DPA, 47.4% pengunjung bersetuju bahawa tahap keselamatan adalah amat baik.

**c. Kemudahan Di DPA**

DPA dilengkapi surau, kolam mandi, tempat letak kereta, utiliti dan restoran berkeadaan baik untuk kegunaan pengunjung hotel. Didapati 62.9% daripada 70 pengunjung beragama Islam bersetuju bahawa kemudahan surau yang disediakan adalah amat baik. Manakala bagi kemudahan selain surau, 42.6% pengunjung memberi maklum balas baik manakala 16.1% berpendapat sangat baik. Bagaimanapun, sebanyak 16.1% pengunjung memberi maklum balas kemudahan yang disediakan tidak memuaskan.

**d. Kadar Sewa Berpatutan**

Seramai 57 (73.1%) daripada 78 pengunjung bersetuju bahawa kadar sewa bilik yang dikenakan adalah berpatutan. Manakala 3 (3.8%) pengunjung berpendapat kadar adalah tidak berpatutan dan 18 (23.1%) pengunjung tidak pasti.

**12.4.3. Tadbir Urus Korporat**

**12.4.3.1. Lembaga Pengarah**

**a. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah**

- i. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan pelantikan Lembaga Pengarah Syarikat Subsidiari hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun. Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007)[Kod Tadbir Urus] menetapkan bagi mewujudkan Lembaga Pengarah yang berkesan untuk mengurus syarikat dengan cekap dan telus, maka 33% (1/3) keanggotaan Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada pengarah bukan eksekutif yang bebas, berwibawa dan berpengalaman.
- ii. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah DPMS dianggotai oleh 3 ahli iaitu Timbalan Pengurus Besar Perhubungan Korporat PKNS, Setiausaha Kerja PKNS dan seorang pengarah bukan eksekutif iaitu Ahli Parlimen Kuala Langat. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah DPMS dikeluarkan melalui resolusi Pekeliling Pengarah DPMS dan dibentang untuk kelulusan Lembaga Pengarah PKNS

seperti ditetapkan oleh peraturan. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan pelantikan Ahli Parlimen Kuala Langat telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah PKNS. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan kemahiran dan pengalaman ahli Lembaga Pengarah bukan eksekutif kerana tiada maklumat berkaitan dikemukakan. Pelantikan Lembaga Pengarah DPMS sewajarnya dilaksanakan selaras dengan Kod Tadbir Urus dan peraturan Kerajaan bagi menjaga kepentingan PKNS dan Kerajaan Negeri.

#### **b. Manfaat Ahli Lembaga Pengarah**

- i. Kod Tadbir Urus juga menggariskan Lembaga Pengarah perlu mewujudkan jawatankuasa bagi menetapkan manfaat dan ganjaran yang layak diterima oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa yang dilantik perlu dinyatakan secara telus dalam laporan tahunan syarikat. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun hendaklah menentukan dengan jelas perkara yang perlu dibentangkan untuk kelulusan dan perkara yang perlu dibentangkan untuk makluman Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah DPMS tidak mewujudkan jawatankuasa bagi menentukan ganjaran dan manfaat yang layak diterima oleh Lembaga Pengarah DPMS. Lembaga Pengarah PKNS juga tidak menetapkan ganjaran dan manfaat untuk kelulusan atau makluman Lembaga Pengarah. Yuran pengarah DPMS bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 telah diluluskan di peringkat Jawatankuasa Kewangan PKNS dan Lembaga Pengarah PKNS. Bagaimanapun, ganjaran dan manfaat seperti elaun mesyuarat dan elaun perbatuan (tahun 2009 sahaja) yang dibayar kepada ahli Lembaga Pengarah DPMS berjumlah RM74,500, RM42,000 dan RM31,250 masing-masing pada tahun 2009, 2010 dan 2011 hanya diluluskan oleh ahli Lembaga Pengarah DPMS dan tidak dibentangkan untuk kelulusan atau makluman Lembaga Pengarah PKNS.

#### **12.4.3.2. Pembayaran Dividen**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan antaranya cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan dikemukakan kepada Pihak Berkua Negeri. Dividen perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham sekurang-kurangnya 10% setahun. Sekiranya keuntungan lebih tinggi diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu dipertingkatkan ke tahap yang seberapa tinggi tanpa menjaskan kedudukan kewangan syarikat. Pihak Audit mendapati, DPMS tidak pernah membayar dividen saham biasa kepada PKNS kerana keuntungan sebelum cukai hanya mampu membayar dividen saham utama seperti yang

telah ditetapkan pada kadar 3%. Sungguhpun begitu didapati bayaran dividen saham utama kepada PKNS berjumlah RM60,000 pada kadar 3% bagi tahun 2009 dan 2010 juga masih belum dibayar kepada PKNS oleh DPMS semasa pengauditan dijalankan. Selepas teguran Audit, bayaran telah dibuat pada bulan Mei 2012.

#### 12.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menggariskan keperluan syarikat induk menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan (Jawatankuasa) untuk memelihara kepentingan Kerajaan, meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan, mengawasi dasar dan sistem perakaunan, kawalan dalaman, laporan kewangan dan etika perniagaan syarikat serta menentukan sumber Kerajaan diurus seberapa cekap dan efektif untuk memenuhi objektif korporat dan sosial.
- b. Semakan Audit mendapati, DPMS tidak mewujudkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan kerana Lembaga Pengarah PKNS telah memutuskan untuk mewujudkan jawatankuasa tersebut di peringkat PKNS. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan, jawatankuasa tersebut masih belum ditubuhkan walaupun penubuhan jawatankuasa yang telah diluluskan pada 13 April 2009 oleh Mesyuarat Pengurusan PKNS Bilangan 2 Tahun 2009. Kelewatan penubuhan jawatankuasa ini akan memberi kesan kepada sistem pemantauan di peringkat induk dalam menangani masalah dan melakukan usaha penambahbaikan. **Mengikut maklum balas DPMS bertarikh 20 Jun 2012, ahli Lembaga Pengarah telah memperakarkan penubuhan pembentukan jawatankuasa tersebut dalam mesyuarat pada 10 Mei 2012.**

#### 12.4.3.4. Jawatankuasa EXCO

- a. Mengikut perjanjian antara DPMS dengan syarikat swasta yang dilantik sebagai pengendali hotel, Jawatankuasa EXCO hendaklah bermesyuarat sebulan sekali dan dipertanggungjawabkan bagi menggerak dasar dan polisi yang telah ditetapkan, mencadang, mengkaji dan mengenal pasti secara terperinci sebarang penambahbaikan, kelemahan dan masalah yang wujud kepada syarikat serta melaporkan pencapaian prestasi syarikat dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Kekerapan mesyuarat Jawatankuasa EXCO adalah seperti di **Jadual 12.9**.

**Jadual 12.9**

**Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa EXCO DPMS Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Kekerapan Mesyuarat (Bilangan)	Tempoh Pusingan Mesyuarat
2009	12	Setiap bulan
2010	11	Setiap bulan kecuali bulan Disember
2011	12	Setiap bulan

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa EXCO, DPMS

- b. Semakan Audit mendapati, Jawatankuasa EXCO ada bermesyuarat pada setiap bulan seperti yang telah ditetapkan. Antara perkara yang dibincangkan ialah menerima dan mengesahkan laporan kewangan bulanan bagi setiap hotel, menyelesaikan perkara berbangkit seperti pembelian aset, prestasi kemajuan projek pengubahsuaian bangunan dan kemudahan serta lain-lain. Walaupun ahli mesyuarat EXCO menyedari kelemahan terhadap prestasi kewangan semasa pembentangan bagi rangkaian hotel, tiada bukti perkara ini ada dibincang secara terperinci mengenai cara mengatasi kelemahan yang wujud serta usaha ke arah penambahbaikan yang lebih kreatif dan inovatif.

#### **12.4.3.5. Rancangan Korporat**

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat Kerajaan perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat penting disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya bagi membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan Misi dan keupayaan organisasi. Ia juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik serta hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan.
- b. Semakan Audit mendapati, DPMS tidak menyediakan rancangan korporat sejak ditubuhkan yang mengandungi rancangan jangka pendek dan rancangan jangka panjang serta petunjuk prestasi. Rancangan korporat perlu disediakan bagi menilai pencapaian prestasi syarikat. Rancangan korporat yang disediakan juga perlu menetapkan penanda aras dengan syarikat dalam industri yang sama ke arah mencapai Visi dan Misi yang ditetapkan. Ketiadaan rancangan korporat boleh menyebabkan hala tuju syarikat tidak selaras dengan matlamat PKNS dan Kerajaan Negeri Selangor. Penanda aras dengan syarikat dalam industri yang sama tidak dibuat boleh menyebabkan DPMS menjadi syarikat Kerajaan yang tidak berdaya saing serta tidak mempunyai hala tuju yang jelas.

#### **12.4.3.6. Penubuhan Syarikat Subsidiari - Syarikat De Palma Sarawak Sdn. Bhd.**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menggariskan penubuhan syarikat baru hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun, antaranya tujuan, faedah kepada kumpulan syarikat, peratusan ekuiti yang dipegang, kos dan perancangan korporat syarikat. Semakan Audit mendapati DPMS ada menubuhan DPWK melalui penubuhan Syarikat De Palma Sarawak Sdn. Bhd. (DPSSB). Ia ditubuhkan pada 23 Julai 2010 di bawah Akta Syarikat 1965 melalui usahasama antara DPMS dan Syarikat Lambang Cahaya dengan pegangan ekuiti masing-masing sebanyak 51% dan 49%. Modal yang dibenarkan adalah RM3 juta. Manakala modal berbayar ialah

RM0.10 juta. DPSSB telah beroperasi sejak bulan September 2011. Lembaga Pengarah terdiri daripada 5 orang ahli iaitu Timbalan Pengurus Besar Pentadbiran Dan Pembangunan PKNS sebagai pengurus, Arkitek PKNS, Pengurus Besar Kumpulan DPMS dan 2 wakil dari Syarikat Lambang Cahaya Sdn. Bhd.. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah DPSSB dibuat melalui Ahli Lembaga Pengarah DPMS. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti DPMS mengemukakan kertas cadangan penubuhan kepada Lembaga Pengarah PKNS. Selain itu, pelantikan Lembaga Pengarah dan elau mesyuarat pengarah juga tidak dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKNS.

#### **12.4.3.7. Pengurusan Kewangan**

Seksyen 167, Akta Syarikat 1965 antara lain menetapkan setiap syarikat, pengarah dan pengurus syarikat bertanggungjawab memastikan rekod kewangan disimpan dengan teratur bagi memudahkan pengauditan dijalankan. Rekod kewangan perlu disimpan bagi tempoh 7 tahun. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan pihak pengurusan syarikat Kerajaan perlu menyediakan dan mengemas kini peraturan berkaitan perbelanjaan syarikat bagi mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Pengauditan meliputi kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan sumber manusia dan pengurusan aset. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan DPMS adalah seperti berikut:

- a. Bajet tahunan diluluskan oleh Lembaga Pengarah DPMS. Tiada bukti menunjukkan bajet tahunan dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah PKNS.
- b. Semua garis panduan dan prosedur kerja bagi manual operasi yang disediakan tidak bertarikh dan tidak ditandatangani semasa pemeriksaan Audit dijalankan. Selain itu, tiada bukti menunjukkan kajian semula dan penambahbaikan dibuat terhadap manual operasi yang diguna pakai bagi menepati kehendak masa kini.
- c. Skim kenaikan gaji kakitangan DPMS dibentangkan dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah DPMS. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan ia dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah PKNS.
- d. Daftar Aset Tetap yang diselenggarakan tidak lengkap seperti nombor siri pendaftaran dan lokasi aset tidak dicatatkan bagi memudahkan aset dikesan. Selain itu, tiada bukti pemeriksaan aset tahunan dijalankan bagi memastikan kewujudan aset dan berada dalam keadaan baik. Selepas teguran Audit, daftar tersebut telah dikemas kini pada bulan Mei 2012.
- e. Perjanjian Penyewaan telah ditandatangani antara DPMS dengan PKNS untuk tempoh 3 tahun bagi kesemua RHDP. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan dokumen berkaitan kerana tidak dikemukakan kecuali Perjanjian Penyewaan asal DPKS ditandatangani pada 19 Mei 1999 untuk tempoh 3 tahun dan

berakhir pada 29 Februari 2000. Semakan Audit mendapati, tiada bukti menunjukkan notis bertulis/pembaharuan Perjanjian Penyewaan dibuat oleh PKNS dan DPMS selepas tamat tempoh perjanjian pada tahun 2000 sehingga penyemakan semula kadar sewaan dibuat. Bagaimanapun, Perjanjian Penyewaan mengikut kadar baru yang ditetapkan masih di peringkat penyediaan draf dan masih belum ditandatangani antara PKNS dan DPMS walaupun pembayaran tunggakan sewa telah dibayar oleh DPMS bermula pada Januari 2010. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 29 Februari 2012, DPMS akan merujuk kepada pengurusan PKNS berkaitan perjanjian kadar sewa yang baru.**

Pada pendapat Audit, pengurusan tadbir urus dan pengurusan kewangan adalah kurang memuaskan. Antaranya, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan masih belum ditubuhkan serta pengurusan kewangan DPMS masih perlu dipertingkatkan terutamanya bajet tahunan dan skim kenaikan gaji kakitangan tidak dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah PKNS, garis panduan operasi tidak dikemas kini, daftar aset tidak diselenggara dengan lengkap serta pemeriksaan tahunan aset tidak dijalankan.

## 12.5. SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan De Palma Management Services Sdn. Bhd. (DPMS) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mengambil tindakan terhadap perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat seperti berikut:

**12.5.1.** DPMS hendaklah memperkuatkkan prestasi kewangan dengan meningkatkan prestasi keuntungan serta memperluas dan meningkatkan pengiklanan dan promosi aktiviti perhotelan.

**12.5.2.** Lembaga Pengarah PKNS hendaklah mewujudkan sistem pemantauan yang berkesan dan memastikan kelemahan pengurusan operasi dan aktiviti diambil tindakan segera serta semua kumpulan syarikat subsidiarinya mematuhi dasar dan peraturan yang ditetapkan serta Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat Malaysia. DPMS perlu mengkaji semula dan menyediakan prosedur yang jelas dan khusus bagi pengurusan kewangan.



---

## BAHAGIAN III PERKARA AM



## **BAHAGIAN III PERKARA AM**

### **13. PENDAHULUAN**

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan. **Bahagian** ini melaporkan Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006, 2008, 2009 Dan 2010 yang masih belum selesai. Bahagian ini juga melaporkan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Serta Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2010 di Dewan Undangan Negeri serta laporan mengenai Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor, Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas dan Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (SELCAT) terhadap isu Audit.

### **14. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006, 2008, 2009 DAN 2010**

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006, 2008, 2009 dan 2010 yang masih belum selesai berkaitan Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapati setakat 1 April 2012, Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap 30 daripada 57 perkara tahun 2006, 2008, 2009 dan 2010 yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010. Bagi 27 perkara yang lain, Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan belum/sedang mengambil tindakan susulan. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan segera bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor yang telah dibuat oleh pihak Audit.

## 14.1. TAHUN 2006

### 14.1.1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

#### - Penswastaan Pembangunan Penempatan Kawasan Orang Asli

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil
1.	<p>Sehingga bulan April 2011, daripada pulangan keseluruhan berjumlah RM15.33 juta meliputi bayaran tunai sejumlah RM1.54 juta dan rumah kediaman serta bangunan kemudahan sejumlah RM13.79 juta. Kontraktor telah membuat bayaran berikut:</p> <p>a. Pulangan dalam bentuk bayaran tunai RM1.54 juta - bayaran Sumbangan Masuk Rumah Banglo berjumlah RM240,000 pada bulan Februari 2011 dan Tabung Amanah Kebajikan serta Tabung Amanah Pendidikan berjumlah RM300,000 pada bulan April, Mei dan Jun 2010.</p> <p>b. Pulangan dalam bentuk rumah kediaman serta bangunan kemudahan berjumlah RM13.79 juta - penyiapan 21 unit Rumah Banglo Setingkat Jenis A bernilai RM6.20 juta dan 9 unit Rumah Banglo Setingkat Jenis B bernilai RM2.66 juta. Kontraktor juga telah menyiapkan dewan, surau, tadika dan rumah guru tadika bernilai RM1.73 juta.</p> <p>Bagaimanapun, kontraktor masih perlu menyelesaikan baki pulangan berjumlah RM4.20 juta kepada orang asli.</p>	<p>Pulangan keseluruhan yang belum diserahkan adalah berjumlah RM4.20 juta yang meliputi 30 unit rumah pangsa kos sederhana rendah berukuran 700 kaki bermilai RM1.83 juta, 23 unit rumah pangsa kos rendah berukuran 650 kaki persegi bermilai RM931,000, 2 unit kedai/pejabat 2 tingkat berukuran 3520 kaki persegi bermilai RM446,000, Tabung Amanah Kebajikan bermilai RM450,000 dan Tabung Amanah Pendidikan bermilai RM550,000.</p>

## 14.2. TAHUN 2008

### 14.2.1. JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

#### - Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA)

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil
2.	<p>Bilangan jawatan penyelia tidak mematuhi Garis Panduan di mana nisbah penyelia dan guru berbeza antara daerah iaitu dengan nisbah antara 1:112 hingga 1:600. Sehingga bulan April 2011, pihak JAIS telah melantik 27 orang penyelia KAFA berbanding 32 orang yang diluluskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Lima penyelia masih belum dilantik.</p>	<p>Sebanyak 5 penyelia masih belum dilantik. Pihak JAIS telah menyenaraikan 5 nama kepada JAKIM dan sedang menunggu surat pelantikan.</p>

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil
3.	Sehingga bulan April 2011, seramai 10 guru KAFA di Daerah Petaling yang telah memberi notis menamatkan perkhidmatan antara bulan Disember 2007 hingga Ogos 2008 masih belum menjelaskan elaun terlebih bayar kepada mereka berjumlah RM11,037.	Sebanyak 10 guru KAFA ini masih belum menjelaskan baki elaun terlebih bayar berjumlah RM11,037 kepada JAIS. Sekiranya penyelia masih tidak berjaya mengutip semula baki elaun ini, pihak JAIS akan mengenakan tindakan surcaj terhadap mereka.

#### 14.2.2. PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR DAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

- Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS)

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil
4.	<p>Pengurusan Keselamatan SPEKS perlu ditingkatkan antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata laluan yang disimpan dalam pangkalan data tidak <i>encrypted</i> dan boleh dibaca oleh mereka yang ada akses ke pangkalan data kata laluan.</li> <li>• Kata laluan pengguna kurang daripada 8 karakter yang ditetapkan dan tidak <i>alphanumeric</i>.</li> <li>• Sistem tidak menyelenggarakan rekod mengenai kata laluan yang pernah dan sedang digunakan.</li> <li>• Kawalan automasi tidak diwujudkan dalam sistem bagi menyekat akses kepada pengguna yang tidak menukar kata laluan semasa <i>log in</i> kali pertama, cubaan <i>log in</i> dengan menggunakan kata laluan salah melebihi 3 kali, kata laluan sama digunakan melebihi tempoh maksimum 90 hari dan pengguna tidak aktif melebihi 30 hari.</li> </ul> <p><i>Public Key Infrastructure</i> akan dibangunkan oleh Seksyen Khidmat Perunding (SKP) SPEKS, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) selepas penutupan akaun tahun 2010 untuk menyelesaikan kelemahan ini.</p>	<i>Public Key Infrastructure</i> akan digunakan di semua Pusat Tanggungjawab Negeri Selangor mulai 2 Mei 2012.
5.	Log Jejak Audit masih belum diaktifkan walaupun telah sedia ada dalam SPEKS. Ini menyebabkan Kerajaan Negeri menghadapi risiko integriti dan keselamatan data.	Perkara ini akan diambil kira dalam penggunaan <i>Public Key Infrastructure</i> .
6.	Penyata Memorandum Aset (Penyata F) Dan Liabiliti (Penyata G) masih disediakan secara manual dan tidak boleh dijanakan melalui SPEKS.	Kedua-dua penyata masih disediakan secara manual. Perkara ini masih dalam tindakan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

#### **14.2.3. JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR**

- Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Selangor

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil
7.	Setakat 1 April 2011, sebanyak 6 TKPM masih belum diwartakan. Kelewatan pewartaan menyebabkan kepentingan TKPM tidak terjamin.	Permohonan pewartaan bagi 5 TKPM masih belum diluluskan manakala permohonan bagi satu TKPM ditolak kerana tanah telah diberi hak milik kepada sebuah syarikat Kerajaan Negeri.

#### **14.2.4. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR**

- Pengurusan Bangunan

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil
8.	Terdapat 29 premis kosong iaitu 28 di Kompleks PKNS Kuala Selangor dan satu di Shah Alam Convention Center (SACC) Mall yang masih belum disewakan.	Sebanyak 14 premis masih belum disewakan iaitu 13 di Kompleks PKNS Kuala Selangor dan satu di SACC Mall.

#### **14.2.5. PENGURUSAN PKNS INFRA BERHAD (PIB)**

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil
9.	Pengurusan Saham PIB tidak selaras dengan kelulusan Menteri Kewangan yang menetapkan 70% ekuiti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) hendaklah dikurangkan daripada semasa ke semasa dan dijual kepada kakitangan atau syarikat bumiputera. Cadangan penstrukturkan semula 3 syarikat subsidiari PKNS tidak mencapai persetujuan. Jawatankuasa Saham PIB bercadang untuk mengadakan sesi penerangan kepada anggota PKNS dan syarikat subsidiarinya bagi tujuan promosi memiliki saham PIB. Dijangka proses promosi dapat diselesaikan pada bulan Jun 2011.	Jawatankuasa Saham telah mengadakan sesi taklimat berkenaan saham syarikat kepada wakil persatuan dan koperasi di PKNS pada 28 Oktober 2011 tetapi tidak mendapat maklum balas positif.
10.	Pelantikan Lembaga Pengarah PIB tidak selaras dengan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat dan peraturan Kerajaan. PKNS akan mengemukakan surat kepada Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor untuk memohon kelulusan nama calon Lembaga Pengarah PIB yang dicadangkan.	Kelulusan daripada Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor masih belum diterima.

### **14.3. TAHUN 2009**

#### **14.3.1. PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR**

##### **- Pengurusan Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri Selangor**

<b>Bil.</b>	<b>Isu-Isu Laporan Audit</b>	<b>Tindakan Susulan Yang Belum Diambil</b>
11.	Penyata Pinjaman Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut (F1a) seperti pada 31 Disember 2010 menunjukkan tiada bayaran dibuat masing-masingnya oleh Yayasan Selangor dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) terhadap pinjaman pembiayaan kos operasi INPENS Industrial College (INPENS) berjumlah RM20.80 juta dan kos pembangunan Universiti Industri Selangor (UNISEL) berjumlah RM22.40 juta.	<p>Pihak Yayasan Selangor bersetuju untuk membuat pembayaran 4 kali setahun mulai bulan April 2012 bagi pinjaman berjumlah RM20.80 juta tersebut.</p> <p>Manakala KDEB tidak mengambil kira jumlah RM22.40 juta tersebut sebagai pinjaman KDEB kerana telah dipindah milik kepada MBI. Bagaimanapun, Perbendaharaan Negeri Selangor menegaskan bayaran pinjaman tersebut perlu dibuat oleh KDEB berdasarkan pandangan Penasihat Undang-undang Negeri Selangor pada 10 Februari 2010.</p>
12.	Penyata Pinjaman Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut (F1a) seperti pada 31 Disember 2010 menunjukkan INPENS masih tidak membuat bayaran terhadap pinjaman pengurusan berjumlah RM17 juta. Kerajaan Negeri dalam proses mempermodalkan jumlah ter hutang ini.	Perbendaharaan Negeri dalam tindakan mempermodalkan jumlah ter hutang tersebut.

#### **14.3.2. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

##### **- Pengurusan Projek Penswastaan Kerajaan Negeri Selangor**

<b>Bil.</b>	<b>Isu-Isu Laporan Audit</b>	<b>Tindakan Susulan Yang Belum Diambil</b>
13.	Sehingga bulan April 2011, projek penswastaan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 1995 hingga 2009 berjumlah 49 projek. Sebanyak 29 projek telah berjaya diselesaikan, 7 projek telah dibatalkan manakala 13 projek dalam peringkat pelaksanaan.	Daripada 49 projek, sebanyak 30 projek penswastaan telah berjaya diselesaikan, 8 projek telah dibatalkan dan baki 11 projek dalam peringkat pelaksanaan.
14.	Sehingga bulan April 2011, Kerajaan Negeri telah memperoleh pulangan berjumlah RM314.80 juta (67.2%) manakala baki pulangan yang belum diperoleh bernilai RM69.50 juta (14.8%) dan baki pulangan yang terlibat dengan kaveat/pembatalan bernilai RM84.60 juta (18%). Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula semua bentuk pulangan sedia ada yang masih belum	Kerajaan Negeri telah memperoleh pulangan berjumlah RM333.50 juta (71.4%) manakala baki pulangan yang belum diperoleh bernilai RM20.30 juta (4.3%).

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil
	diterima dan menentukan sama ada ia masih relevan dengan keperluan semasa.	
15.	Sehingga bulan April 2011, Kerajaan Negeri belum menerima pulangan daripada Getrahome Sdn. Bhd. berjumlah RM14.99 juta (76.4%) daripada nilai pulangan berjumlah RM19.63 juta daripada Pemaju Projek Mukim Dengkil. Pulangan ini meliputi premium tanah (RM0.83 juta), pembinaan dan baik pulih surau (RM4.32 juta) serta infrastruktur (RM9.84 juta).	Pihak UPEN sedang mengkaji perjanjian penswastaan dan akan menuntut baki bayaran pulangan Kerajaan Negeri daripada pihak syarikat.
16.	Kerajaan Negeri sepatutnya menerima pulangan berjumlah RM5.29 juta daripada pemaju Projek Mukim Sungai Buloh iaitu Cekal Raya Sdn. Bhd.. Setakat bulan April 2011, baki pulangan dalam bentuk <i>in-kind</i> sebanyak RM500,000 iaitu perpustakaan awam, tadika, dewan orang ramai dan surau masih belum diterima.	Pihak UPEN sedang mengkaji perjanjian penswastaan dan akan menuntut baki bayaran pulangan Kerajaan Negeri daripada pihak syarikat.

#### 14.3.3. JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR

- Pengurusan Projek Pembinaan Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor Dan Mahkamah Rendah Syariah Daerah

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil
17.	Pihak Amanah Raya Development Sdn. Bhd. dikehendaki menyiapkan projek ini merangkumi Mahkamah Tinggi Ibu Pejabat dan 9 Mahkamah Rendah Daerah dalam tempoh 30 bulan daripada tarikh kelulusan pelan bangunan. Pelan bangunan yang terakhir telah diluluskan bagi kesepuluh projek ini adalah antara bulan September 2007 hingga Disember 2011. Setakat bulan April 2011, kemajuan kerja projek ini secara keseluruhan adalah 92.7%. Kemajuan kerja semua mahkamah adalah memuaskan iaitu melebihi 90% kecuali Mahkamah Rendah Syariah Daerah Gombak di mana kemajuan kerja hanya 9% sahaja.	Kedudukan keseluruhan projek pada bulan April 2012 adalah 93.5%. Sebanyak 4 projek telah siap dibina manakala peratus siap 5 projek lain adalah antara 92% hingga 96%. Bagi Mahkamah Rendah Syariah Daerah Gombak yang dijangka siap pada 31 Ogos 2012, peratus siap pembinaan bangunan ini adalah 13% sahaja. Kelewatan pelaksanaan projek ini disebabkan perubahan lokasi tapak. Kerja pembinaan sedang giat dilaksanakan.

#### 14.3.4. Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd. (SIC)

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil
18.	<p>Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif (Jawatankuasa EXCO) yang berperanan memantau pengurusan kewangan dan operasi SIC. Pihak Audit mendapati Ketua Bahagian Audit Dalam PKNS tidak menganggotai dan menjadi setiausaha dan tiada pengauditan dalaman dijalankan bagi menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan SIC.</p> <p>Sehingga bulan April 2011, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan PKNS telah ditubuhkan. Senarai keanggotaan telah ditetapkan. Namun surat lantikan masih dalam proses.</p>	Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan PKNS telah ditubuhkan. SIC masih belum dimaklumkan oleh PKNS mengenai keanggotaan jawatankuasa berkenaan mahupun skop dan jadual audit.

#### 14.4. TAHUN 2010

##### 14.4.1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

###### - Program Pembangunan Pelancongan

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil
19.	Rumah Rehat GAP di Bukit Fraser tidak digunakan dan telah terbiar selama 2 tahun. Keadaan persekitaran diselaputi semak samun yang menjalar ke merata kawasan dan juga menutupi sebahagian dinding dan bumbung rumah rehat itu kerana tidak disenggarakan.	Kerajaan Negeri telah mengambil alih projek tersebut dari Kementerian Pelancongan Malaysia dengan memanggil beberapa arkitek untuk menilai, merekabentuk serta mendapat anggaran kos bagi kerja membaik pulih bangunan tersebut.
20.	Kerosakan di bahagian dalam dan luar Rumah Rehat Sri Berkat, Bukit Fraser masih belum dibaik pulih kerana kekurangan peruntukan kewangan.	Projek menaiktaraf rumah rehat Fasa 1 telah disiapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada 28 November 2011 dengan peruntukan sebanyak RM790,000. Kerja menaiktaraf rumah rehat Fasa 2 akan dilaksanakan selepas pihak JKR meneliti <i>Bill Of Quantity</i> .

#### **14.4.2. JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR**

##### **- Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar**

<b>Bil.</b>	<b>Isu-Isu Laporan Audit</b>	<b>Tindakan Susulan Yang Belum Diambil</b>
21.	Kadar royalti kayu jaras tidak pernah disemak semula sejak tahun 1988. Jabatan telah mengemukakan Kertas Ringkasan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bertarikh 28 Mac 2011 kepada EXCO Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam Dan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor bertujuan mendapat kelulusan MMKN atas cadangan kadar royalti baru bagi kayu bakau.	Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedang meneliti kadar royalti bagi kayu bakau/jaras dengan membandingkan kadar yang dikenakan oleh negeri lain di Semenanjung Malaysia bagi tujuan membuat pelarasan sebelum diangkat semula ke Majlis Tindakan Ekonomi Selangor.

#### **14.4.3. MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)**

##### **- Kumpulan Darul Ehsan Berhad**

<b>Bil.</b>	<b>Isu-Isu Laporan Audit</b>	<b>Tindakan Susulan Yang Belum Diambil</b>
22.	Bagi Projek Selangor Halal Hub Fasa 1, hanya 2 (20%) daripada 10 pelabur menjalankan operasi sepenuhnya. Manakala 8 pelabur masih belum menjalankan operasi mengeluarkan produk halal.	Terdapat 4 dari 10 pelabur di Projek Selangor Halal Hub Fasa 1 yang telah menjalankan operasi. Satu pelabur telah mendapat kelulusan kebenaran merancang daripada pihak berkuasa berkaitan untuk pembinaan kilang.
23.	Seluas 120.29 ekar tanah Projek Selangor Halal Hub Fasa 2 (SHH2) telah dijual kepada 9 pelabur yang memberikan pulangan pelaburan sejumlah RM520 juta dan menyediakan peluang pekerjaan kepada seramai 685 orang. Manakala 117.71 ekar tanah SHH2 masih belum ada pelabur. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 22 Disember 2010 mendapati pelabur masih belum melaksanakan operasi pengilangan untuk menghasilkan produk halal semenjak tarikh surat perjanjian jual beli ditandatangani.	Seluas 141.40 ekar tanah projek Selangor Halal Hub Fasa 2 telah dijual kepada 12 pelabur. Satu daripada 12 pelabur sedang menjalankan kerja pembinaan kilang dan dijangka beroperasi pada pertengahan tahun 2013. .
24.	Pihak Central Spectrum (M) Sdn. Bhd. telah memberi kelulusan kemudahan membeli lot tanah di Projek Selangor Halal Hub secara ansuran berperingkat kepada 3 daripada 10 pelabur. Pembayaran secara ansuran ini diluluskan oleh pihak pengurusan syarikat untuk memastikan projek ini dapat dilaksanakan dan memandangkan syarikat ini adalah antara syarikat terawal melabur di dalam projek ini. Bagaimanapun, setakat	Pembayaran secara ansuran telah selesai dibayar oleh 2 pelabur. Hanya satu pelabur masih mempunyai baki berjumlah RM3.90 juta yang dijangka selesai dibayar pada bulan Oktober 2013.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil
	bulan Disember 2010, satu daripada 3 pelabur ini mempunyai tunggakan bayaran ansurannya berjumlah RM6.02 juta.	
25.	Standard Operating Procedures untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan masih di peringkat draf dan belum diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah.	Standard Operating Procedures untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan masih belum diluluskan kerana KDEB masih dalam penyusunan organisasi syarikat.

#### 14.4.4. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

- Worldwide Holdings Berhad (WHB)

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil
26.	WHB belum menandatangani perjanjian dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membolehkan pembayaran bon pelaksanaan dibuat. Ini boleh menjasaskan reputasi atau prestasi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal sekiranya tindakan pembatalan konsesi atau tindakan diambil oleh Kerajaan Negeri atau PBT.	Perjanjian antara WHB dan PBT masih dalam peringkat draf.
27.	Ganjaran dan manfaat yang dibayar kepada ahli Lembaga Pengarah tidak mendapat kelulusan PKNS Holdings Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.	Ahli Lembaga WHB akan mengemukakan cadangan ganjaran dan manfaat kepada Lembaga Pengarah PKNS melalui PKNS Holdings sebelum pembayaran dibuat.

### 15. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan serta Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2010 telah dibentangkan dalam Dewan Negeri pada 9 November 2011.

### 16. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SELANGOR

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor (Jawatankuasa) telah memutuskan Jabatan/Agensi tertentu dipanggil menghadap Jawatankuasa bagi memberi penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Sehubungan itu, Jawatankuasa telah bermesyuarat 7 kali pada tahun 2011 dan 3 kali setakat bulan April 2012. Ahli Jawatankuasa telah membuat perbincangan yang teliti terhadap isu yang

dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 dan isu lain yang belum selesai pada tahun sebelumnya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Bil. 1/2011 hingga Bil. 7/2011 serta Bil. 1/2012 hingga Bil. 3/2012. Di dalam mesyuarat ini, Jabatan/Agensi yang berkenaan telah memberi taklimat kepada ahli mesyuarat Jawatankuasa mengenai status terkini perkara yang berbangkit dan tindakan yang telah diambil. Hasil daripada perbincangan tersebut, Jawatankuasa berpendapat pada keseluruhannya terdapat peningkatan dan penambahbaikan walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti Jabatan/Agensi dan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri yang masih perlu diberi perhatian. Mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan pada tahun 2011 dan setakat bulan April 2012 adalah seperti di **Jadual 16.1**. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa perlu mengadakan mekanisme pemantauan untuk menentukan syor Jawatankuasa diambil tindakan sewajarnya oleh Ketua Jabatan/Agensi.

#### **Jadual 16.1**

#### **Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006, 2008, 2009 Dan 2010**

Bil. Mesyuarat	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
<b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008</b>			
1/2011	27.1.2011	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor	Projek Tebatan Banjir Di Kawasan Shah Alam, Daerah Petaling
<b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006</b>			
2/2011	24.2.2011	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Unit Perancang Ekonomi Negeri, Makro Dan Penswastaan</li> <li>• Jabatan Kemajuan Orang Asli, Wilayah Persekutuan Dan Selangor</li> </ul>	Projek Penswastaan Pembangunan Tanah Kerajaan Di Penempatan Orang Asli, Bukit Bandaraya, Shah Alam
<b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009</b>			
3/2011	26.5.2011	Majlis Bandaraya Shah Alam	Pembinaan Dan Pengurusan Bangunan Teater Diraja Shah Alam
4/2011	24.6.2011	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Pengurusan Projek Penswastaan Kerajaan Negeri Selangor
5/2011	25.8.2011	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	Pengurusan Program Transformasi Industri Lembu Pedaging
6/2011	22.9.2011	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor	Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar
7/2011	1.12.2011	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	Pengurusan Projek Pembinaan Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor Dan Mahkamah Rendah Syariah Daerah
<b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010</b>			
1/2012	12.1.2012	Perbadawaran Negeri Selangor	Pengurusan Peruntukan Perbelanjaan Am/Luar Jangka
2/2012	23.2.2012	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar
3/2012	26.4.2012	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi, Tourism Selangor Sdn. Bhd.	Program Pembangunan Bagi Pelancongan

## **17. MESUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS**

**17.1.** Tiga Jawatankuasa Pilihan Khas telah ditubuhkan pada 6 Mei 2009 untuk memantau selia urusan pentadbiran Jabatan, Agensi, Badan Berkanun dan Syarikat Subsidiari Kerajaan Negeri Selangor. Jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JPK-PADAT), Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPK-PBT) dan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JPK-ABAS). Pada 31 Julai 2008, mesyuarat bersama pengurus Jawatankuasa di bawah Dewan Negeri Selangor telah bersetuju bahawa Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2008 yang menyentuh mana-mana jabatan/agensi di bawah bidang kuasa JPK-PADAT, JPK-PBT dan JPK-ABAS akan diserahkan kepada Jawatankuasa yang terlibat untuk mengendalikannya. Jawatankuasa perlu bermesyuarat bersama-sama Jabatan Audit Negara Negeri Selangor, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

**17.2.** Sepanjang tempoh bulan Januari 2011 hingga April 2012, JPK-ABAS telah mengadakan 6 mesyuarat untuk membincangkan isu yang berbangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 dan 2010 seperti di **Jadual 17.1**. Jawatankuasa ini juga perlu memastikan syor yang disarankan diambil tindakan sewajarnya.

**Jadual 17.1**

**Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JPK-ABAS) Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 Dan 2010**

Bil. Mesyuarat	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
<b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009</b>			
1/2011	26.1.2011	-	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2009
2/2011	13.4.2011	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	Pengurusan PNSB
3/2011	20.4.2011	PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.	Pengurusan PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.
<b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010</b>			
1/2012	11.1.2012	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	Pengurusan KDEB
2/2012	18.1.2012	Worldwide Holdings	Pengurusan Worldwide Holdings
3/2012	15.2.2012	PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.	Pengurusan PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.

**18. PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI  
KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SELCAT)**

Jabatan Audit Negara Negeri Selangor telah membentangkan ringkasan hasil penemuan Audit terhadap pengauditan pengurusan syarikat PKPS Agro Industries Sdn. Bhd. (PAISB) yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 dalam sesi Pendengaran Awam Jawatankuasa SELCAT pada 7 Mac 2012. Pembentangan ini tertumpu kepada pinjaman berjumlah RM90.30 juta yang diperoleh daripada Kementerian Kewangan bagi melaksanakan 3 projek di bawah Projek Dana Menggalakkan Pertanian Secara Komersial. Ketiga-tiga projek ini yang dilaksanakan oleh 3 syarikat subsidiari PAISB gagal mencapai matlamat yang ditetapkan sehingga satu syarikat subsidiari berhenti beroperasi manakala 2 syarikat dijual.



---

## PENUTUP



## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**  
**22 Mei 2012**

